

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Haji Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara
Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: Bismilahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 9 November 2017 dimulakan dengan:

BENTARA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu juga pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadrat Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu juga Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin
Walhamdulillahi Rabbil 'Alamiin.*

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi, Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 56.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK: HORAS

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

- a) Sejauh manakah kejayaan HORAS membantu masalah air di Selangor jika dibandingkan dengan kos pembinaan?
- b) Setelah kerajaan bersetuju dengan projek Langat Dua, apakah HORAS masih diperlukan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Lembah Jaya yang bertanya idea HORAS tercetus semasa Negeri Selangor diuji dengan masalah kekurangan air mentah sehingga menyebabkan paras air empangan sungai Selangor merosot hingga mencapai 30%. Empangan-empangan lain mencatatkan penurunan sehingga mewujudkan suasana yang panik pada semua pihak. Walaupun HORAS belum siap sepenuhnya ia telah membantu menghasilkan air tambahan sehingga 197 juta liter air sehari untuk keperluan Logi SPP 1, SSP 2, SPP 3 dan Rantau Panjang. Di samping mengurangkan pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. Melalui konsep HORAS pelepasan air dari kedua-dua empangan ini dapat dikawal. Konsep HORAS ini merupakan konsep terbaik pada ketika ini untuk menyelesaikan isu sumber air mentah. HORAS dibangunkan untuk menampung permintaan sumber air mentah bagi logi-logi rawatan air di sepanjang Sungai Selangor. Kejayaan HORAS membantu air di Selangor adalah sangat besar dibandingkan kos pembinaannya. Kejayaan HORAS ini adalah satu kenyataan yang bukan sahaja diketahui oleh rakyat Negeri Selangor malah konsep pelaksanaan HORAS ini telah menjadi ikutan dari Negeri-Negeri yang lain. Projek HORAS ini menjadi tapak lawatan dan sumber rujukan bukan sahaja dari wakil-wakil Negeri seperti Melaka, Kelantan, Johor malah dari pelbagai agensi dan NGO juga datang untuk melihat sendiri bagaimana konsep yang dilaksanakan bagaimana Kerajaan Negeri ini berjaya menyelesaikan masalah kekurangan sumber bekalan air terutamanya semasa musim kering melanda. Walaupun rawatan Logi Sungai Langat 2 siap pada tahun 2019 Kerajaan Negeri Selangor masih memerlukan HORAS untuk berfungsi sebagai sumber air mentah di Negeri Selangor memandangkan bekalan air dari Sungai Langat 2 telah dirangka untuk menampung permintaan dari kawasan yang berbeza dari kawasan agihan dari Skim Sungai Selangor. Bekalan air dari Logi Sungai Langat 2 juga tidak menampung permintaan yang semakin meningkat di kawasan pembangunan baru seperti ELMINA dan kuasa LAND yang akan terus mendapat bekalan dari Skim Sungai Selangor.

TUAN SPEAKER: Balakong

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK: CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah GST yang telah dibayar oleh PBT kepada Jabatan Kastam masing-masing sejak 2015.
 - Nyatakan jumlah GST yang masih tidak dipulangkan oleh Jabatan Kastam kepada PBT masing-masing dan alasannya.
 - Nyatakan cadangan penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Balakong, sehingga kini berjumlah Enam juta seratus enam puluh tujuh ribu, enam sen telah dibayar oleh PBT Selangor kepada Jabatan Kastam dan pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut saya rasa saya tidak perlu bagi setiap “figure”, saya bagi jumlah keseluruhannya adalah enam juta seratus enam puluh tujuh ribu enam sen dan butir-butiran saya akan hantar kepada Yang Berhormat nanti. Jumlah GST yang masih belum diterima dari Jabatan Kastam mengikut PBT adalah seperti apa yang saya nyatakan tadi. Ulasan ataupun sebab mengapa sebahagiannya belum, masih belum dipulangkan balik PBT adalah untuk MBSA. Ulasan Kastam adalah tuntutan kredit tidak munasabah atau pengikraran penyata GST 03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST ini untuk MBSA. Untuk MPPJ ulasan Kastam adalah tuntutan kredit tidak munasabah dan pengikraran penyata GST 03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST ini sama. Untuk MPK ulasan Kastam adalah semakan semula pihak Kastam. Untuk MBAJ, ulasan Kastam adalah tuntutan kredit tidak munasabah atau pengikraran penyata GST 03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST dan tuntutan MARRIS tertakluk kepada cukai barang dan perkhidmatan seksyen 41 Akta Cukai Barang dan perkhidmatan 2014. Untuk MPSJ, ulasan Kastam adalah tuntutan MARRIS tidak tertakluk kepada CBP Seksyen 41 SCBP 2014. Untuk MPS Kastam adalah tuntutan kredit tidak munasabah dan pengikraran penyata GST 03 tidak selari dengan maklumat pendaftaran GST. Untuk MP Sepang, ulasan Kastam adalah semakan semula dari pihak Kastam dan yang lain dan PBT yang lain, alasan ataupun ulasan Kastam adalah seperti apa yang saya nyatakan tadi. Hasil perjumpaan di antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan PBT pada 10hb Ogos 2017, kedua-dua pihak bersetuju untuk membetulkan kekeliruan yang berlaku, Kerajaan Negeri difahamkan bahawa pihak Kastam akan mempertimbangkan semula tuntutan GST yang telah

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

diperjelaskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, sekian, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO saya nampak alasan yang diberikan oleh Jabatan Kastam untuk tidak memulangkan dan lambat memulangkan tuntutan kepada pulangan GST kepada pihak PBT adalah berbagai-bagai alasan. Adalah Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat garis panduan ataupun mekanisme untuk menyelaraskan supaya semua tuntutan itu selaras tidak bercampur-campur agar pihak kerajaan Kastam akan dapat memulangkan dengan cepat, terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Sekinchan, sebenarnya perjumpaan di antara PBT dan Jabatan Kastam telah diadakan seperti apa yang saya nyatakan tadi, jadi pada bulan Ogos dan perjumpaan ini akan diteruskan kerana sistem GST ini masih baru dan memang ada kelewatan di antara pegawai di Jabatan Kastam dan juga di bahagian PBT itu. Saya rasa yang penting adalah komunikasi di antara 2 agensi kerajaan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih saya nak bertanya kepada yang Yang Berhormat EXCO menurut Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri menyatakan kerja-kerja infra akan dikecualikan dari GST. Adakah ia termasuk MARRIS kerana sebelum ini saya difahamkan pada peringkat awal, MARRIS memang boleh dituntut pulangan untuk GST kemudian pihak Kastam kata tidak boleh lagi kerana dia adalah pendua daripada Kerajaan Pusat. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Balakong, permohonan oleh Perdana Menteri pada pembentangan bajet di Parlimen itu masih belum kita terima butiran atau arahan pada Kerajaan Pusat. Saya rasa itu kita kena tunggu sekejap.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih diucapkan kepada EXCO dan Tuan Speaker sememangnya GST ini adalah satu cukai zalim, tambah perit lagi dengan kenaikan harga petrol semalam yang disebabkan oleh Kerajaan BN yang zalim dan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

bersifat mencuri. Soalan saya ialah bukankah pernah atau pun diperlukan, amat diperlukan sekiranya tuntutan pulangan balik GST oleh setiap PBT di tapak diselaraskan dan ditumpukan dan diangkat ke peringkat yang lebih tinggi dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri dan di peringkat EXCO dan kerajaan boleh menumpukan semua aduan dan tuntutan yang tidak dipulangkan oleh Jabatan Kastam dan selaraskan melalui satu unit, satu “task force” memandangkan mesyuarat paling akhir adalah pada bulan Ogos. Maksudnya Jabatan Kastam yang bukan sebuah jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan mengambil masa lebih daripada 3 bulan atau hampir 3 bulan untuk dipulangkan balik. Jadi itu adalah menjadi satu kekangan kepada flos PBT. Dan soal-soal teknikal seperti Borang kosong 3.

TUAN SPEAKER: Soalan-soalan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bukanlah ia perlu di selaraskan di peringkat yang lebih tinggi supaya semua isu-isu yang remeh temeh ini melalui agensi kerajaan Kastam boleh “settlekan”. Itu soalan saya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kampung Tunku, saya ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat .

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Selamat datang ke Sungai Panjang, Juadah Mentarang dan udang lipan, soalan saya soalan 58, Yang Berhormat EXCO sila beli penjelasan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: INDUSTRI PELANCONGAN AGRO

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehadiran dan pendapatan Kerajaan Negeri dari pelancongan agro pada 2015-2017?
- b) Senaraikan 10 lokasi utama pelancongan agro di Selangor mengikut turutan?
- c) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih diucapkan kepada Sungai Panjang, daripada keseluruhan segmen pelancongan di Negeri Selangor, pelancongan agro adalah merupakan segmen pelancongan yang ketiga (ke 3) terbesar iaitu 15% dalam keseluruhan 10 segmen utama pelancongan ke Negeri Selangor.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Walau bagaimanapun Sungai Panjang telah memohon untuk data terperinci hanya tentang Agro pelancongan, kita tidak dapat memberi tetapi mengumpul data secara keseluruhan. Maka saya ingin maklumkan kepada dewan yang mulia ini pada tahun 2015 jumlah pelancong luar negara dan tempatan adalah 7,014,913, pada tahun 2016 berjumlah 7,283.532 dan 2017 sehingga bulan Jun adalah 3,725,974. Manakala jumlah resit pelancongan pendapatan Kerajaan Negeri dari industri pelancongan mengikut jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor secara keseluruhan adalah seperti berikut. Pada tahun 2015 - RM4,920,259,978.20, pada tahun 2016 - RM5,108,669,344.80 dan 2017 sehingga bulan Jun adalah RM2,613,398,163.60. Terdapat pelbagai produk pelancongan bersifat agro pelancongan di Negeri Selangor. 10 lokasi utama agro pelancongan di Negeri Selangor adalah seperti berikut 1. Kawasan Pelancongan Sekinchan, Sabak Bernam. Sekinchan dengar. Nombor 2 Homestay Sungai Haji Dorani di Sabak Bernam juga. 3. Homestay Sungai Sireh di Kuala Selangor. 4. Homestay Banghurst, Sepang. 5. Selangor Fruits Valley di Bestari Jaya. 6. Genting Strawberry Leisure Farm, Hulu Selangor. 7. Taman Botani Negara Shah Alam di Shah Alam. 8. Pulau Ketam di Klang. 9. Kuan Wellness Ecopark, di Kuala Langat. 10. Paya Indah Wetlands di Kuala Langat. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha untuk memajukan potensi pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor termasuklah pembangunan dan program promosi pelancongan untuk kawasan pelancongan Agro. Peruntukan untuk menaik taraf produk-produk pelancongan agro bergantung pada permohonan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Tanah/Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan antara RM2 juta hingga RM2.5 juta bagi tujuan menaik taraf produk-produk pelancongan di dalam Negeri Selangor termasuk dalam membangunkan industri pelancongan agro. Kerajaan Negeri juga melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk-produk pelancongan agro ini dan berusaha untuk membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara peranan Tourism Selangor untuk membangunkan industri pelancongan agro ini adalah seperti berikut:

Pengiklanan Media Cetak, dan bahan terbitan mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk Agro Pelancongan, di dalam siri promosi di dalam dan luar Negara yang disertai pada contohnya pada tahun ini di *Program Matta Fair, Johor Matta Fair, Malaysia Travel Fair, Selangor International Expo*, program-program promosi sempena sukan SEA, promosi di luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor di mana produk-produk Agro Pelancongan juga dimasukkan ke dalam senarai yang dipromosikan adalah *Azian Tourism Forum di Singapura*. Satay New Delhi, ITB, Berlin, *Taipei Tourism Expo, Hana Tour International Travel* di Korea Japan Association of Travel Agency, *Tourism Fair* di Jepun.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Selain daripada itu kita juga hebah ada hebahan melalui laman web dan media sosial Tourism Selangor dan juga penganjuran program Farm ataupun *familiarization Trade* di tapak-tapak tersebut.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Berdasarkan maklumat dan juga kajian pihak EXCO apakah pendekatan pendekatan baru daripada segi *Agro Tourism* ini dan adakah Kerajaan Negeri berhasrat supaya setiap DUN itu ada produk *Agro Tourism* di setiap DUN yang ada di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN ELIZEBETH WONG KEAT PING: Kalau di semua 56 DUN memang saya rasa itu tidak memadai kerana bukan semua ke semua DUN di Negeri Selangor ada produk-produk *Agro Tourism*. Walau bagaimanapun kita cuba memberi fokus khasnya di kawasan-kawasan seperti Sabak Bernam dan Kuala Selangor, Sepang, Hulu Langat, dan juga Kuala Langat kerana mereka memang ada potensi yang besar. Pendekatan yang kita ada bukan sahaja untuk menaik taraf produk-produk ataupun mempromosikan sesuatu produk ataupun tapak Pelancongan Agro tetapi kita cuba adakan seperti pakej tour, sebagai contoh saya rasa Sekinchan adalah satu contoh yang sangat baik di mana Majlis Daerah Sabak Bernam Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam juga ADUN Sekinchan bersama dengan persatuan dan juga peniaga-peniaga tempatan ada satu rancangan yang lebih teratur supaya bila kita mempromosikan secara bila kita pergi ke tempat-tempat hasil ke luar negara mereka bukan hanya nak melawat sesuatu tempat tetapi mereka ingin ada pengalaman yang manis mereka dapat bukan sahaja melihat produk-produk pelancongan tetapi ada pengalaman, *experience* di sana.

TUAN SPEAKER: Kajang

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya No.59

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (N25 KAJANG)

TAJUK: SKIM SMART SEWA PERUMAHAN

59. Bertanya kepada YAB Dato; Menteri Besar:

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

- a) Apakah status pencapaian dan penerimaan rakyat Selangor, hasil daripada Skim Smart Sewa yang diperkenalkan?
- b) sila nyatakan golongan sasar dan jumlah unit yang telah ditawarkan kepada penerima yang layak?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahirrahmanirrahim, Selamat Pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat saya akan menjawab soalan No. 59 daripada Kajang bersekali dengan soalan No.226 daripada Kota Damansara yang mengajukan soalan yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat memandangkan Skim Sewa ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari golongan milenium pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meningkat pembiayaan Skim Smart Sewa kepada 100juta untuk membeli unit rumah di lokasi strategik akan disewakan kepada mereka yang berkelayakan setakat ini sebanyak 861 unit rumah mampu milik telah pun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor dan Syarikat Perumahan Hartanah Negeri Selangor Sdn. Bhd. PHSSB dilantik sebagai ejen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini berdasarkan rekod akibat kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan Rumah SelangorKu di jangka seramai 4967 pemohon yang berminat untuk menyewa di bawah Skim Smart Sewa.

Setakat ini rumah yang telah dalam proses untuk diduduki dan siap untuk disewakan dan ada yang telah disewakan yang pertama adalah sebanyak 220 unit yang terletak di Pangsapuri Tun Teja Alam Impian sebanyak 5 unit, pangsapuri di Jalan Kereta api Lama, Kapar 24 unit, pangsapuri Rimba Jaya Shah Alam 41 unit, Pangsapuri Taman Damai Utama, Puchong, 110 unit. Keseluruhannya telah siap dan disewakan adalah sebanyak 220 unit. Sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi seperti berikut dijangka akan disiapkan iaitu di Pangsapuri Harista Bandar Parklands, Klang 11 unit, Pangsapuri Azaria, Bandar Parklands Klang, 50 unit dan Pangsapuri Astiria, Bandar Parklands Klang, 50 unit keseluruhan yang dijangka akan siap pada akhir tahun ini adalah 111 unit. Keseluruhannya ada lagi 530 unit yang sekarang ini sedang dalam pembinaan dan sedang dimuktamadkan dan Insya-Allah akan dapat disiapkan untuk disewakan dari tahun 2018 hingga 2020. Di mana dijangka ia akan disiap.

Antara lokasi-lokasinya di Bukit Raja Klang, Kajang iaitu di Jade Hills di Ijok Bandar Seri di Cheras di Puchong, di Kajang lagi iaitu di TTDI Groups di Rawang, di Setia Eco Templer, di Setia Alam, di Kuala Langat, iaitu di Bandar Rimbayu A dan Bandar Rimbayu B. Keseluruhannya yang akan disiapkan sebanyak 530 unit. Berkenaan dengan sewaannya adalah di antara 550 ringgit sebulan sehingga 650 ringgit sebulan. Dan kelayakan adalah untuk mereka yang berpendapatan tidak melebihi 5000 ringgit sebulan. Bagi Rumah SelangorKu jenis A atau Rumah Kos Rendah, manakala bagi

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Rumah SelangorKu jenis B, C, dan D akan diberikan keutamaan kepada rakyat yang berpendapatan tidak melebihi RM10,000.00 tapi sehingga maksimum 15,000.00 ringgit sebulan kita boleh luluskan berdasarkan kepada permintaan. Untuk makluman, Yang Berhormat sekalian, bahawa dalam Skim Smart Sewa ini setelah mereka tamat kontrak menyewa 30 peratus daripada sewa yang dibayar akan dipulangkan kepada penyewa-penyewa dan ini adalah program yang pertama yang dilakukan di Negara ini dan ia untuk membantu mereka setelah mereka tamat sewaan mereka untuk membeli sebagai satu bantuan untuk membeli rumah dan program ini sebenarnya setelah kita laksanakan ia juga telah bukan ditiru dimanfaatkan oleh Kerajaan Persekutuan pun buat perkara yang sama. Jadi kita amat berbesar hati apabila kita sebab dalam Islam kalau kita mengajar satu ilmu itu Insya-Allah ilmu kita mendapat ganjarannya walaupun setelah kita tidak ada di dunia ini.

Jadi memang kita mengalu-alukan sekiranya apa-apa perkara yang kita laksanakan di contohi oleh bukan tiru lah dicontohi oleh mana-mana pihak yang lain Insya-Allah, terima kasih. Assalamualaikum.

TUAN SPEAKER: Kajang

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih, Tuan Speaker Yang Berhormat EXCO menjawab. Saya bersyukur kita di Negeri Selangor ini dan bagaimana kita melihat walaupun dikritik oleh Sungai Panjang, dah keluar lepas soalan dia. Dia kata apa kah saya akan mengatakan tentang defisit Selangor ini kalau Sungai Panjang tahu bahawa kalau Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar kepada Kerajaan Persekutuan pulang balik 5peratus sahaja kita tidak ada defisit di Selangor. Soalan saya pada sewa beli ini kalau boleh dipanjangkan lagi walaupun Wilayah Persekutuan tapi untuk Kerajaan Negeri mana lagi area yang kita nak panjangkan skim ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bahawa Kerajaan Negeri kita ada 100juta yang hampir kesemuanya kita belanjakan Insya-Allah jika anda peruntukan-peruntukan lain memang kita akan memastikanlah bahawa rumah yang kita beli ini adalah di mana ada demand ada permintaan kita tidak beli saja beli saja-saja kita beli di mana tidak ada orang nak sewa ataupun rumah yang tak laku, kita tidak tetapi kita ada kriteria-kriteria bahawa tempat yang kita beli itu adalah tempat yang ada penyewanya bukan ada orang kata mungkin kita membantu pemaju yang tidak boleh jual rumah tidak, sebenarnya ini adalah keperluan kita melihat ramai dari oleh sebab masalah ekonomi sekarang dengan GST dan sebagainya dengan penurunan nilai mata wang semua menjadi mahal jadi rakyat tidak mampu untuk membeli rumah dan kita lihat bahawa Bank Negara sungguh ketat untuk memberikan pinjaman perumahan. Saya nak ambil satu kes di mana separuh daripada satu projek itu pemohonnya tidak mendapat pembiayaan perumahan dan separuh daripada yang tak dapat adalah akibat

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

daripada di senarai hitam oleh sebab PTPTN, jadi bermakna memang kita memang kita tidak saya berharap supaya yang sebelah sana tuan-tuan Yang Berhormat sebelah sana beri tekanan kepada Kerajaan Pusat untuk menekan ataupun memastikan bahawa Bank Negara boleh melonggarkan syarat-syarat untuk memberi pembiayaan perumahan ini masalah rakyat bukan masalah di Negeri Selangor sahaja tapi masalah di tempat lain pun sama. Terima kasih.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kota Damansara

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Puan Pengerusi, ok tadi saya difahamkan pemohon adalah sebanyak 4967 dan yang dah siap dan juga dan disewa seramai 220 daripada 4967 tue berapa peratus kah pemohon yang dia punya permintaan lokasi yang berada di kawasan bandar, sebab saya yakin rata-rata yang nak menyewakan adalah di antara mereka yang bekerja di kawasan di mana kawasan itu merupakan kawasan bandar jadi adakah apakah juga perancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat kena dengar betul betul bukan saya cakap ada 4967 pemohon, saya tulis kat sini dijangkakan seramai 4967 yang berminat bukan yang dah hantar borang, yang berminat tetapi memang dari segi kriteria kita untuk membeli rumah kita memang

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sikit lah yang berminat 4967 belum memohon

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ya betul

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Macam mana EXCO pulak ada jumlah 4967 tu yang berkhidmat melalui apa itu melalui maklumat apa ya. Ooooo whatsapp, Terima kasih Menteri Besar dah jawab whatsapp, canggih lah

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tak kan sampai petang nak jawab ni, saya cakap tadi bahawa kita melihat bahawa ramai yang telah ditolak 49 tolak permohonan untuk membeli rumah SelangorKu oleh sebab masalah dengan bank, jadi bermakna 4967 berdasarkan kepada mereka yang ditolak jadi itu lah saya gesa supaya sebelah sana pun main peranan gesa Bank Negara gesa Menteri, KPKT saya lupa nama, gesa Menteri KPKT supaya beri tekanan kepada Bank Negara bantu rakyat bukan perketat makin memperketatkan lagi.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok saya nak jawab, berhenti dulu. Saya nak jawab, Kerajaan Persekutuan melalui bukan tadi tanya menggesakan sebenarnya Menteri yang dah lupa yang namanya itu Tan Sri Noh Omar telah pun

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

menawarkan kepada mereka mereka yang tidak layak untuk mendapatkan pinjaman daripada bank iaitu rumah di Lembah Subang 2, dengan konsep *run to own* bukan Kerajaan Persekutuan tak buat ya dia buat dengan harga hanya 35,000.00 dan sewaan pada dua tahun pertama hanya 250.00 sahaja dibayar sebulan. *Which is much more better* daripada apa yang telah di *offer* oleh Kerajaan Negeri dengan izin.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah nya Lembah Subang, orang tu duduk kat Kajang orang tu dekat Klang, tak akan orang kerja kat Klang nak duduk Lembah Subang, perlu ada satu apa satu penyelesaian menyeluruh ini bukan kita tak cerita politik, bermakna sama-sama kita usahakan supaya Bank Negara kena buat sesuatu kepada Bank Negara sekarang saya hairan seolah-olah bukan kita ada Menteri Perumahan kita ada Menteri Lembah Subang pula sekarang ini.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok kalau macam tu saya nak mohon kerja sama betul lah

TUAN SPEAKER: Kota Damasara tolong duduk

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH : OK kalau macam tu saya nak memohon kerjasama

TUAN SPEAKER : Kota Damansara tolong duduk dulu. Saya nak ingatkan pihak kerajaan dan pihak Ahli Dewan Negeri sesi soal jawab adalah untuk pihak kerajaan jawab. Pihak kerajaan jangan tanya wakil Kerajaan Persekutuan untuk jawab kerana Kota Damansara bukan wakil Kerajaan Persekutuan untuk jawab. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan saya no. 60.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK: KES PEROBOHAN RUMAH DAN KEDAI SERTA PENGUSIRAN PENDUDUK

60. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan merancang untuk menyiasat anasir dalaman yang mungkin wujud daripada perobohan rumah dan kedai serta pengusiran penduduk di Persimpangan MRR2 di Kampung Pasir, Hulu Kelang dan perkaranan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang dengan tujuan memburukkan imej kerajaan?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang semua operasi yang dijalankan di Subang dan juga di Hulu Kelang adalah tertakluk kepada Seksyen 425 Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Selangor berhubung penduduk tidak sah di atas tanah milik kerajaan. Tanah yang terlibat di Subang merupakan tanah hak milik Pesuruh jaya Tanah Persekutuan dan telah dipajak kepada Malaysia Airport Holding Berhad. Tindakan penguatkuasaan telah dijalankan pada 4 Oktober 2017 yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguat kuasa dan Hasil Persekutuan dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Putrajaya. Pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Putrajaya memohon anggota penguat kuasa daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling untuk membantu hanya dalam memindahkan barang milik pengguna. Manakala tanah yang terlibat di Hulu Kelang merupakan tanah milik Kerajaan Negeri yang dirizabkan untuk Jabatan Kerja Raya. Kini tapak tersebut diperlukan untuk kerja-kerja pelebaran dan naiktaraf jalan keluar utama dari UK Perdana yang mempunyai kepadatan penduduk melebihi 50,000 orang. Jalan keluar ini amat mendesak untuk menjamin kesejahteraan rakyat di Hulu Kelang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, terima kasih Dato' Menteri Besar. Soalan saya adalah berkenaan dengan proses itu sebelumnya dilakukan pemindahan dengan satu jaminan penempatan semantara. Dah janji dari UMNO dan ketua-ketua UMNO di situ tahun mereka masih popular tapi bila mereka sudah tidak popular di situ penduduk merujuk kepada saya dan mereka menyatakan prosesnya tidak sama. Mereka seolah-olah diusir jadi mereka tidak gembira. Saya berkali-kali berunding dengan mereka dan telah mendapat persetujuan mereka untuk tidak menghalang pembangunan dan tidak menghalang perobohan. Dan itulah yang berlaku pembinaan berlaku di kawasan MRR2 itu tidak menimbulkan masalah dan mereka bersetuju. Soalan saya adalah apakah jaminan bahawa mereka dapat tempat pemindahan atas dasar kita mengatakan dulu semua kedai dan rumah-rumah yang tidak sah hanya akan dipindahkan apabila ada jaminan penggantian tempat. Soalan itu adalah satu soalan yang menjelaskan kedudukan kita pada yang berkenaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Hulu Kelang sekali lagi saya ingin tegaskan apa yang membezakan Kerajaan Negeri Selangor hari ini dengan Kerajaan sebelum tahun 2008 ialah sebarang tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana pihak yang melibatkan struktur pembangunan sama ada kediaman mahupun rumah kedai kita lakukan angagement perbincangan dan consultation sebelum penguatkuasaan dilakukan. Dan ini menjadi amalan Kerajaan Negeri pada hari ini untuk memastikan mereka yang terlibat ini dipindahkan ataupun diberikan lokasi yang lebih sesuai bagi tujuan aktiviti yang dijalankan secara baik dan berhemah. Namun pada masa yang sama pihak yang terlibat juga tidak boleh mengekspoitasi

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

suasana. Anasir dalaman yang Yang Berhormat maksudkan dalam soalan ini bagi saya ialah ada segelintir pimpinan politik atau parti politik yang cuba mempengaruhi suasana dan menimbulkan ketegangan sedangkan mereka-mereka yang terlibat khususnya dua insiden ini diberikan jaminan termasuk oleh Pegawai Daerah dan Pihak yang terlibat termasuk pemaju untuk memberikan pampasan yang mungkin tidak diterima baik oleh mereka yang terlibat tetapi saya kira suasana hari ini jauh berbeza dengan sebelum ini. Sekurang-kurangnya kita berbincang, kita menghormati keperluan untuk mereka menjalankan aktiviti seterusnya tetapi kadangkala dia punya pampasan yang dituntut itu amat tidak munasabah. Seperti di Subang permintaannya ratusan ribu ringgit. Ini satu perkara yang mustahil kalau pemilik tanah yang ada hak milik pun tidak mungkin mendapat pampasan yang begitu tinggi dalam keadaan Kerajaan Negeri memerlukan tapak tersebut bagi tujuan kemudahan awam. Itu juga mengikut akta yang sedia ada. Apatah lagi kalau bagi mereka yang meneroka tanah yang tidak mempunyai hak milik. Jadi saya amat berharap mereka yang terlibat supaya meneruskan perbincangan dengan pihak pentadbiran Negeri kerana saya telah pun menyatakan kepada Pegawai Daerah Gombak untuk segera mengenal pasti satu tapak baru bagi memindahkan peniaga tersebut ditapak yang sesuai bagi aktiviti perniagaan mereka. Ini jaminan yang diberikan Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah Gombak telah pun memulakan usaha ini dan mereka telah pun berbincang dengan pihak MPAJ tentang kaedah yang akan dibangunkan ada kemungkinan MPAJ akan membangun bangunan-bangunan perniagaan dan kemudiannya kita sewakan kepada peniaga-peniaga dalam kadar yang amat minimum. Begitu juga di Subang tawaran telah diberikan kepada mereka yang terlibat untuk ditempatkan di rumah yang lebih selesa, selamat bagi tujuan keluarga mereka. Namun ada ada unsur-unsur lain yang mempengaruhi keadaan menyebabkan perkara ini tidak dapat dilaksanakan namun apa yang ingin saya tegaskan Kerajaan Negeri senantiasa mengambil tindakan yang pro aktif dan saya sendiri telah mengambil inisiatif ini. Sebagai contoh ada 6 keluarga india di Kajang yang terlibat dalam pemindahan bagi tujuan pembesaran hospital kerana tanah itu adalah milik Kementerian Kesihatan. Saya menghubungi Pegawai Daerah Hulu Langat untuk tidak merobohkan rumah-rumah tersebut sehinggaalah tapak baru dikenal pasti dan Alhamdulillah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersidang lebih kurang 3 minggu lalu dan mengambil ketetapan untuk menganugerahkan tapak baru bagi 6 keluarga india dan Alhamdulillah perkara ini diselesaikan dengan baik. Isunya ialah jangan ada anasir luar yang cuba mendapat kredit ataupun mendabik dada bahawa mereka adalah pejuang bagi kumpulan tersebut dalam keadaan Kerajaan Negeri hari ini bersedia untuk mendengar dan menyelesaikan masalah peneroka tanah ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Iya Hulu Kelang.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Jadi saya ucapkan terima kasih dalam kes Hulu Kelang itu kepada Dato Menteri Besar cuma isunya ialah yang berunding itu bukan sebagai Kerajaan Negeri, saya ADUN jadi itu yang mereka tidak gembira kerana DO bagi approach pun tidak membawa satu tindakan dalam konteks...

TUAN SPEAKER : Soalannya Hulu Kelang?.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalannya adalah dalam konteks ini yang kita perlukan adalah PR (Public Relation) dengan mereka dan saya buat itu setiap 2-3 malam pergi jumpa mereka untuk kita ambil tindakan yang asalnya adalah tindakan yang radikal. Jadi benda ini saya cadangkan agar satu bentuk human relation yang baik dilakukan. Gesture. Macam semalam saya minta pegawai dari pejabat MB untuk datang bertemu mereka. Adakah pegawai-pegawai MB diberikan satu arahan untuk boleh bersama saya untuk hadir majlis agar dapat menenangkan keadaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Hulu Kelang. Saya percaya Yang Berhormat Hulu Kelang juga adalah wakil kerajaan. Yang Berhormat adalah Ahli Dewan Negeri dalam kerajaan. Dan itu patut ditegaskan kepada peneroka-peneroka jangan *demand* sesuatu yang tidak munasabah. Yang Berhormat sebagai wakil rakyat kawasan tersebut adalah wakil kerajaan. Saya tidak menghantar Dengkil kerana saya tahu dia bukan wakil kerajaan kerana dia akan terus membangkang. Tapi Yang Berhormat Hulu Kelang adalah wakil kerajaan. Yang keduanya engagement ini selain kita bertemu dan berbincang ini satu-satunya kerajaan yang setiap memorandum surat kita beri perhatian serius. Saya sebut dalam ucapan belanjawan saya kelebihan anggota perkhidmatan awam yang ada di Negeri Selangor ini setiap surat di jawab setiap email dijawab dan dalam konteks Hulu Kelang ada memorandum yang saya terima saya secara peribadi meneliti memorandum tersebut saya membacanya dan saya minit kepada Pegawai Daerah Gombak untuk mengambil tindakan segera. Selesaikan masalah ini dan itu yang saya telah jelaskan tadi, Pegawai Daerah Gombak telah mengambil tindakan. Mungkin tidak bertemu secara khusus dengan mereka tetapi mereka telah mengambil tindakan berbincang dengan MPAJ dan melaporkan semula kepada saya. Dan ini merupakan proses yang tidak wujud sebelum tahun 2008. Tahun 2008 kita sedia maklum dia nak masuk dia nak roboh setinggan sifar habis lingkup rumah, surau habis dia robohkan, kuil dia robohkan, rumah dia robohkan tapi sekarang tidak berlaku kerana hubungan kita dengan mereka itu adalah baik dan kita tidak boleh memusuhi rakyat. Itu dasar Kerajaan Negeri hari ini. Kita tidak boleh memusuhi rakyat tapi dalam konteks engagement ini mungkin Yang Berhormat boleh mendahuluinya dan mungkin boleh disusuli dengan Pegawai Daerah dan pegawai dari pejabat saya. Saya tidak melihat itu sebagai satu halangan. Apa yang penting masalah rakyat itu kita dengar dan segera ambil tindakan untuk menyelesaikan. Terima kasih.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH : Soalan tambahan.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Ya Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH : Ok, Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya faham apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat tadi. Ia menyentuh juga soal berkenaan dengan perobohan yang dilakukan di Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz. Soalan saya apabila arahan dibuat untuk perobohan tersebut apabila pemohon datang untuk merayu mendapatkan tangguhan dan saya dah datang dan berjumpa dengan pemohon dan dah tulis surat untuk memberi sedikit masa seminggu supaya kita dapat memberi ataupun menyelesaikan masalah menjual rumah Lembah Subang 2 kepada dua permohonan tetapi itu tidak didengari dan dirobohkan pada hari tersebut. Soalannya, kalau Kerajaan Negeri prihatin kenapalah tak diberikan penangguhan perobohan tersebut kepada dua pemohon ini. Itu saja persoalannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Kota Damansara, jangan putar belitkan fakta. Tanah ini adalah tanah Kerajaan Persekutuan. Sepatutnya Kerajaan Persekutuan yang tidak merobohkan mereka-mereka yang duduk tanah ini. Tuan tanah bukan saya. Tuan tanah Noh Omar. Kerajaan Persekutuan. Mengapa main politik sepatutnya Noh Omar yang mempertahankan peneroka-peneroka di atas tanah tersebut. Saya tak ada bidang kuasa. Namun atas perikemanusiaan saya menghubungi Pegawai Daerah Petaling dan minta Dato' kalau boleh pertimbangkan. Jangan dilakukan penguatkuasaan supaya kita dapat runding bagaimana kita dapat memberikan satu penyelesaian yang baik kepada mereka. Namun seperti saya berijawapan dalam jawapan lisan saya tadi tindakan penguatkuasaan yang dijalankan pada 4 Oktober 2017 adalah di ketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Hasil Persekutuan dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Putrajaya. Bukan Pejabat Daerah Petaling. Ini fakta. Pihak JKPTG Putrajaya memohon anggota penguat kuasa daripada Pejabat Daerah Tanah Petaling hanya untuk membantu mengalihkan barang-barang milik penghuni setelah dimusnahkan oleh Persekutuan. Mengapa disalahkan kami. Saya terus mengambil tindakan pada jam 2.00 petang memanggil mesyuarat tergempar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor menawarkan unit-unit kediaman di Kota Damansara secara percuma dalam tempoh setahun. Tak payah bayar sewa. Tetapi datanglah pengaruh-pengaruh politik menghasut mereka yang terlibat supaya tidak menerima tawaran Kerajaan Negeri. Jadi saya nak rekodkan dalam Dewan ini, tanah ini milik Persekutuan. Arahan untuk merobohkan datang dari Persekutuan bukan dari Kerajaan Negeri atau Pejabat Daerah Petaling. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 61.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK: ANCAMAN DENGGI DI SELANGOR

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan 5 faktor utama Selangor menjadi Negeri yang mempunyai denggi tertinggi.
- b) Sila nyatakan usaha diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menghapuskan denggi.
- c) Sila nyatakan 3 DUN yang mempunyai kes denggi yang terendah di Daerah Hulu Langat.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Teratai. Tuan Speaker saya akan menjawab soalan 61 bersama dengan soalan 92 dari Hulu Bernam dan soalan 109 dari Bukit Gasing. Laporan situasi denggi di Negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 sehingga 21 Oktober telah merekodkan 40,164 kes berbanding 45,432 kes pada tahun 2016. Dan ini menunjukkan pengurangan sebanyak 11.6% iaitu pengurangan sebanyak 5,268 kes berbanding tahun 2016. Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 59 kes sehingga 21 Oktober 2017 berbanding 68 kes pada tahun 2016 iaitu pengurangan sebanyak 13%. Dan untuk tahun ini daerah Hulu Langat merekodkan angka yang tertinggi iaitu 12,249 kes dan juga 28 kes kematian. Antara faktor utama yang dikatakan Negeri Selangor mempunyai kes denggi yang tertinggi adalah disebabkan perkara berikut. Yang pertama kepesatan pembangunan menjadikan banyak tapak pembinaan baharu wujud dan ia berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk. Keduanya kepadatan penduduk menyumbang terhadap kes demam denggi yang tinggi terutamanya di kawasan perumahan bertingkat. Ketiga kebanjiran warga asing dan warga luar menyumbang kepada peningkatan kes denggi. Ini disebabkan sikap tidak menjaga kebersihan dan tidak memberikan kerjasama. Keempat sikap dan tingkah laku masyarakat setempat yang mana sikap sambil lewa dalam memastikan kawasan persekitaran adalah bebas dari takungan sama ada di dalam atau di luar rumah sukar dikikis. Dan yang kelima premis terbiar atau pun kosong menjadi pusat pembiakan denggi di sesuatu lokasi wabak. Premis kosong ini dijadikan tempat pembuangan sampah oleh penduduk yang tidak bertanggungjawab. Selain daripada itu struktur bangunan yang boleh menyebabkan takungan dan juga faktor cuaca. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal dan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

mencegah kes demam denggi dan kes kematian denggi di Negeri Selangor. Pada tahun 2017 Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan. Dan sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik Pest Controller Operator (PCO) bagi membantu kawalan di peringkat PBT. Selain daripada itu RM1.2 juta disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi pembelian racun serta peralatan dan keperluan dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. Dan sebanyak RM560,000.00 disalurkan kepada Ahli Dewan Negeri iaitu RM10,000.00 untuk setiap Ahli Dewan untuk membantu melaksanakan program pencegahan denggi seperti gotong-royong di kawasan masing-masing, serta Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah juga diperuntukkan sebanyak RM350,000.00 mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Kes demam denggi di Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui dua Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor yang diadakan setiap dua minggu dan Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah yang diadakan setiap minggu. Dalam mesyuarat ini memutuskan tindakan serta-merta di peringkat Daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak yang terlibat secara langsung dengan isu denggi ini. Dalam masa yang sama pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri termasuklah yang pertama pelantikan semua Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan menjadi Pengurus Denggi mengikut zon masing-masing. Ahli Majlis ialah perantara di antara Yang Berhormat Adun kawasan dengan pimpinan masyarakat setempat serta agensi-agensi pelaksana dan mereka digalakkan untuk merancang dan melaksanakan program-program menghapuskan denggi di kawasan masing-masing. Pelantikan ini dapat membantu kawalan dan pencegahan denggi yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak secara bersama bagi mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing. Kedua pelaksanaan OPS Bersepadu Denggi. OPS yang pertama kali diadakan di daerah Hulu Langat dan ini mengumpulkan semua PBT bagi membantu pihak MPKj dan MPAJ dalam melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan di daerah Hulu Langat pada hujung minggu memandangkan berlaku peningkatan kes yang mendadak. Hasil daripada pelaksanaan OPS Bersepadu Denggi selama 2 bulan, kes demam denggi di daerah Hulu Langat menurun dengan signifikan sekali gus menunjukkan kejayaan pelaksanaan OPS ini. Ketiga pelancaran program Semburan Aerosol Selangor untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan Aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga terlindung dilindungi daripada gigitan nyamuk aedes. Program SAS ini atau penyemburan Aerosol Selangor ini dilancarkan pada 26 Februari 2017 dan ia diperpanjang kepada pengusaha pengangkutan awam di Selangor termasuk pengusaha bas Smart Selangor, bas

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

persiaran, bas sekolah, bas pekerja, bas berhenti-henti serta pemandu teksi untuk tujuan perlindungan yang lebih menyeluruh. Yang keempat penyusunan dan pembahagian *locality* wabak di Negeri Selangor telah dilaksanakan di peringkat Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah. Memandangkan terdapat setengah *locality* mempunyai keluasan yang agak besar untuk aktiviti kawalan dan pencegahan. Penyusunan dan pembahagian semula ini bagi memudahkan tindakan lanjut di peringkat PBT dan PKD (Pejabat Kesihatan Daerah) untuk lebih fokus kawasan wabak yang terlibat. Yang kelima program Pelepasan Nyamuk WOBAQIA oleh Institut of Medical Research (IMR) telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2 Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini diluaskan kepada *locality hotspot* yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7, Pusat Komersial Shah Alam dan Mentarikot Petaling Jaya. Laporan keberkesanan pelaksanaan program ini masih belum dibentangkan oleh pihak IMR memandangkan ianya memerlukan tempoh masa yang panjang untuk pemantauan secara menyeluruh.

Yang keenam melaksanakan program terjah denggi di Kuarters milik kerajaan. Kerajaan Negeri amat memandang serius kes denggi yang berlaku di kuarters kerajaan kerana ia melibatkan penjawat awam di Negeri Selangor. Lanjutan itu Kerajaan Negeri telah meminta pihak PBT dan PKD untuk membuat kawalan serta-merta apabila berlaku *hotspot*. Yang ketujuh pelaksanaan pendekatan ekosistem kawalan dan pencegahan denggi. Pendekatan ekosistem telah dilaksanakan ...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat diminta boleh ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi. Setiap PBT dan PKD dibahagikan kepada ekosistem mengikut kawasan Adun, zon atau seksyen. Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi fokus dan akan berubah mengikut kesesuaian geografi kawasan yang terlibat. Yang kelapan pemantauan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan atau SPAH di kawasan wabak denggi. Terdapat penemuan berkaitan kegagalan reka bentuk SPAH oleh perunding, kegagalan pemilik untuk menyelenggarakan dan kurangnya kesedaran awam berkaitan SPAH sehingga menyebabkan berlaku pembiakan aedes di kawasan tersebut. Yang kesembilan menggalakkan penglibatan semua rumah ibadah Islam dan selain Islam mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga premis adalah bebas aedes. Yang kesepuluh penyediaan Blue Print Negeri Selangor yang mempunyai 3 matlamat untuk melalui pelaksanaan 4 program khas yang akan dikuatkuasakan dengan 4 garis panduan yang akan dilancarkan pada tahun 2018.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Kes demam denggi di daerah Hulu Langat didaftarkan mengikut mukim jadi permintaan daripada Teratai untuk mengikut DUN tidak dapat dilaksanakan kerana ini adalah daripada pihak jabatan Kesihatan Negeri Selangor atau pun PKD. Jadi terdapat 6 mukim di daerah Hulu Langat, maka yang terendah adalah di mukim Beranang iaitu 29, Semenyih. Kedua Hulu Langat, mukim Hulu Langat 420 dan yang ketiga mukim Semenyih 804. Untuk Hulu Bernam yang bertanyakan adakah Kerajaan Negeri menggalakkan penglibatan NGO? Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan dan melibatkan NGO dalam aktiviti kawalan denggi terutamanya program kawalan dan pencegahan denggi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli-ahli Dewan Negeri. Pihak NGO digalakkan untuk bersama-sama untuk melaksanakan program-program pencegahan dan gotong-royong serta mencari tempat pemusnahan pembiakan aedes. Penglibatan NGO diharapkan dapat menggalakkan kesedaran di kalangan masyarakat dan dengan itu isu denggi ini dapat bukan hanya diletakkan kepada pihak kerajaan sahaja tetapi ianya merupakan tanggungjawab semua pihak, terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Ok terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada EXCO bahawa apakah program OPS Bersepadu yang diadakan di Kuala Langat itu diadakan di juga semua kawasan terutama di 4 kawasan *hotspot* ya, Hulu Selangor sendiri, Gombak kawasan MB, Klang dan Petaling diadakan juga OPS Bersepadu ini secara berjadual. Adakah ini yang dilakukan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam. Apabila berlaku satu wabak *hotspot* yang tidak berkesudahan di Daerah Hulu Langat daripada bulan Mei sehingga bulan Julai, maka kita mencari kaedah bagaimana untuk membantu daerah Hulu Langat untuk menurunkan kes demam denggi di sana yang mana ia mendadak-dadak naik pada ketika itu yang mana sebenarnya pihak PKD telah kehabisan racun dan pihak PBT kita membantu. Jadi melalui PBT yang kita ada iaitu MPKj dan juga MPAJ dan dalam mesyuarat Tindakan Denggi Negeri kita telah pun membuat keputusan untuk membantu daerah Hulu Langat dengan menghantarkan bantuan daripada PBT-PBT, 12 PBT yang lain untuk turun ke Hulu Langat setiap hujung minggu untuk membuat operasi ini. Dan alhamdulillah dalam masa 2 bulan masalah atau pun kawasan *hotspot* dan juga kes denggi di Hulu Langat telah pun menurun dengan baik sehingga kini, terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker dia tak jawab lagi soalan saya.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya hendak tanya kepada Y.B. EXCO, mungkin Y.B. EXCO pun dah tahu bahawa nombor 2 yang paling besar kes denggi di Malaysia ini adalah di Klang. Saya hendak tanya kepada Y.B. EXCO apakah tindakan yang akan dibuat oleh Y.B. EXCO, 2 perkara ini. Pertamanya kepada kenderaan-kenderaan lama yang terbiar begitu yang memang kita dah buat pun saya dah buat pun memo positif tapi tidak ada tindakan. Meru dah hantar lebih daripada 52 hari, dah hantar dah tapi tak ada buat apa-apa, satu. Yang kedua saya minta juga supaya difikirkan tentang kompaun. Orang kata tadi, tadi minta maaf tadi Y.B. EXCO sebut tentang warga asing, saya kad pemandu, *very clean* sebab kompaun. Kita tak ada setakat ini apa kompaun kita kepada orang yang buat susah itu saja soalan saya apa tindakan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Meru. Untuk makluman Meru, Klang bukanlah kawasan yang tertinggi wabak denggi. Yang mana seperti yang saya sebut buat masa kini Hulu Langat adalah yang tertinggi, keduanya diikuti oleh Petaling dan seterusnya Klang dan seterusnya adalah Gombak. Klang tidak banyak kawasan *hotspot* hanya sekali-kali akan ada kawasan *hotspot* di daerah Klang. Dan juga Hulu Bernam tadi sebut, Hulu Selangor ada banyak *hotspot* sebenarnya kita ada kawasan yang mempunyai *hotspot* jadi saya hendak Hulu Bernam bila bercakap kenalah semak dulu fakta, tanya. Ok saya teruskan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya dah semak, nombor 12, nombor 12 betul tak? Saya semak seluruhnya ...

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok apa ini Meru tadi menyebutkan tentang kereta-kereta yang terbiar. Sebenarnya kita juga telah meminta kepada pihak PBT untuk mengambil tindakan terhadap kereta-kereta yang terbiar ini kerana ia menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes bila hujan air akan bertakung, di mana selit-selit celah-celah kereta yang terbiar ini dan ia menjadi tempat pembiakan. Dan memang pihak PBT akan mengambil tindakan terhadap kenderaan yang terbiar ini.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker soalan saya juga dia belum jawab lagi sebab itu saya tanya. Sebab itu saya kata kawasan *hotspot* tadi tumpukan di kawasan Hulu Langat saja tetapi dengan alasan, alasan tak cukup racun itu semua itu tak munasabahlah, Negeri maju. Saya harap kawasan *hotspot* ini tadi terutama di Gombak dia kena tengok kawasan MB sendiri. Jagalah kawasan bos, jadi buatlah dengan baik dengan berstrategik. Janganlah dengan alasan tak cukup racun malulah dalam Dewan yang mulia ini. EXCO kena tengok perkara ini.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam. Saya sebut yang tidak cukup racun kimia untuk kita membuat *fogging* adalah daripada PKD, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat yang tidak mendapat peruntukan daripada Kementerian Kesihatan.

Y.B.DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Negeri kaya carilah. Nak tunggu semua daripada Persekutuan, tau pun.....

(berlaku pertikaman lidah)

TUAN SPEAKER: Batang Kali duduk, Dengkil duduk. Meru soalan seterusnya.

Y.B.TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No 62 daripada kumpulan 52.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B.TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK: PEMBANGUNAN JALAN LUAR BANDAR DAERAH KLANG

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato'Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan dan baki peruntukan MARRIS jalan Luar Bandar Daerah Klang bagi tahun 2017?
- b) Berapakah bilangan dan panjang meter jalan atas lot persendirian telah didaftar MARRIS? Senaraikan.
- c) Apakah telah ada garis panduan MARRIS bagi jalan atas lot persendirian?

Y.B. DATO'DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:

Assallamualaikum waramatullahitaalawabaraqatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Meru bertanya berkaitan dengan pembangunan. Ok, Meru bertanya berkaitan dengan pembangunan jalan luar bandar Daerah Klang yang menggunakan peruntukan MARRIS bagi jalan-jalan yang telah didaftarkan di bawah MARRIS. Peruntukan MARRIS jalan luar bandar Pejabat Tanah Daerah Klang bagi tahun 2017 adalah RM1,373,247.11. Sehingga 15 Oktober 2017, sejumlah 96.63% iaitu RM1,327,001.24 telah dibelanjakan untuk 12 projek untuk Daerah Klang dengan baki peruntukan berjumlah RM46,235.87. Dan ada senarai mungkin saya nak sebutkan projek yang berlaku di Meru adalah kerja-kerja baikpulih dan menurap jalan, menurap semula jalan penghulu Kg. Meru Klang. Bagi bilangan dan panjang jalan, bilangan dan panjang meter jalan di atas lot tanah persendirian yang telah didaftarkan MARRIS bilangan dan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

panjang meter jalan atas lot persendirian yang telah didaftarkan di bawah MARRIS adalah sebanyak 49 batang jalan iaitu sepanjang 15.534 km. Senarai jalan-jalan tersebut, agak panjang, Cuma mungkin saya sebutkan yang berkaitan dengan Meru iaitu: Lorong Dalilah Kg. Bukit Kapar,Lorong Ciku Kg. Bukit Kapar, Lorong Sra Kg Bukit Kapar dan Lorong Gelanggang Futsal Kg Bukit Kapar. Untuk makluman Meru memang ada garis panduan bagi MARRIS bagi jalan atas lot persendirian. Dan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan MARRIS yang diguna pakai mulai 31 Julai 2013 dan InsyaAllah kita akan berikan garis panduan ini kepada Meru. Terima Kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan tambahan. Saya nak mohon penjelasan sedikit samada Jalan Bukit Beruntong ke MK Taman Bunga Raya itu termasuk di dalam jajaran ataupun jalan yang diselenggara oleh Negeri kerana disitu terdapat jalan yang....

TUAN SPEAKER: Batang Kali soalan tambahan ni berkaitan dengan soalan 62 atau tidak

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya

TUAN SPEAKER: Jalan mana

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Jalan Bukit Beruntong. Ini tambahan. Soalan tambahan saya.

TUAN SPEAKER: Terlalu spesifik, tak adil untuk EXCO.

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sebab saya nak mengadu di sini. Kalau tidak saya bawa dalam perbahasan jawatankuasa.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B.TUAN DR.XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, soalan No. 63.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS)

TAJUK: MENAIK TARAF LONGKANG TAMAN

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato'Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan untuk menaik taraf longkang-longkang taman dari tahun 2013di dalam kawasan DUN Seri Andalas?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

- b) Berapakah panjang longkang dalam ukuran meter yang telah dinaiktaraf dari tahun 2013 di dalam kawasan DUN Seri Andalas?

Y.B.TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker terima kasih. Seri Andalas. Peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan untuk menaik taraf longkang-longkang taman dari tahun 2013 di kawasan N49 DUN Seri Andalas adalah sebanyak dua ratus dua puluh empat ribu tujuh ratus dua puluh ringgit. Panjang longkang yang telah dinaik taraf adalah anggaran 2.29 kilometer. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Jeram

Y.B.DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 64.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK: BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato'Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah terkini perenerima bantuan tersebut mengikut DUN?
- Nyatakan jumlah penerima bantuan yang gagal mencapai tahap yang ditetapkan Kerajaan Negeri?

Y.B.TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, seperti mana semua sedia maklum Promgram Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui jawatankuasa tetap kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan atau peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat atau individu yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan atau pendapatan seisi rumah dibawah RM3000.00. Terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan atau mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Ketika ini Kerajaan Negeri hanya mempunyai rekod dan statistik penerima manfaat mengikut daerah dan bukannya mengikut DUN. Sehingga Oktober 2017 sejumlah tiga ribu tiga ratus tujuh puluh dua orang telah menerima manfaat daripada program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2008. Jumlah penerima mengikut daerah adalah seperti berikut: Petaling – 182 orang, Klang – 482 orang, Gombak – 232 orang, Hulu Langat – 125, Kuala Langat – 692, Sepang – 256, Hulu Selangor – 499, Kuala Selangor – 341, Sabak Bernam – 563.

Tuan Speaker, dalam memantau serta mengenal pasti impak dan keberkesanan terhadap pelaksanaan program ini satu kaji selidik atau kajian impak yang melibatkan penerima manfaat bagi tahun 2010 hingga tahun 2014 telah dijalankan oleh Pejabat

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Daerah yang melibatkan 665 orang responden. Purata peningkatan pendapatan adalah RM383.21. Sebanyak 31% purata pendapatan selepas menerima bantuan peralatan mele过asi pendapatan garis kemiskinan Selangor iaitu RM1,500 seisi rumah. Purata pendapatan sebelum menerima bantuan peralatan adalah RM1,233.38. Dan purata selepas menerima bantuan peralatan adalah RM1,615.59. Hasil kajian impak tersebut mendapati bahawa sebanyak 92% 92.8% penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala hanya sebanyak 0.3% penerima manfaat pula didapati pendapatan mereka semakin menurun dan sebanyak 6.9% penerima manfaat pula tiada perubahan terhadap pendapatan mereka. Kaji selidik dan kajian impak lanjut terhadap penerima manfaat bagi tahun 2015 dan 2016 kini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Daerah Tanah. Oleh yang demikian ini dapat dirumuskan bahawa hanya sebanyak 7.2% penerima manfaat telah gagal untuk mencapai objektif dan matlamat utama yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi keluarga. Namun begitu peratusan yang dilihat sangat rendah jika dibandingkan dengan kesan yang positif terhadap keseluruhan pelaksanaan program ini yang mana sebanyak 92.8% penerima manfaat telah mencapai matlamat sebenar program ini. Antara faktor-faktor yang menyebabkan 7.2% penerima manfaat gagal meningkatkan pendapatan atau taraf ekonomi keluarga adalah seperti penerima manfaat atau ahli keluarganya sakit kronik, berpindah, dayausaha serta isu-isu lain luar jangkaan. Terima kasih.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Jeram

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih EXCO yang memberikan jawapan yang begitu panjang lebar. Soalan tambahan saya memandangkan Kerajaan Negeri sering mendakwa sebagai Negeri yang termaju dan terkehadapan termasuk dalam bidang ekonomi soalan saya adakah Kerajaan Negeri meletakkan sebarang sasaran dan jika ada bila untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah Negeri yang miskin sifar. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Y.B. Jeram. Saya percaya Y.B. Jeram tiada di dalam hari-hari sebelum ini. Sebab saya telah memberi panjang lebar dalam pergulungan saya sendiri pun. Bukan Negeri Selangor..

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Saya faktor kesihatan, nasib baik bukan demam kerana denggi di Negeri yang maju ni.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tak apa, tak apa, tak apa. Sebenarnya jabatan perangkaan Negara di bawah pemerintah Putrajaya kini ya mereka telah mengeluarkan satu kenyataan melalui Jabatan Perangkaan Malaysia bahawa Selangor tiada insiden kemiskinan. Namun begitu Kerajaan Negeri yang sentiasa peduli rakyat

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

kita melakarkan satu garis apa tu garis paras garis kemiskinan sehingga 1500 dimana nasional hanya sembilan ratus enam puluh ringgit. Kami telah melakarkan seribu lima ratus supaya boleh membantu lebih ramai lagi dan juga kita boleh nampak banyak program-program yang impak yang akan menerima impak yang begitu besar kepada rakyat secara seluas yang mungkin. Maka saya percaya segala program yang kita buat ialah sasaran kita adalah ke arah begitu. Ke arah sifarkan kemiskinan dalam Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan tambahan

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Soalan tambahan tadi saya tanya soalan kedua bila jangkaan boleh Negeri miskin sifar tu. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Telah dinyatakan tadi dalam jawapan saya tadi saya kata Kerajaan Pusat telahpun menyatakan Kerajaan Pusat pimpinan Putra Jaya kini telah menyatakan secara sejelas-jelasnya bahawa Negeri Selangor memang sifar kemiskinan tapi Kerajaan Negeri pula kita sedar wujudnya kemiskinan sebab itu kita mensasarkan banyak program. Program-program sejurus untuk membantu rakyat. So kita ada sasaran sendiri. Bagaimana kita mencari. Kita ada kajian sendiri perlu dilakukan. So kalau kita masih lagi mengharapkan Jabatan Perangkaan sebab ia adalah Nasional. Kerajaan Pusat yang membuat segala kajian dan mereka telah keluar akan kenyataan tiada insiden kemiskinan di Negeri Selangor. Tapi kita Kerajaan yang peduli rakyat kita sentiasa nampak. Baru-baru ni kita datang dengan program Kasih Ibu, ya, SMART Selangor, KISS. Kita boleh nampak. Bukan setakat peduli sihat saja. Segala program ke arah begitu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya nak bagi Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang tak dapat memenuhi ataupun mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan yang menerima skim Blueprint ini, yang pertama.

Yang keduanya apakah program lanjutan kepada mereka yang telahpun mencapai sasaran pendapatan melebihi seribu lima ratus ringgit ni.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Sebenarnya dua-dua soalan itu boleh kita samakan ya. Satu siapa-siapa sasaran yang tidak memenuhi syarat-syarat keperluan Blueprint ataupun yang melepassi, kita nampak sebab itu kita Kerajaan Negeri kita ada banyak program ya. Bukan setakat program yang terawal untuk orang yang sangat kurang.....

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Minta maaf maksud saya apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang penerima itu tak dapat capai apa yang diharapkan oleh program ni.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ya. Sebab bantuan Blueprint ya sebenarnya hanya kita boleh bagi sekali sahaja. Ya, dalam pada itu juga kita ada program-program yang lain di bawah usahawan dan juga program di bawah Hijrah yang mana kita mensarankan mereka mengambil kursus-kursus tertentu ya, kita ada program-program tertentu di bawah Stanco Usahawan untuk memberi keyakinan yang lebih tinggi memartabatkan *knowledge* mereka dengan membawa program-program yang juga apa tu yang melibatkan sasaran perniagaan yang sedia ada ataupun memperluaskan perniagaan mereka dengan melalui stanco keusahawanan. Perlu diingatkan siapa-siapa yang melepassi kelayakan minimum yang diperlukan melalui Blueprint itu kalau kita unjurkan mereka, kita bagi mereka supaya mereka pohon di dalam program Hijrah ataupun usahawan Mikro Kredit. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO, apakah Kerajaan Negeri boleh mencontohi program E-kasih yang mana NBOS antara kementerian dah dibuat di peringkat Negeri ini supaya, ambil contoh kita tak maulah dibagi kepada mereka-mereka ini ikan saja tapi tak diberi pancing seperti program KISS. Saya harap akan beri jawapan. KISS, KISS.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker saya percaya Y.B. Hulu Bernam kelirukan, keliru sendiri dan juga kelirukan Dewan ini. Yang kita tahu adalah program-program Kerajaan Negeri kita ada sasaran sendiri dan kita merangka segala program bukan setakat hanya Blueprint, kita ada program HIJRAH, dan seterusnya MIKRO KREDIT dan juga kita ada program-program yang lebih besar lagi. Kita ada bantuan lagi sehingga pinjaman HIJRAH sehingga lima puluh ribu ringgit. Saya percaya segala program yang dirangka melalui stanco-stanco masing-masing telah mencukupi dan kalau ada idea-idea yang bernas daripada Y.B. pihak di sana saya syorkan agar tulis kepada Kerajaan Negeri supaya kita boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke 65

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK: **MERUJUK SESI DEWAN YANG LEPAS, PIHAK PPAS TELAH BERJANJI UNTUK MENGANGKAT SEMULA KERJA KE MTES BAGI MEMOHON MEMBINA PERPUSTAKAAN DI TAPAK ASAL DIBANDAR BARU SALAK TINGGI**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan mencukupi telah disediakan sebanyak RM36 juta?
- b) Jika ia, bilakah projek ini akan dimulakan? Dan sebaliknya, mengapakah projek ini tidak mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan Negeri?
- c) Apakah inisiatif lain yang sesuai untuk memastikan Daerah Sepang mempunyai perpustakaannya sendiri?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Y.B. Sungai Pelek yang bertanya tentang isu Tapak Perpustakaan Daerah Sepang di Bandar Baru Salak Tinggi. Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) sedang menyemak semula keperluan kos bagi membina Perpustakaan baru di Daerah Sepang di atas tanah berkeluasan 7 ekar sebagaimana yang telah diperuntukkan. Kita juga menyemak semula kos kerana peruntukan asal yang ada di bawah RMKe11 itu kita lihat tidak mencukupi. Sehubungan itu, sebagai satu usaha perbelanjaan berhemah dan minimum kan kos pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Arkitek sedang membuat penyemakan semula dan menghalusi aspek reka bentuk dalam dalaman ruang pengguna, ruang pejabat, infak dan keperluan lain Perpustakaan daerah tersebut. Dan kita memang ada peruntukan perbincangan berterusan malah Yang Berhormat pagi ini saya baru adakan pertemuan tentang ataupun mesyuarat tentang Perpustakaan Daerah Sepang ini. Kerana kita tahu bahawa ia satu keperluan yang sangat mendesak di sana. Buat masa ini ia, sekiranya memerlukan Perpustakaan Awam penduduk di Daerah Sepang boleh menggunakan Perpustakaan Pekan Sungai Pelek, Perpustakaan Desa Sungai Merab, Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Perpustakaan Desa Bukit Bangkong, Perpustakaan Desa Bagan Lalang, Perpustakaan Desa Kg. Ahmad Razali dan Perpustakaan Desa Hulu Cucuh. Pada masa yang sama kita juga ada Smart Selangor, Mobile Library yang mengadakan perkhidmatan di Daerah Sepang ke Sekolah Rendah Bandar Baru Salak Tinggi, Sekolah Rendah Kota Warisan, Sekolah Menengah Sungai Pelek, Kg. Pulau Meranti, Bandar Baru Salak Tinggi Zon Selatan dan kita juga memenuhi jemputan untuk

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

program-program yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Sepang dan Tourium Selangor di sana.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya No.66

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK: KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN SEBANYAK RM3.68 JUTA UNTUK IKATAN DESA

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah pelatih keselamatan yang sudah diberikan latihan?
- Daripada 368 kampung, berapa jumlah yang benar-benar berjaya dan senaraikan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker Sabak bertanyakan tentang Program Ikatan Desa. Program Ikatan Desa ini adalah sebagai Program Penyelamat Semula, Program Pasukan Keselamatan Kejiran (PKK) yang pernah diwujudkan pada Tahun 2013 dengan peruntukan sebanyak RM2.4 juta. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk di Selangor terutamanya penduduk yang tinggal di kawasan kampung. Sehubungan dengan itu, pada Tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan Program Pelaksanaan Desa di kampung tradisi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.68 juta. Peruntukan ini meliputi pelaksanaan kursus dan latihan keselamatan, kecemasan dan memadamkan kebakaran serta pemberian peralatan keselamatan kepada Pasukan Ikatan Desa yang dilantik. Untuk makluman kursus Ikatan Desa ini terbahagi kepada 2 program iaitu program atau kursus yang diadakan secara berpusat dan kursus yang akan diadakan bergerak kepada daerah ke daerah. Buat masa ini kursus berpusat telah pun dijalankan bermula pada Oktober sehingga kini dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun ini termasuklah kursus-kursus yang akan diadakan di peringkat daerah-daerah. Sehingga ini seramai 1,244 peserta telah mewakili 265 kampung dan untuk makluman bermakna ada 3 kampung lagi yang belum menghantar peserta-peserta mereka untuk mengikuti kursus secara berpusat. Suka saya nyatakan di sini beberapa kampung yang masih lagi menghantar kursus-kursus tersebut daripada ke sembilan-sembilan daerah yang ada. Hulu Langat 14 kampung, Gombak 4 kampung, Sepang 6 kampung, Klang 20 kampung, Petaling 7 kampung, Sabak 22 kampung, Kuala Selangor 16 kampung, Hulu Selangor 6 kampung dan Kuala Langat 8. Saya mengharapkan ahli-ahli Dewan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Negeri dan juga Pejabat Daerah melalui pegawai-pegawai daerah untuk memaklumkan ketirisan Kerajaan Negeri di dalam program yang direncanakan ini dan memaklumkan kepada ketua-ketua Kampung untuk melibatkan peserta-peserta mereka dalam kursus yang kita jalankan. Saya kira itu sahaja saya dapat maklum. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya perhati dalam program kita ini kesinambungan pada program kita yang sebenarnya sebelum ini atas keselamatan dan kejiranan dan kita dapat daripada beberapa kampung contoh di Sabak ada 27 lebih kurang tapi akhirnya nampak macam kekal hanya dua tiga kampung sahaja yang ada kawalan keselamatan. Kita mengakui ia dapat membantu untuk menjaga dan mengurangkan kes-kes rompakan dan kecurian dan seterusnya. Jadi apakah jaminan kerajaan bahawasanya Ikatan Desa yang kita wujud ini ia akan terus dapat berkekalan programnya mula sampai akhir. Daripada apa atau berpanjangan pada setiap tahun. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sabak. Buat masa ini apa yang kita lakukan adalah pertamanya kita libatkan semua ketua-ketua Kampung atau setiausaha-setiausaha Kampung terlibat dalam program ini. Supaya Ketua Kampung atau setiausaha ini faham tentang program yang kita akan jalankan supaya ia tidak mati di tengah jalan. Kita juga memaklumkan ketua-ketua kampung untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri di manakah bilik gerakan Negeri di peringkat kampung yang mereka boleh jadikan bilik gerakan kepada pasukan kawalan kampung atau pasukan Ikatan Desa ini. Selain daripada itu, kita akan membuat kursus di peringkat daerah-daerah yang mana ini akan menjalinkan hubungan dengan baik sebagai satu kesinambungan supaya akhirnya peserta-peserta ataupun kampung-kampung yang terlibat di dalam program itu akan sentiasa fokus pada program yang dijalankan. Dan *insyaAllah* kita akan rancang pada tahun hadapan setelah mereka ini selesai mengikuti kursus dan dilengkapi dan beberapa peralatan termasuklah peralatan *walkie talkie* dan segala peralatan keselamatan yang lain. Kita akan meneruskan perjumpaan dan *update* daripada daerah ke daerah untuk memastikan bahawa program ini akan ada kesinambungannya. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: SELAT KELANG.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Saya hendak menanyakan kepada EXCO memandangkan JKKK mahupun Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung yang disebutkan oleh EXCO tadi kursus di daerah. Adakah perancangan daripada pihak EXCO di mana JKKK ini mungkin ada had kemampuan mereka. Adakah akan dikabung

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

dengan PDRM, dengan ADK, dengan Imigresen dan sebagainya. Supaya keseluruhan perkhidmatan itu diambil kira dalam inisiatif kerajaan ini.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Selat Kelang, mungkin secara operasinya tidak sama PDRM ataupun agensi-agensi lain. Tetapi kita memaklumkan ketua-ketua kampung terutamanya atau ketua-ketua keselamatan kejiranan ini supaya mereka ini akan terlibat secara langsung dengan agensi-agensi yang kepentingan termasuklah PDRM dan lain-lain. Dan kita sudah menegaskan bahawa setiap pasukan di kampung itu ada satu *direktori* supaya akhirnya mereka ini akan ada hubungan yang baik mudah untuk dihubungi PDRM, Bomba dan agensi lain yang disebutkan tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZ BIN MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.67.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. PUAN HANIZ BIN MOHAMED TALHA:
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK: PEMBANGUNAN BERAMPUR KEDIAMAN DAN PERNIAGAAN

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kadar cukai tanah dan cukai pintu yang dikenakan berbanding cukai-cukai pembangunan untuk kediaman dan perniagaan?
- b) Berapakah caj tarif bagi bil-bil utiliti bagi pembangunan bercampur?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker terima kasih kepada Taman Medan. Kadar cukai yang telah dikenakan di atas tanah kategori kediaman dan perniagaan yang mula berkuat kuasa di Negeri Selangor pada 1 Januari 2017, adakah merupakan kadar cukai tanah baru selepas pindaan cukai dibuat pada Tahun 2016. Dan selaras dengan kaedah tanah Selangor 2003 pindaan 2016. Untuk makluman Yang Berhormat kadar cukai tanah yang dikenakan adalah berbeza mengikut daerah ia berbeza setiap daerah di Negeri Selangor. Saya memberi beberapa contoh saya tidak mahu membaca semua kerana saya akan menghantar jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Seperti di Daerah Klang kadar cukai tanah bagi kediaman untuk kategori tanah bandar adalah 21.70 sen perimeter persegi. Kadar perniagaan pula adalah 330.70 sen perimeter persegi. Untuk kategori tanah pekan kadar cukai kediaman yang dikenakan ialah 10.90 sen perimeter persegi. Dan untuk perniagaan kadar cukainya pula 183.70 sen perimeter persegi. Untuk kategori tanah desa atau

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

mukim kadar cukai bagi kediaman dan perniagaan untuk Daerah Kelang adalah 10.50 sen perimeter persegi dan 177.40 sen perimeter persegi. Ini adalah salah satu contoh yang saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat untuk Klang yang lain saya akan bagi selepas ini. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian perbezaan kadar cukai tanah bagi setiap daerah tanah ini adalah disebabkan faktor seperti nilai semasa hal tanah itu sendiri yang diperolehi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang turut mendorong semakan semula kadar cukai Negeri ini dilaksanakan. Selain itu kadar cukai tanah baru Negeri Selangor adalah berdasarkan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.5/2015 pada 5 Februari 2015 yang meluluskan cadangan penyemakan kadar cukai tanah Negeri Selangor yang berkuat kuasa mulai 2017 memandangkan kali terakhir kadar cukai Negeri ini di semak adalah Tahun 2006. Penyemakan ini adalah berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara yang memberikan kuasa kepada pihak Negeri untuk menyemak sewa kadar cukai tanah bagi tempoh 10 tahun sekali. Dan ini juga telah dijelaskan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar semalam. Manakala cukai taksiran yang dikenakan di kawasan Majlis atau PBT. Saya bagi contoh seperti PBT di MPPJ kediaman kadarnya di Seksyen 1,2,3 Seri Setia Kampung Baru Damansara kadarnya adalah 7.7%. di Kampung Kayu Ara Indah, Kampung Cempaka dan semua kampung tradisi Petaling Jaya adalah merupakan 5.5% dan ini saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian.

Y.B. PUAN HANIZ BIN MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman medan.

Y.B. PUAN HANIZ BIN MOHAMED TALHA: Bagaimana sekiranya satu pembangunan tersebut ia ada unit komensal tapi ia ada bercampurlah tapi ia ada hanya ada kurang daripada 10 unit kedai. Adakah cukai tafsiran yang dikenakan itu komensal atau kadar baru.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Taman Medan. Untuk cukai taksiran biasanya kita akan mengenakan berdasarkan status permohonan tersebut biasanya kalau tanah itu zon komersial, pembangunan komersial itu cukai tanah itu akan mengikut kadar komersial.

TUAN SPEAKER: Masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Maka soalan tambahan tidak dibenarkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 semua peringkat.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan Di Bawah Peraturan Tetap 66 (3) untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini fasa demi fasa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B1, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM137,248,398.00.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya bagi 10 minit seorang, bagi rujukan muka surat mana dan vote mana ya. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia dengan B1 ini, 505000 – Perkhidmatan dan Kewangan.

TUAN SPEAKER : Muka surat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Muka surat 42 dan ke peringkat jawatankuasa jenis kod Kerajaan Tempatan, muka surat 43. Ingin saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa terdapat isu-isu yang timbul berkaitan dengan Kerajaan Tempatan PBT yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini terutamanya soal isu Caj Pemajuan.

Caj Pemajuan untuk permohonan serah balik dan beri milik atau tukar syarat dan pecah serentak. Persoalannya sekarang banyak kes-kes permohonan individu seperti orang kampung tidak terkecuali dengan Akta 172 permohonan Kebenaran Merancang atau pun KM. Apabila KM diperlukan oleh pemilik tanah-tanah orang kampung yang tidak bertujuan untuk mencari keuntungan, maka mereka ini sangat terbeban. Mereka perlu lantik kalau mereka diperlukan untuk KM ini mereka perlu lantik Juru Ukur ya. Kosnya sekitar kalau Juru Ukur lebih kurang RM10,000.00. Kemudiannya, perlu lantik *Planner*. Kalau *Planner* kita perlu ongkosnya sekitar RM30,000.00. Caj Pemajuan kalau dikenakan daripada nilai lama dan baru kurang-kurangnya RM50,000.00. Belum campur kelulusan dengan *conversion* 15% daripada nilai tanah. Sehubungan dengan itu, Caj Pemajuan hanya dikenakan bila ada perubahan penggunaan Rancangan Tempatan (RT) atau pengubahan tukar syarat atau densiti dan luas lantai sehingga menaikkan nilai tambah. Tapi sekarang pihak PBT hanya baca perenggan atas sahaja sebab tiada arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengecualikan mana-mana individu termasuk orang kampung daripada Caj Pemajuan atau pun syarat-

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

syarat lain oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu Kerajaan Negeri. Justeru itu, orang-orang kampung sekarang ini menjadi sasaran. Banyak mengadu kerana tanah mereka yang kebanyakannya sebelum ini tanah ini adalah tanah pertanian. Berstatus tanah pertanian perlu tukar syarat, convert ke kediaman atau pun lain-lain. Mereka hanya convert untuk kegunaan sendiri tetapi kena KM lah, kena Caj Pemajuan. Oleh yang demikian, saya mohon Pihak Berkuasa Negeri gunalah Seksyen 35 Akta 172, pihak Kerajaan Negeri, PBN Pihak Berkuasa Negeri boleh buat kaedah kecualikan Caj Pemajuan dan kelulusan merancang ini supaya tidak menjadi satu beban kepada orang-orang kampung di dalam konteks Pihak Berkuasa Tempatan Caj Pemajuan dan KM ini. Kita perlu teliti dan Pihak Berkuasa Negeri kena ambil sesuatu langkahlah supaya orang-orang kampung yang punya tanah individu yang kecil dan sebagainya tidak terbeban, ini satu.

Yang keduanya, saya ingin merujuk kepada isu yang selalu berbangkit di PBT ya, di Majlis-Majlis dan sebagainya. Kita Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa OSC, *One Stop Center*. Jawatakuasa OSC, tujuannya apa? Tidak bukan, tidak lain adalah untuk membantu mempercepatkan, memperlincinkan sesuatu permohonan pantas dan efektif. *One Stop Center* mestilah bertindak pro aktif dan membuat keputusan yang profesional dan berintegriti. Namun persoalan yang timbul sekarang Pengerusi, masalah kelewatan kelulusan KM atau pun permohonan yang tidak munasabah. Ada kes sampai 10 bulan, ada kes sampai satu tahun, setengah tahun. Permohonan ini masuk dalam OSC tertangguh-tangguh. Puncanya apa? Puncanya masalah kecekapan OSC ini sebab dalam OSC ini kita sedia maklum ada pelbagai jabatan dalamnya semua datang termasuk Bomba, PDRM, JPS, Jabatan Alam Sekitar semuanya, Metreologi, IWK, PDRM, semua, SYABAS dan sebagainya. Jadi isu yang timbul sekarang, ulasan-ulasan teknikal. Ini yang saya nak persoalkan. Ulasan-ulasan teknikal yang sepatutnya diberikan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan dalam OSC ini sering menghadapi masalah. Banyak jabatan tak ulas, 14 hari minta untuk ulas, 14 hari tak ulas. Kemudian, tunggu punya tunggu tak ulas terus. Akhirnya permohonan sesuatu syarikat tak tahulah syarikat A, B, C, D, E ke untuk sesuatu tujuan terkandas di situ. Jadi tujuan OSC itu di mana? *One Stop Center* kita nak stop kan dia di situ atau apa? Minta izin Dewan yang mulia ini. Kita *One Stop Center* ini tujuan nak stop di situ atau pun kita nak tolong dia. Ini tujuan untuk saya bangkitkan untuk perhatian PBT dan juga Dewan yang mulia ini dan Pihak Berkuasa Negeri. Soal kecekapan. Apabila Jawatankuasa OCS bersidang, keputusannya lulus, tolak atau pun lulus dengan bersyarat. Ini penting. Jadi ulasan wakil jabatan sepatutnya hadir, hadir. Selalunya ada yang tak hadir. Tak hadir pun tak beri alasan kenapa dia tak hadir. Ini yang saya dimaklumkan, tak beri kenapa dia tak hadir. Jadi yang mempengaruhi mesyuarat dia kena tegas. Jabatan yang tidak hadir kena tunjuk surat tunjuk sebab supaya keberkesanan OSC ini betul-betul berkesan. Ini akan menjaskan pelaburan Negeri

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Selangor. Kita nak percepatkan. Apabila ada pelabur-pelabur masuk KM dan sebagainya kalau terkandas di situ, lambat. Sebagai Negeri peneraju Selangor, masa depan Malaysia ini kita kena lain daripada yang lain. Jadi soal kecekapan Jawatankuasa OSC ini kita kena pertingkatkan. Contoh, ada kalanya kita bagi 14 hari tak ulas. Kalau paling tinggilah sayarat 28 hari kalendar bekerja, 28 hari pun tak ulas. Macam mana kita nak ambil tindakan kepada jabatan sedemikian. 28 hari pun tak ulas. Akhirnya tangguh, tangguh satu tahun. Ada orang merungut sampai begitu, satu tahun. Banyak kes berlaku dalam keadaan sedemikian. Oleh itu, saya minta pihak Kerajaan Negeri sebab kalau permohonan itu, apabila mereka sudah membuat perancangan mana-mana pelaburan, mana-mana syarikat, pembangunan dan sebagainya mereka terpaksa menanggung *holding* kos. Kos pengurusan yang amat mahal, sewa kos dan kadangkala boleh mencecah puluhan ribu. Juta pun ada sebab lambat kena tunggu. Mereka perlu kos operasi harian. Jadi pembangunannya besar seperti kuasa lain yang dimiliki oleh KWSP dan sebagainya. Mereka juga menghadapi masalah. Saya bagi contoh di MBSA, perkara ini berlaku. Jadi saya mahu perkara ini dipantau dan ditambah baik. Oleh itu, OSC ini saya harap kalau yang tak boleh bagi ulasan Kerajaan Negeri kena buat satu piawaian bagaimana untuk memberi amaran kepada mereka. Kadang-kadang dia salahkan siapa? Salahkan Juru Perunding, konsultan. Kalau konsultan ada masalah kita cepat suruh tukar konsultan. Jangan biarkan konsultan yang bermasalah terus berada di situ untuk berulang-ulang perkara yang sama dan akhirnya OSC dipersalahkan. Ini juga timbul masalah. Kalau konsultan bermasalah suruh tukar konsultan. Kemudiannya, kadang-kadang masalah ulasan daripada TNB dan juga SYABAS. Dewan dah siap, tunggu kelulusan. Tapi oleh kerana tak ada ulasan daripada SYABAS atau pun TNB, elektrik tak masuk, dewan siap tak ada api, elektrik tak ada, air tak ada. Ini juga berlaku di setengah tempat. Jadi saya harap Dewan yang mulia ini perkara sedemikian perlu dititik berat untuk diambil perhatian. Jadi saya rasa dalam konteks PBT ini setakat ini sahajalah saya minta perhatian, ulasan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih, Speaker. Muka surat sama juga 43. Kod 29000, PBT juga. Terima kasih Speaker. Saya nak bawa isu yang sekarang diguna pakai oleh semua PBT itu, proses *cut off* digunakan sebagai ukuran untuk dapatkan tender dan juga kerja-kerja di bawah. Saya tidak ada masalah dengan proses tender dan *cut off* itu. Tetapi apa yang saya nampak sekarang ini adalah beberapa sindiket-sindiket yang tahu keadaan *cut off* itu dan mereka menggunakan proses ini untuk tentukan syarikat-syarikat yang akan dapat kerja dan sebagainya. Saya bawa perkara ini sebab Tuan Speaker, kita nak adakan satu sistem yang baik di dalam kawasan untuk majukan kawasan dengan kontraktor-

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

kontraktor yang diberikan kerja ini lakukan kerja dengan baik di dalam kawasan. Itulah idea kita pertama untuk digunakan. Saya baru dengar juga dengan *cut off* itu, ada sistem yang digunakan ialah sistem *computerisation* dan sebagainya. Ini menjadi bila contohnya, bila katakan anggaran pejabat ialah sampai RM43,000.00 untuk satu kerja. Orang yang dapat kerja ini sampailah dia boleh turun sampai RM35,000.00, RM30,000.00 dan sebagainya. Soalan saya ialah bila anggaran pejabat itu tinggi sampai RM43,000.00. Apakah kesannya kalau kita bagi kepada orang-orang yang *cut off* dan bawah sekali. Kerja akan dilakukan di dalam kawasan dia adakah betul tak betul? So kita kena buat kajian sedikit. Kita nak bagi satu anggaran di mana kerja yang diambil oleh kontraktor itu dilakukan dengan cara baik dan akan terima kontrak-kontrak itu keseluruhan dengan tidak ada aduan-aduan daripada orang di bawah. Tapi sekarang kita masih dapat aduan lepas kontraktor-kontraktor baru yang sudah masuk di dalam kawasan. Saya minta kerajaan untuk kaji, bolehkah *cut off* itu ditentukan oleh pejabat? Boleh ditentukan oleh satu jawatankuasa yang akan menilai kerja dia dan macam mana kontraktor-kontraktor yang ada. Kontraktor yang ada sekarang ada banyak yang buat kerja dengan baik dan mereka sanggup untuk teruskan kerja. Tetapi sistem *cut off* ini, ramai yang ada saya boleh katakan *certificate A* dari PBT-PBT dengan kerja-kerja mereka tak dapat kerja sebab ada sindiket besar yang main dengan *cut off* ini dan mereka-mereka ditendang keluar. Yang dapat kerja ialah orang-orang yang tahu macam mana nak main sistem ini di dalam PBT-PBT masing-masing. So saya minta Kerajaan untuk teliti ya. Walaupun kita guna *cut off* ini, adakah kita akan tentukan *cut off* itu melalui pejabat masing-masing atau gunakan cara-cara lain yang kita ada sekarang.

Perkara yang nombor dua, kepada PBT juga. Di Dewan yang mulia ini, saya telah bawa sudah berapa kali dah untuk kita tentukan Akta baru di dalam Kerajaan atau Akta baru di dalam PBT untuk adakan satu Akta dalam Bahasa Inggeris adalah *Public Drinking Policy* di dalam Dewan ini. Saya minta Kerajaan untuk jawab sebab saya tahu saya telah hadiri dua (2) mesyuarat yang di mana PBT telah bawakan isu ini dan sampai sekarang saya tidak nampak isu ini jadi satu realiti di dalam Negeri Selangor. Saya bawa perkara ini sebab ini sudah jadi *social nuisance* kepada penduduk-penduduk di dalam taman-taman dan juga di dalam kawasan-kawasan perbandaran. Orang-orang yang duduk di rumah-rumah mewah, orang-orang yang duduk di rumah-rumah yang bertingkat semi-D dan sebagainya sekarang menganjurkan *gated and guarded* mereka sendiri. Mereka boleh adakan sedikit peruntukan yang lebih dan mereka buat kawalan diri sendiri untuk jaga keluarga mereka dan semua di dalam kawasan ini menjadi satu kawasan yang selamat. Tetapi macam mana dengan kawasan-kawasan B40, di taman-taman yang tidak boleh laksanakan *gated and guarded*? Isu *public drinking* ini sekarang naikkan kepada satu taraf di mana ADUN-ADUN Kawasan tak boleh jawab kepada aduan-aduan yang kita terima dengan *public*

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

drinking policy ini. *This public drinking policy* ialah di dalam kawasan-kawasan awam, di dalam taman-taman kita, di dalam tempat-tempat permainan kanak-kanak, di *green lung areas* di dalam kawasan perumahan-perumahan. So, ini mesti kita membuat sesuatu untuk adakan satu kertas kerja di bawah akta-akta Negeri untuk ditentukan untuk diadakan. Akta-akta ini sudah ada di dalam negara-negara maju. Kalau you ambil Australia, Canada, Amerika, semua ada akta ini. Tak ada masalah. So, kita jangan salah faham bahawa kita nak hapuskan kerja minuman keras di dalam semua tempat, tak ada. Tetapi *public drinking policy* di kawasan-kawasan awam ini kita mesti kawal sebab mereka bukan sahaja *public nuisance* atau *social nuisance* tetapi mereka sekarang sedang mula untuk buat *damaged* di atas *public utilities* yang telah kita belanja dan naikkan sebagai *playground* dan untuk anak-anak. Kalau tengok mananya dia bakar, dia ada masalah dan selalu PBT kena buat sesuatu, orang datang marah kepada kita cakap kepada kita kena buat sesuatu. Sebab itu sekarang banyak kawasan di dalam Negeri Selangor, kawasan-kawasan *gated and guarded* yang muncul di dalam kawasan-kawasan tertentu. So, sebab ini saya minta kerajaan untuk teliti dan bawakan satu akta yang saya ingat bukan susah sangat pun untuk bawakan akta ini untuk dikuatkuasakan di dalam Negeri Selangor untuk masa depan. Sekian, terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker. Saya berdiri atas muka surat 42, B-01 Pejabat MB dan Setiausaha Kerajaan, Butiran 505000, Kod 11000 – Gaji dan Upahan. Satu *point* saja iaitu berkenaan dengan saraan dan beban kewangan yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan. Kita pun sedia maklum tentang keadaan ataupun ekonomi yang semakin gawat tambah lagi dengan kenaikan harga petrol. Jadi, ada di kalangan kakitangan awam yang terpaksa sekiranya mereka mendapat pinjaman perumahan dan kenderaan daripada Kerajaan Negeri mereka terpaksa menanggung faedah 4%. Walaupun rendah tetapi kalau dibandingkan dengan beberapa Negeri saya difahamkan di Negeri Johor tidak ada, tidak dikenakan peratusan yang sebeginu tinggi. Di beberapa Negeri seperti Kelantan tidak ada 4% dan saya memohon sama ada ianya boleh dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali sekiranya ia tidak mendatangkan beban yang terlalu tinggi terhadap kakitangan awam. Saya kira itu wajar diberi perhatian sekiranya perlu supaya ianya boleh dipertimbangkan khususnya dalam keadaan sekarang di mana ada GST, ada tol macam kemudian ditambah lagi dengan kenaikan harga petrol yang begitu dahsyat semalam saya penat menjawab soalan daripada bukan sahaja kakitangan awam tetapi juga penduduk. Jadi, saya memohon perkara ini diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak eksekutif. Itu saja.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin timbulkan beberapa perkara. Muka surat 43, Butiran program Aktiviti 505003, 50500 – Pentadbiran dan Kewangan. Bagi Jawatankuasa Tetap pertamanya adalah teknologi hijau. Kita nak, saya nak dapat penjelasan dari sudut apakah diwujudkan satu tanggungjawab di atas Jawatankuasa Tetap yang berkaitan dengan teknologi hijau. Apakah pencapaian, apakah ukuran yang telah dipakai kerana isu teknologi hijau ini saya ingat telah bincang banyak kali. Kita nak tengok apa impak dia kerana kita telah memperuntukkan perbelanjaan yang setinggi RM100,000.00 sebagai menguruskannya. Dan keduanya, saya ingin dapat satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang pemutihan kilang haram kerana saya tahu beberapa produk yang terkenal antaranya bunga api waktu-waktu hari perayaan Cina dan sekarang India, Melayu pun pakai bunga api banyak dan dia ini yang saya faham adalah produk daripada beberapa kilang antaranya kilang haram. Kalau saya tak betul, betulkan. Tapi saya nak tau sejauh manakah pencapaian pemantauan kita dan pemutihan tentang kilang haram. Dan yang seterusnya adalah Adat Melayu dan Warisan, peruntukan RM100,000.00 yang saya tengok dalam Ucapan Bajet Dato' Menteri Besar menyatakan tentang Adat Melayu dan Warisan yang berkaitan dengan budaya untuk masa ini kerajaan, saya bacakan "Untuk masa ini, kerajaan akan menganjurkan Pameran Adat dan Warisan bertaraf antarabangsa yang dimulakan pada tahun ini dengan kerjasama Sekretariat Nasional Perkerisan Indonesia. Pameran ini diadakan bagi meningkatkan minat dan kecintaan masyarakat kepada sejarah, adat dan warisan masyarakat bugis, masyarakat Epik La Gadigo di samping melahirkan pahlawan seperti Raja Haji dan Pretor Raja Ali Haji. Jadi, isu yang saya nak tanyakan di sini adakah ini setakat sebagai pameran ataupun rancangan teater yang telah dinyatakan oleh Batu Caves, Yang Berhormat Batu Caves tentang akan diadakan satu teater besar dan dengarnya pihak istana endorse dengan menekankan kisahnya bukan La Gadigo kerana itu merupakan epik yang mitos tapi yang lebih penting adalah kisah Raja Lumu. Saya pandangkan isu ni kerana penerbitnya adalah dari Hulu Kelang dan seorang anak tokoh besar karyawan iaitu Almarhum Salleh Ghani. Jadi, itu yang pertama. Keduanya, saya nak timbulkan tentang muka surat 48, sikit saja tentang Pusat Latihan. 564000 – Umum berkaitan dengan pengurusan pusat latihan. Apakah yang dimaksudkan di sini berkenaan pusat latihan yang akan, yang telah dikeluarkan tender dan telah dibaiki di Kemensah, Hulu iaitu pusat latihan dulu dinamakan Ghaffar Baba tapi merupakan satu pusat latihan yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor. Adakah lagi beberapa pusat latihan seumpama itu yang telah diuruskan oleh UMNO pada zaman mereka mentadbir dulu yang menggunakan tanah itu tanpa keizinan, menceroboh kawasan kerajaan dan hari ini telah diputihkan dan telah dielokkan dan tempatnya besar? Saya difahamkan telah ditugaskan kepada EXCO Pendidikan dan adakah itu merupakan satu langkah

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

yang bijak dalam memastikan pusat latihan yang begitu mahal harganya dikendalikan dengan baik dan *vibrant dengan aktiviti*. Sikit lagi tentang bahagian 565000 – Unit MMKN, Emolumen pada umumnya. Iaitu apabila kita menghantar surat kepada pihak Dato' Menteri Besar setakat ini memang *tip top* lah telah direspon dan responnya selalu datang dapat dalam bentuk SK. Salinan kepada saya sebagai ADUN yang menyatakan. Tapi surat itu hanya menyatakan "*Pihak Setiausaha ataupun DO ataupun YDP mengambil perhatian terhadap minit Dato' Menteri Besar ke atas surat Y.B. Saari Sungib*". Jadi, bila saya tanya dulu apa minit tu? Tidak boleh dinyatakan. Jadi, saya nak dapat keterangan yang benar, yang tepat bagaimakah surat kami kepada Dato' Menteri Besar yang dikatakan telah diminitkan Dato' surat itu, apakah maksudnya? Nak tau apa benda yang telah diminitkan? Adakah itu rahsia kami tidak boleh tahu ataupun apa? Yang saya difahamkan pada satu ketika saya telah minta mengutus satu surat minta penjelasan tentang erti minit, jawapannya adalah tidak boleh diberitahu. Itu yang saya kadang dalam kebanyakan masa kita rasa kita tidak merupakan wakil kerajaan kerana kita tak tahu apa yang ditulis oleh Dato' Menteri Besar kepada pegawai, DO ataupun YDP tentang minit di atas surat Y.B. Saari Sungib. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ada beberapa perkara. Untuk muka surat 110, Vot....muka surat 111, Vot B15, 51200....

TUAN SPEAKER : Damansara Utama, kita bahas B01.

Y.B. PUN YEO BEE YIN : Oh sorry.

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya jemput pihak kerajaan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Minta Pengerusi. Lima minit sahaja.

TUAN SPEAKER : Sila Teratai. Kalau Ahli Dewan Negeri tak bangun saya akan pergi seterusnya. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 42, Kod Butiran 505000, Kod Objek 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Dibeli dan Hospitaliti. Teratai ingin di sini dengan ini mencadangkan supaya Kerajaan Selangor dengan mempromosikan hasil dan produk daripada kerajaan, daripada PWB ataupun kampung apabila kita kata membeli ataupun memberi hospitaliti barang-barang kepada tetamu daripada negara luar, Teratai cadangkan supaya produk PWB itu dipromosikan dan diperkenalkan kepada tetamu-

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

tetamu daripada luar negara. Ini kita sebagai Kerajaan Selangor harus bangga terhadap produk-produk dalam Negeri sendiri dan Teratai yakin bahawa dengan cara ini kita juga dapat membangunkan usahawan wanita yang cuba hasil produk keluarga sendiri dan Teratai juga ingin membawa perhatian kepada perkara yang kod yang sama yang mana Teratai nampak ada satu penerangan. Teratai ingin nak dapat penjelasan bahawa sama ada penerangan di Pejabat Dato' Menteri Besar ada ambil kita kata ambil kira berkenaan dengan kerja-kerja pemantauan berkenaan dengan kerja-kerja berita yang baik daripada Kerajaan Selangor sama ada telah sampai ke seluruh rakyat di Selangor atau tidak sebab kami difahamkan memang kita telah ada terbitkan Selangor Kini dalam pelbagai bahasa tapi sama ada rakyat di seluruh Selangor tahu inisiatif oleh rakyat yang telah diperkenalkan dan juga usaha daripada Kerajaan Selangor untuk menjadikan Selangor satu Negeri yang baik. Sekian, terima kasih.

Y.B. DR. HALIMAH BINTI ALI : Pengerusi.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. DR. HALIMAH BINTI ALI : Muka surat 42, Vot B01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Butiran 505000, Kod Objek 29000. Saya merujuk kepada penerangan. Saya nak mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya *highlight* atau *success story* dengan izin, yang ada di setiap DUN itu dimasukkan di dalam Selangor Kini atau apa-apa media yang ada di dalam kerajaan. Yang keduanya, Hal Ehwal Islam. Saya nak bertanya kepada kerajaan dengan wujudnya Islam Mofobia, ketakutan tentang *da'ish*, *sya'ish* dan sebagainya, apakah langkah yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk menerangkan apakah wajah sebenarnya Islam itu supaya tidak ada orang yang syak wasangka, takut dan atau menakut-nakutkan sehingga wajah Islam itu sendiri semuanya jadi keliru dan semuanya dah jadi syak wasangka dan itu akan menggugatkan keharmonian dan perpaduan kaum. Selanjutnya tentang Pembangunan Desa dan Kampung. Saya melihat ada beberapa projek seperti Ali Baba yang wujud di kampung tradisi yang mungkin kebanyakannya di pinggiran bandar di mana kampung, tanah itu adalah tanah rizab Melayu tetapi yang punya projek itu bukan Melayu. Ali Baba ke JV ke saya kurang lah. Jadi, saya nak tanya kepada pihak kerajaan memang projek nak membangunkan desa mengangkatkan taraf kampung tradisi ni bagus tetapi apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan supaya nilai-nilai kampung tradisi itu dipelihara dalam masa yang sama dibangunkan desa itu? Adakah sudah ada perancangan? Adakah sudah ada satu macam *one stop centre* bersama dengan PBT, Jabatan Perancang dan Bandar supaya ia ada kawasan yang dibangunkan bercirikan moden tapi ada yang bilanya disebut kampung tradisi ini jangan pula ianya hilang nilai-nilai tradisi itu. Jadi, itu yang saya nak utarakan. Terima kasih.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Pengerusi. Taman Medan ingin bangkitkan bawah Butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan Mukasurat 43 Kod Objek 29000 bawah tajuk Kerajaan Tempatan. Isu di Petaling Jaya sekarang ini berkaitan dengan kerosakan jalan-jalan, kebanyakannya jalan-jalan adalah disebabkan oleh kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat-syarikat utiliti. Jadi, ini sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan sebelum ini kerana dia telah menimbulkan kacau ganggu kepada kehidupan penduduk yang menggunakan jalan-jalan tersebut kerana tempoh kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat-syarikat utiliti ini mengambil masa yang begitu lama dan begitu kerap jadi Taman Medan ingin menyarankan ataupun mohon supaya tindakan daripada pihak kerajaan menetapkan kekerapan yang boleh dilakukan ataupun kerja-kerja yang dilakukan oleh syarikat-syarikat utiliti ini buat kerja setiap tahun berapa kali kerap. Kemudian, tempoh kerja-kerja tersebut dilakukan perlu ditetapkan supaya ia tidak mengambil masa yang lebih daripada yang diperlukan. Dan ketiga, mengenakan caj yang lebih bergantung pada kesesakan jalan ataupun *high..the traffic rate of the road*, maknanya kalau jalan yang sibuk, dikenakan caj yang lebih tinggi berbanding dengan jalan yang mungkin tidak digunakan sangat. Sebab, saya dapat syarikat-syarikat utiliti ini dengan sewenang-wenangnya mengorek jalan yang baru siap, baru disiapkan oleh pihak PBT kemudian mengoreknya dan menampalnya ala kadar, tidak memastikan jalan itu kekal seperti sebelum dilakukan kerja ke atasnya. Itu perkara pertama.

Kedua, di bawah tajuk kebajikan. Taman Medan rasa sangat berterima kasihlah kepada kerajaan kerana mengadakan banyak program-program bantuan untuk rakyat hanya ada satu program bantuan Sihat Selangor yang saya dapat telah ditukarkan syarat dan menghadkan bantuan iaitu salah satunya adalah kalau dulu boleh digunakan untuk melunaskan bayaran bil rawatan yang tertunggak tapi kali ini syarat tersebut telah dikeluarkan maknanya tidak boleh lagi bantuan Sihat Selangor tersebut digunakan untuk bil-bil rawatan yang tidak dapat dijelaskan oleh rakyat Selangor. Jadi, itu sahaja dua (2) perkara yang dibangkitkan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Puan Speaker. Saya ada beberapa perkara yang ingin dibangkitkan. Di bawah 50500 pertamanya tentang pembangunan tanah, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Masih terdapat tanah-tanah yang kecil yang tidak begitu besar. Yang terbiar, yang saya kira masih boleh dimanfaatkan. Apakah polisi kerajaan terhadap tanah-tanah yang mungkin dalam seekar dua ekar yang kecil yang boleh kita manfaatkan? Apakah boleh dijadikan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

sebagai projek komersial ataupun perkara-perkara yang kita boleh manfaatkan? Yang kedua, tentang di bawah perumahan. Saya ingin bertanya juga kepada Yang Berhormat EXCO Perumahan tentang pemilihan Selangorku ini. Saya percaya Selangorku ini tidak menyekat daripada pegawai-pegawai kerajaan yang layak untuk memohon rumah Selangorku ini. Cuma saya ingin bertanya apakah proses ataupun kriteria ataupun sistem yang dipakai, digunakan bagi memilih mereka-mereka ini? Adakah *first come first serve*, atau *first in first out*, ataupun atau bagaimana? Sebab saya ada menerima beberapa pandangan dan rungutan bahawa ada di kalangan pemohon-pemohon ini yang telah berdaftar nama sekian lama tetapi bila datang nama itu hilang dalam sistem terpaksa memohon baru balik. Mungkin ada penjelasan yang boleh disampaikan kepada kita.

Tentang pengurusan bangunan ini, saya nak menarik perhatian Yang Berhormat EXCO Perumahan. Yang ini, tentang COB yang kita lantik. Saya ingin menyampaikan rungutan daripada penduduk dan saya sendiri ingin merungut di sini tentang COB di bawah Majlis Perbandaran Selayang. Dulu saya pernah tegur, kali ini ada juga isu-isu yang tidak selesai. Bila kita panggil berjumpa, di apartment Impian Indah, Impian Indah, kita panggil untuk pertemuan dialog COB ini tidak datang. Tapi, beberapa minggu lalu bila Noh Omar datang buat lawatan, tak sampai lagi Noh Omar, dah berdiri menunggu lama dah. Saya tidak tahu, apakah ini disiplin COB? Adakah ini cara kita? Jadi, ini perkara-perkara yang saya rasa tidak sesuai. Walaupun, Noh Omar Menteri datang, rungutan tetap sampai kepada kita di peringkat ADUN. Jadi, saya ingat Yang Berhormat EXCO Perumahan tengok balik. COB MPS, saya sebut secara terang sebab saya panggil berdialog dia tak turun jumpa saya tapi bila Menteri turun, mungkin Menteri..Menteri tak tahu lah. Seterusnya saya nak bangkit Perkara 505000 tentang Kerajaan Tempatan. Saya ingin juga bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang syarat-syarat yang dikenakan kepada pendatang asing yang mengusahakan perusahaan nurseri di kampung-kampung Melayu, khususnya kampung Melayu Sg. Buloh. Apakah syarat yang dikenakan kepada pengusaha tempatan sama dengan syarat yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha warga asing ini. Sebab saya mendapat maklumat daripada Ketua Kampung, bahawa kalau pengusaha tempatan ini tidak memenuhi kriteria ataupun syarat maka mereka berhadapan dengan risiko untuk tidak berniaga. Tetapi kalau warga asing ini tidak memenuhi syarat-syarat mereka terbiasa masih lagi menjalankan perniagaan. Mungkin ada loop hole di sini yang kita boleh betulkan. Mungkin ada perkara-perkara yang EXCO, PBT boleh melihat kembali isu warga asing yang berniaga di tempat kita ini.

Tentang Hal Ehwal Islam, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat EXCO dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang lawatan yang pernah Yang Amat Berhormat turun ke Masjid Merbau Sempak, sekitar 3 - 4 bulan dahulu dan di antara

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

perkara yang kita telah berjanji kepada rakyat bahawa adalah untuk membantu mereka mendirikan sebuah masjid baru di Kampung Merbau Sempak. Dan kita juga telah membuat permohonan kepada, telah menulis surat kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri besar tentang pembesaran Sekolah Agama Rakyat di Merbau Sempak, yang terlalu kecil yang telah berusia lebih 50 tahun sekarang ini. Masih lagi berdinding kayu, masih lagi tidak mencukupi dan saya kira di sebelah sekolah agama ini ada tanah lapang yang boleh kita manfaatkan untuk mendirikan bangunan sekolah yang baru untuk anak-anak kita.

Seterusnya tentang perkara-perkara yang lain, tentang pembangunan usahawan atau kerajaan prihatin. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat EXCO kerana saya masih tidak lihat atau tidak merasakan *blueprint* memainkan peranan dalam suasana kita menyebut hal Hijrah, hal KISS sekarang ini dengan Peduli Sihat. Tetapi *blueprint* saya lihat tenggelam dalam arus produk-produk yang ada dalam Selangor ini. Bila saya tanya, jawapan yang diberikan kepada kita secara tidak langsung mengatakan bahawa mesyuarat setahun sekali sahaja ataupun 2 tahun sekali sahaja. Adakah ini betul tak betul, mungkin *hearsay* kepada saya. Mungkin Yang Berhormat EXCO yang berkenaan boleh *revisit* balik *the system. Make, place back, the.. reposition back your blueprint* dalam masyarakat. Kerana *blueprint* masih *significant* kepada peniaga-peniaga ini dalam bentuk produk-produk ataupun instrumen-instrumen ataupun barang peralatan. Kalau *blueprint* ini boleh dimainkan, digabungkan dengan Hijrah, digabungkan dengan skim-skim yang lain, saya ingat rakyat Selangor ni akan datang bertambah ramai, orang nak jadi rakyat Selangor bertambah ramai, orang gembira menjadi rakyat Selangor dalam Negeri yang makmur dan maju itu. Cuma ini sedikit saya tidak mengatakan *blueprint* ini tidak baik Yang Berhormat, cuma ada perkara yang kita belum merasakan kewujudan bila orang tanya tentang *blueprint*, kita macam ada sedikit *hesitation* untuk kita nak bantu pada mereka. Mungkin perkara-perkara ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh beri perhatian. Sekian Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Pengurus, saya ingin rujuk kepada Mukasurat 42 Butiran Program 505000 Kod Objek 29000 tentang Pembangunan Tanah. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri ada satu kajian tentang nisbah urus niaga permohonan tanah untuk setiap *versus* ataupun dengan nisbah *ratio Settlement Officer*, dengan izin, S.O, yang ada di setiap Pejabat Tanah. Sebab saya sering, pemerhatian saya bahawa permohonan tanah adalah banyak tetapi pegawai yang perlu buat laporan atas tapak iaitu S.O amat beban dengan permohonan tanah dan laporan tanah yang banyak. Jadi, sama ada pihak kerajaan ada satu kajian tentang nisbah

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

permohonan ini dengan *ratio S.O* di setiap Pejabat Tanah Daerah Gombak di seluruh Selangor dan kalau untuk kawasan yang dengan memang permohonan tanahnya begitu tinggi ada tak kerajaan ada langkah yang seterusnya untuk kita tambahkan keperluan kakitangan tersebut agar permohonan tanah itu boleh dicepatkan. Yang kedua, tentang sama ada kerajaan ada perancangan untuk kita supaya pihak pemohon tanah ataupun rakyat Selangor yang memohon tanah boleh memaksimakan secara *online*, dengan izin, sebab saya difahamkan sekarang orang awam selalu perlu pergi ke kaunter depan untuk bertanya dan kalau dapat jumpa dengan pegawai berkenaan boleh dapat jawapan kalau tidak banyak kali mereka perlu pergi. Kalau tak dapat jumpa lagi kena datang pejabat ADUN tanya dengan ADUN tetapi ADUN juga perlu rujuk balik kepada pegawai yang berkenaan jadi saya harap kalau boleh kita ambil langkah ke depan supaya kita boleh buat semakan permohonan secara *online* dan saya rasa ini akan mengurangkan beban kerja kepada pegawai berkenaan dan juga memudahkan permohonan dan semakan untuk orang awam. Itu sahaja yang ingin saya cadangkan.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberi penjelasan, jika ada.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Paya Jaras. Dua (2) persoalan yang dibangkitkan tentang COB MPS, yang itu saya akan semak balik dan akan beri maklum balas kemudian. Seterusnya dari segi perumahan. Rumah Selangorku, apa yang kita lakukan adalah berdasarkan kepada merit ataupun *point*, ada beberapa perkara yang ditetapkan dari segi umur, dari segi keluarga, dari segi berapa lama mereka menyewa. Saya, yang ini saya akan pergi kemudian iaitu kita tidak berdasarkan kepada *point* dan sesiapa yang melepas markah yang tertentu mereka akan mendapat akan rumah tersebut. Tentang nama hilang, kita meminta kepada semua mereka yang mendaftar dengan sistem kita itu, sistem Kerajaan Negeri tersebut perlu mendaftar, memperbaharui akaun pendaftaran setiap dua (2) tahun sebab kita tidak mahu di mana nama-nama yang lama makin bertambah, makin bertambah tetapi mereka ini tidak lagi ada keperluan untuk perumahan. Itu sebab mungkin mereka lebih daripada dua (2) tahun telah membuat pendaftaran, oleh kerana itu nama mereka hilang. Memang kita mahu supaya pendaftaran diperbaharui setiap dua (2) tahun. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Boleh, boleh saya minta penjelasan sikit? Adakah ini bermaksud bahawa menjadi satu polisi yang diketahui ramai bahawa setiap dua (2) tahun orang yang sama akan dimestikan datang balik untuk berdaftar balik Yang Berhormat?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ya, kita minta supaya memang telah dimaklumkan bahawa setiap dua (2) tahun mereka perlu mendaftar semula. Sebab kita, seperti yang saya katakanlah kalau kita nak *cumulative*, dengan izin, nama, kalau kita jumlahkan balik menjadi beribu-ribu, tetapi kita nak mereka yang masih ada rumah masih mempunyai keperluan rumah, sebab selalunya mereka, mungkin mereka ada, telah memberi rumah dan sebagainya, itu kita tidak ada rekod. Sebab kita minta supaya setiap dua (2) tahun daftar balik semula. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya merujuk kepada beberapa soalan yang dibangkit oleh Hulu Kelang khasnya tentang B01 berkenaan perbelanjaan oleh stanco Teknologi Hijau. Perbelanjaan untuk stanco di bawah B01 kebanyakannya adalah seperti berikut untuk pencetakan pameran, conference, lawatan rasmi dan mesyuarat juga perbincangan dan impak yang kita dapat daripada perbelanjaan tersebut adalah seperti apa yang saya telah sebut semalam semasa jawapan kepada soalan kepada Dewan antaranya adalah Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor. Selain daripada itu pada ketika ini terdapat 6 PBT iaitu Shah Alam, Petaling Jaya, Klang, Ampang Jaya, Sepang dan juga Subang Jaya yang telah menyediakan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon dan ada 6 maaf 7 PBT iaitu Shah Alam, Kuala Selangor, Petaling Jaya, Subang Jaya, Sepang, Selayang dan Sabak Bernam yang telah meletakkan elemen *low carbon city frame work* didalam kebenaran merancang pelan bangunan dan juga pelan kejuruteraan dan pelan landskap dan sebagainya sebagai syarat dalam permohonan pembangunan seperti *green building index* dan sebagainya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker Sejangkang ingin menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Selat Klang. Pertamanya ialah berkaitan dengan *Islamophobia* dan saya kira di peruntukan dan di bawah stanco telah mengambil beberapa inisiatif terutamanya adalah untuk melihat bagaimana ini adalah sebagai tanggungjawab semua kita sebagai masyarakat di negara kita ataupun di Negeri Selangor walaupun isunya adalah berkaitan dengan agama Islam tetapi kita tidak boleh menafikan kepelbagai kaum dan anutan agama ini dan kita kena memainkan peranan yang baik supaya persepsi-persepsi ini mungkin tidak timbul dan akhirnya meredakan hubungan di antara kaum yang mungkin agak tegang dan memberikan satu perpaduan yang baik terutamanya di Negeri Selangor. Melalui peruntukan yang ada kita telah mengadakan beberapa mesyuarat terutamanya untuk membangunkan jabatan-jabatan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam untuk mereka memperbaiki dari sudut laman-laman web yang memberi penerangan kepada masyarakat ataupun yang boleh mengakses oleh masyarakat mengadakan bahan-bahan pencetak untuk dibaca dan insyaallah dalam masa terdekat di bawah hal ehwal agam Islam dan pembangunan desa dan tradisi kita akan menerbitkan satu jurnal yang

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

juga memberikan ruangan kepada mereka-mereka yang berminat untuk membaca jurnal ini yang akhirnya menjadi bahan bacaan dan rujukan hasratnya adalah untuk melahirkan satu perpaduan yang baik di Negeri Selangor dalam kepelbagaian dan anutan agama dan juga kaum. Selain daripada itu juga usaha-usaha pertemuan antara agama yang mana pernah juga disebutkan dalam Ucapan Sidang Bajet Dato Menteri Besar sendiri bagaimana program membingkai masyarakat pertemuan antara agama yang saya kira ia memberikan satu signifikan yang baik dalam membentuk perpaduan supaya kita meredakan ketegangan-ketegangan agama yang ada. Jadi saya kira ini perkara yang beberapa perkara yang telah diambil inisiatif melalui stanco ini. Yang kedua berkaitan dengan masalah desa ataupun kampung yang seolah-olah ada bentuk ali baba di situ. Saya kira kalau ianya tidak bercanggah dengan Akta Tanah Negeri Selangor atau Akta Tanah Negara dan tidak bertentangan dengan Undang-undang Kecil PBT dan sebagainya sekiranya ada usaha-usaha atau bentuk perniagaan yang diusahakan contohnya oleh orang bukan Melayu membuka di tanah rizab tanah Melayu. Saya kira ini bukan masalah yang begitu besar kerana saya ingat dalam menjana ekonomi ini ianya melibatkan semua kaum yang mungkin akhirnya akan dapat menjadi ekonomi di Negeri Selangor cuma mungkin dari sudut yang tertentu secara spesifik nya boleh dimaklumkan kita boleh melihat bagaimana ia ini dapat juga ditangani. Berkaitan dengan nilai kampung tradisi yang harus dijaga sebenarnya Jabatan Pelan Malaysia Selangor atau dulunya dikenali Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah membuat kajian berkaitan dengan pembangunan desa dan juga melibatkan kampung-kampung tradisi kampung, bagan kampung tersusun di Negeri Selangor yang akhirnya keluar dengan pelan strategik hala tuju Negeri Selangor yang mana insyaallah dalam perancangan itu akan membangunkan pusat-pusat di kampung ataupun pusat-pusat di desa yang akan melibatkan bukan sahaja soal-soal menjadi media kepada pembangunan kemanusiaan sahaja tetapi juga menjadi media kepada pembangunan ekonomi di kampung-kampung terutama di kawasan banar yang saya sebutkan tadi, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Speaker, Tuan Pengurus saya hendak buat pencerahan daripada apa yang disebutkan EXCO tadi maksud saya contoh yang saya sebutkan dalam perbahasan saya bajet di mana Kampung Sungai Udang di Jalan Yadi itu kampung tetapi ada permohonan untuk membina 18 tingkat bangunan kediaman di kampung itu. Jadi ini akan mengacau seluruh persekitaran itu. Jadi itu maksud saya jadi tradisi kampung itu sudah hilang dia bukan jadi kampung dah jadi macam bandar dah. Sedangkan itulah banjir yang selama ini dan juga longkang masih *earth drain*. Hendak bina 18 tingkat jadi saya rasa kalau MPK dah ada satu konsep di mana di situ 18 tingkat *no no no*. Jadi tidak ada orang yang nak balik satu dasar yang *clear*.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Selat Klang. Secara prinsipnya kita tidak dapat menghalang pembangunan yang berlaku di Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri juga merasakan bahawa pembangunan kampung tradisi harus juga dijaga. Saya kira untuk masa ini saya tiada maklumat secara spesifik seperti mana yang disebutkan oleh Selat Klang tetapi saya kira kita secara umumnya kita akan melihat bagaimana kampung tradisi ataupun kampung-kampung bagan tersusun dan sebagainya dapat mengekalkan identitinya dengan kajian yang telah dilakukan JPBD dan kita akan bergerak daripada situ lebih kepada tindakan yang pro aktif bukan hanya sekadar mungkin pada hari ini bukan sebab pembangunan merebak ke kawasan-kawasan kampung kita bertindak secara reaktif ataupun pemulihan yang saya kira kadang-kadang akhirnya inilah yang berlaku pembangunan yang menyebabkan banjir dan sebagainya terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Yang Berhormat Pengerusi saya hanya dua isu yang saya ingin jawab pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang berkenaan Pusat Latihan Ghafa Baba, pusat latihan ini telah disiapkan daripada segi fizikalnya oleh Jabatan Kerja Raya dan telah diserahkan Pusat Latihan Ghafa Baba ini kepada pihak Bahagian Khidmat Pengurusan, SUK dan Bahagian Khidmat Pengurusan akan menyerahkan MPAJ, Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk membuat kelengkapan di dari sudut dalamannya dan kelengkapan dalamannya untuk ia digunakan oleh orang ramai. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Paya Jaras tentang Sekolah Agama Rakyat Merbau Sempak kita mungkin kena tengok status tanah tersebut tetapi apabila tanah itu tersedia kita boleh gunakan bantuan sekolah sekarang telah dinaikkan untuk membina menyumbang ke arah pembinaan fasiliti sekolah tersebut.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Saya ingin memberikan maklum balas terhadap pertanyaan daripada Hulu Kelang berkenaan dengan perancangan kerajaan untuk bersama-sama dengan sebuah kumpulan bagi mementaskan teater La Galigo. Sebagaimana sedia maklum pementasan teater ini dapat beberapa sedikit halangan dankekangan beberapa teguran dan sebab itu kita terpaksa di tangguhkan atas tiga faktor. Yang pertama kesahihan data dan juga maklumat kerana ia melibatkan tradisi masyarakat yang sangat luas jadi bagi untuk tidak menyentuh sensitiviti yang terlalu kritikal kadang-kadang melibatkan unsur-unsur tahuyl dan magis jadi pihak penganjur terpaksa mengubah suai penganjuran teater tersebut atau skrip teater tersebut dan akhirnya menyebabkan kelewatan. Kelewatan ini telah mengambil kos yang sangat besar dan kesuntukan masa dan tempat dan sebagainya. Jadi Kerajaan Negeri menyarankan pihak-pihak penganjur supaya mereka dapat menyelesaikan isu-isu yang terabit terutamanya isu pengurusan masa, tempat dan sebagainya atau pun melihat saiz sebagainya supaya niat asal teater ini dapat disampaikan dan dapat dihasratkan dan disampaikan kepada bermaksud sebenarnya

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

supaya ia tidak menimbulkan kesilapan ataupun keraguan apatah lagi ia melibatkan fakta-fakta yang melibatkan sejarah dan tradisi masyarakat. Jadi insyaallah kalau mereka dapat menyelesaikan persoalan itu dan datang balik kepada pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri bersedia untuk memudah cara pementasan teater tersebut dan sentiasa menyokong untuk kemakmuran dan juga perkembangan seni dan budaya di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan. Pengurus saya ingin tanya Yang Berhormat EXCO yang menyatakan pameran ini akan berjalan dan teater juga akan diusahakan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Pameran akan berjalan tahun ini sesuai dengan daripada Menteri Besar dan juga lawatan Menteri Besar ke beberapa daerah di Indonesia dan kita dihubungi dengan beberapa kelompok yang mempunyai jaringan penyimpanan keris di Nusantara dan kita juga mempunyai hubungan dengan PADAT dengan Persatuan Purba di Malaysia seperti mempunyai tradisinya. Jadi gabungan ini saya kira satu perkara yang sangat baik dan teater itu bergantung pada perkembangan kumpulan terbabit jika mereka dapat menyelesaikan beberapa isu-isu yang saya sebutkan tadi.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih kepada Paya Jaras yang memberi cadangan dan juga perkara saya perlu nyatakan di sini Yang Berhormat Paya Jaras yang sebenarnya Program Bantuan *Blueprint* ini dimulakan pada tahun 2008 dengan jumlah peruntukan RM2 juta dan sehingga hari ini tidak pernah tidak pernah menaikkan peruntukan tidak pernah dipertingkatkan walaupun pada sasarannya adalah untuk bantu peniaga kecil kita ada program mega seperti HIJRAH telah menenggelamkan kejayaan *Blueprint*. Kita ada kejayaan sehingga 3372 orang telah mendapat manfaat dan kita membuat mesyuarat bukan hanya satu tahun sekali sahaja itu tidak benar. Sebenarnya kita membuat mesyuarat bergantung pada permohonan melalui pejabat tanah PDT tersebut. Mungkin sekali ada yang kita ada buat sekali tau dua atau tiga kali kita pernah buat. Kalau tiada permohonan macam mana kita nak buat mesyuarat ini.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Mohon sedikit mencelah. Saya ingin mengesahkan bahawa mesyuarat dibuat berdasarkan permohonan dan permohonan berdasarkan jika sekiranya pejabat daerah menghantar *Blueprint* itu. Persoalannya kalau permohonan itu disimpan di pejabat daerah bagaimana sistem daripada Pejabat EXCO bahawa ada permohonan ini.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Sebenarnya bukan kita akan buat sekali permohonan. Kita ada 9 daerah sekali mungkin daerah yang terlibat sekali sahaja dalam satu mesyuarat. Kita ada buat banyak sebenarnya mesyuarat-mesyuarat

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

diadakan untuk jawatankuasa kemiskinan khususnya untuk *Blueprint* lebih daripada 3, 4 dan sebagainya. Setiap kali kita mengadakan kita akan menghubungi PDT yang tersebut *i mean* semua PDT ada atau tidak permohonan daripada mereka so kita nampak sekiranya ada permohonan baru kita jemput mereka dan setiap kali juga PDT akan tulis kepada UPEN Sektoral supaya mengadakan program tersebut. Satu lagi Yang Berhormat Paya Jaras mencadangkan agar ia dapat dicantum atau pun di selaraskan dengan program seperti HIJRAH saya sebenarnya setuju sebab kita ada terlalu banyak stanco yang berbeza. Kita ada apa yang nampak kalau setiap kali kita ada program terbaru dan diletakkan kita ada kemiskinan, kita ada kebijikan, kita ada usahawan dan nampak diselaraskan. Itu sebab kita nampak HJIRAH dan juga Bantuan *Blueprint* kemiskinan diselaraskan di bawah stanco yang sama adalah cadangan yang baik itu sahaja terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker ada dua soalan untuk saya iaitu daripada Taman Medan dan juga Teratai yang mana Taman Medan bertanya, adakah bayaran tertunggak sudah tidak ada lagi dibantu oleh Bantuan Program Sihat Selangor. Ingin saya memaklumkan bahawa terdapat beberapa permohonan yang telah pun tertunggak sekian lama dan mengemukakan invois yang tidak terkini. Jadi permohonan ini tidak dapat dibantu dan kita minta supaya setiap permohonan hendaklah memberikan invois terkini dan baru barulah kita boleh membuat pembayaran. Kalau tahun-tahun yang sebelumnya memang tidak akan dibantu. Dan tidak ada pertukaran syarat untuk permohonan. Yang mana ada juga permohonan untuk meminta mereka bayar dahulu dan kita bayar balik kepada mereka tidak boleh. Kemudian kos perjalanan juga kita tidak bayar serta sumbangan kewangan juga kita tidak laksanakan. Syarat masih sama iaitu warganegara, lahir Selangor atau mastautin lebih 10 tahun, pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah itu sahaja untuk Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya mohon penjelasan. Saya mohon kalau perkara ini benar pegawai-pegawai memberi maklumat di SUK perlu juga kemas kini tentang syarat-syarat tersebut sebab apa yang pejabat saya dapat, mereka telah memberitahu syarat ataupun bantuan untuk membayar bil tertunggak tersebut telah tiada lagi. Jadi itu makluman yang kami dapat daripada Shah Alam.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Okay, terima kasih Taman Medan. Sememangnya ianya masih sama seperti sebelum ini dan kita akan maklumkanlah kepada para pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses untuk menguruskan Bantuan Kesihatan Sihat Selangor. Yang kedua, daripada Teratai, terima kasih Teratai kerana telah mencadangkan perlunya pemasaran dan pengenalan produk-produk PWB kepada para pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Saya menyambut baik saranan dan cadangan dan sememangnya sedang dalam perancangan Jawatankuasa Hal

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Ehwal Wanita Dan Keluarga untuk mengetengahkan dan mengangkat produk-produk PWB yang dihasilkan sendiri oleh peserta dan wanita tempatan melalui PWB untuk dikembangkan dan dipasarkan. Pihak jawatankuasa juga dalam masa terdekat akan memulakan program menaik taraf produk yang telah dikenal pasti sebanyak 20 produk daripada seluruh Selangor melalui PWB untuk di *upgrade*kan pembungkusan, nutrisi dan lain-lain. Produk-produk ini kemudiannya akan dipasarkan melalui PWB Shop yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker terima kasih kepada Y.B. yang telah bangkit beberapa isu. Untuk menjawab soalan daripada Sekinchan, jawapan Sekinchan yang prihatin tentang pemilik tanah yang ingin membangunkan tanah mereka tetapi dikenakan caj pemajuan yang tinggi. Untuk maklumat Y.B. mengikut Akta Perancang Dan Bandar Seksyen 32(3), Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan caj kemajuan seperti mana yang dinyatakan dalam jadual ketiga iaitu permohonan yang dijalankan untuk badan-badan kebajikan oleh agensi kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar, ini satu. (2) badan kebajikan dan lain-lain pertubuhan yang diiktiraf oleh kerajaan, (3) pembangunan kerajaan, (4) bangunan gerai dan warung makan awam, (5) projek keagamaan awam dan akhir sekali mungkin berkaitan dengan apa dibangkitkan oleh Y.B. adalah lain-lain yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dengan kaedah ini saya rasa Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk mengecualikan caj kemajuan untuk penduduk di kampung, ini satu. Kedua tentang kelambatan di peringkat OSC (One Stop Centre) di peringkat PBT. Untuk makluman Y.B., isu ini ada beberapa faktor ataupun setiap kes ada mempunyai ciri-ciri yang berbeza jadi untuk pelabur, pelabur, pelabur asing ataupun pelabur ditempatan, Kerajaan Negeri telah mengadakan dasar untuk mengadakan satu *fast track* bagi mereka untuk memohon KN dan sebagainya. Tapi untuk yang kes yang lain kemungkinan besar ia akan berkait dengan agensi ataupun jabatan di luar kawalan Kerajaan Negeri ataupun..itu yang saya juga sering kali didatangi oleh pengadu mengenai isu mereka susah nak dapat ulasan teknikal daripada jabatan di luar kawalan PBT dan juga Kerajaan Negeri. Tetapi ulasan daripada jabatan teknikal ataupun agensi ini juga penting kerana kalau mereka tidak dapat ia kan memberi impak kepada peringkat akhir iaitu apabila kemajuan mereka telah berakhir mereka ingin memohon..kalau tak ada ulasan daripada jabatan teknikal arkitek yang berkaitan mereka tidak berani menandatangani ataupun memberi kelulusan ke atas bangunan mereka.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Soalan. Saya nak tanya EXCO ada, tak silap saya, ada satu garis panduan di Negeri , ada ke tidak, di mana dalam 14 hari, mana-mana agensi ataupun syarikat diteliti itu kena ada jawapan kepada pemohon-pemohon atas pembinaan-pembinaan yang mereka telah cadang

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

untuk adakan ataupun untuk diluluskan. Ada ke tak ada satu syarat *within 14 days if they dont answer then PBT supposed to proceed.*

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Secara *details*nya saya tiada tapi memang ada satu tempoh untuk agensi atau jabatan yang berkaitan mereka bagi ulasan kepada jabatan OSC yang butiran tu saya akan hantar kepada Y.B. sebentar nanti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta sikit penjelasan, soal kelewatan, kecekapan jawatankuasa OSC ini untuk meluluskan permohonan pembangunan dan sebagainya. Ia memang kadang-kadang jabatan-jabatan berkaitan dia tidak buat ulasan terlalu lewat. Adakah jawatankuasa OSC ini mempunyai hak bagi tempoh 2 minggu ataupun 28 hari kalender. ..teknikal yang tidak menjelaskan, ulasan teknikal yang tidak menjelaskan. Bolehkah jawatankuasa ini membuat keputusan sendiri tanpa kecualikan teknikal yang tidak membuat keputusan itu ulasan itu supaya boleh dijalankan kalau tidak kalau 10 bulan tidak membuat ulasan maknanya 10 bulan lah kita tertangguh kerana jabatan berkenaan. Ini satu perkara yang sangat serius. Kita kena cari satu mekanisme supaya benda ini dapat ditangani. Selangor lebih ke depan, terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Y.B. Sekinchan dengan cadangan tersebut. Dan kita akan mencari jalan yang terbaiklah untuk kebaikan ataupun kita akan memberikan kemudahan yang ataupun perkhidmatan terbaik kepada pemohon. Untuk menjawab soalan daripada Seri Andalas ...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Pengurus boleh saya minta mencelah sedikit. Okay, saya berminat dengan Sekinchan tadi membangkitkan mengenai OSC dan berdasarkan ulasan-ulasan yang dibuat oleh jabatan mestilah dipenuhi. Dan tempoh tadi rungutan mengenai tempoh ini mungkin kerana di antara *consultant* di luar dengan pihak jabatan ini. Cuma saya nak tanyalah sekiranya ada ulasan-ulasan daripada jabatan yang tidak menyokong mana-mana kebenaran merancang. Katalah kita ada lebih kurang 20 jabatan mungkin, yang kena bagi sokongan ini teknikal tetapi katalah ada 1 jabatan yang tidak berikan sokongan. Apakah OSC boleh dengan izin *overall* dan meneruskan juga kebenaran merancang ini atau boleh membatalkan ataupun menangguhkan sehingga mendapat sokongan sepenuhnya daripada kesemua jabatan. Jadi saya lihat ini kerana apa yang berlaku, saya bukan nak berpolitik tapi apa yang berlaku Pulau Pinang baru-baru ini di Tanjung Bungah, kerja-kerja keruntuhan tebing kerana tiada ulasan dari JAS (Jabatan Alam Sekitar) akhirnya diteruskan juga maka berlaku peristiwa itu. Kita harap di Negeri Selangor ini tak boleh tak berlaku. Jadi, apa pandangan kerajaan apabila tidak adanya sokongan satu jabatan. Contoh, katakan SYABAS ataupun Syarikat Air Selangor tidak

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

menyokong kerana tidak cukup bekalan air di situ. Apakah diteruskan juga kelulusan oleh pihak OSC ataupun pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Permatang. Memang PBT mempunyai kuasa untuk Overall, kuasa memang di peringkat PBT, tapi biasanya di dalam praktikal PBT akan meminta supaya pemaju tersebut untuk mendapatkan semua ulasan ataupun sokongan daripada jabatan teknikal ataupun agensi yang berkaitan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Mencelah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta maaf soalan saya tadi, kalau sekiranya ada teknikal tidak menyokong apakah kebenaran, macam diberi kebenaran ataupun ditangguhkan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Kita kena tengok case by case lah, saya tak boleh bagi jawapan yang tepat sekarang. Ada yang boleh kita tangguhkan ada yang kita kena tunggu ulasan yang baik ataupun alternatif daripada agensi yang berkaitan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Mencelah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okay ini soalan dasar Y.B.. EXCO, Dasar kalau dia kekal tidak ada ulasan tidak diluluskan dia kena dipatuhi lah. Kalau dasar mengatakan boleh, case by case you kena bagi dasar yang jelas. Jadi pada saya kalau dasar tu ditolak, ditolaklah. Jadi mungkin kena mohon yang baru. Itu saja yang saya nak minta penjelasan

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Mencelah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengurus saya minta untuk memberi sedikit *input* kerana saya juga mempengaruhi jawatankuasa penyelarasian bulanan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur yang memohon untuk kebenaran merancang untuk membina kilang sebagainya. Jadi saya memberi peluang untuk bermesyuarat dengan pegawai kita di peringkat PBT secara langsung. Jadi pada dasarnya sekiranya ulasan teknikal yang melibatkan keselamatan, melibatkan bekalan air, melibatkan elektrik sekiranya ulasan yang positif tidak diperolehi memang OSC tidak akan membenarkan dan itu sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri. Tapi mungkin ada isu teknikal yang tidak kritikal maka itu terpulang kepada OSC. Dan sekarang ini mengikut OSC 3.0 yang garis panduan ini ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dia ada dua peringkat,

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

peringkat awal dan peringkat kemudian. Di peringkat awal *consultation*, sekiranya dokumen itu tidak lengkap memang ditolak. Jadi itu memang terlibat dengan juru perunding. Saya nak memperbetulkan hujah Y.B. Sekinchan sebentar tadi menyatakan bahawa sekiranya juru perunding tidak *competent* kita boleh tukar. Sebenarnya kita tidak kuasa, dipihak-pihak berkuasa tempatan tidak ada kuasa untuk menukar juru perunding atau *consultant*. Jadi kita tak boleh itu terpulang kepada pemohon itu sendiri. Jadi tanggungjawabnya bukan pada pihak berkuasa tempatan. Tapi saya memang sendiri telah pun menemui beberapa kes di mana memang betul bahawa juru perunding tidak *competent* dan mereka tidak juga segan untuk berhubung dengan pegawai kita di peringkat pihak berkuasa tempatan. Dan saya juga ada jumpa banyak kes di mana bila mereka menuduh bahawa pihak berkuasa tempatan ataupun OSC lambat, bila ditanya adakah dokumen tertentu dihantar, dia kata hantar semalam. Jadi dia dalam mesyuarat mengharapkan kita dapat memberi arahan supaya disegerakan. Jadi itu masalah yang juga bukan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Minta mcelah. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Y.B. EXCO. Saya ingin nak tanya berkenaan dengan tuduhan daripada Y.B. sebelah situ yang mana OSC ini ditubuhkan adalah dengan niat untuk mempercepatkan seluruh proses. Yang seperti mana yang dikatakan oleh Y.B. Sg Pinang, bahawa OSC ini ditubuhkan daripada Kementerian di mana saya difahamkan bahawa sekiranya ulasan jabatan-jabatan yang hadir dalam mesyuarat OSC tidak memberi maklum balas. Jadi dengan prosedur ataupun proses OSC ialah pihak OSC perlu memproseskan kelulusan ataupun permohonan itu dengan sebaik yang mungkin. Jadi apa yang didakwa oleh pihak di sebelah itu, katakan pihak OSC masih luluskan lagi adalah tidak patut...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sikitlah, belah situ tu siapa? Permatang? Saya dalam ucapan tadi Tuan Pengerusi, tak ada pun kata buat apa-apa tuduhan, saya pun sama dengan Sekinchan minta penjelasan. Saya terima kasih, pertama kali saya boleh bersetuju dengan Sg Pinanglah dalam membuat penerangan. *Thank you very much* dan membetulkan Sekinchan tadi. Kerana betul memang bukan *consultant* kita tak boleh mengalih itu hak pemohon. Tapi saya ingat Teratai ni bila masa pula saya ada buat tuduhan ini. Tidur ke Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Sebab tadi Permatang, terangkan mengikut contoh di Pulau Pinang.

TUAN SPEAKER : Baiklah, Teratai, Teratai, tolong duduk. Permatang tolong duduk. Saya jemput Bukit Antarabangsa untuk gulung. Masih belum habis Seri Kembangan.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Teratai tidur duduk.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Ye, saya setujulah Permatang memang tidak ada membuat tuduhan hanya ada berkaitlah dengan Pulau Pinang sikit. Untuk menjawab soalan daripada Seri Andalas ya, Seri Andalas telah bangkit isu tentang mengadakan satu *Public Thinking Policy* dengan izin. Dalam beberapa dewan yang lepas dan Kerajaan Negeri telah pun dalam proses untuk satu peraturan yang boleh diguna pakai di peringkat PBT untuk mengawal aktiviti minuman arak di tempat awam seperti padang yang berpotensi untuk membuat kacau gangguan kepada penduduk yang berhampiran. Walau bagaimanapun, sekiranya sekarang terdapat aduan kerap kepada PBT akan yang boleh diambil di bawah Seksyen 82 (1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu kacau gangguan awam. Selain itu, pihak Polis juga boleh mengambil tindakan berdasarkan aduan awam sekiranya mereka membuat kacau gangguan di kawasan awam. Bagi orang Islam pula, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995 ada memperuntukkan undang-undang di bawah Seksyen 18 (1) dan (2) terhadap orang Islam yang didapati bersalah terlibat dengan arak.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker, saya faham memang ada satu *clause* Akta di bawah undang PBT dan sebagainya. Tetapi itu tidak cukup kuatnya untuk dedahan-dedahan yang kuat untuk atasi masalah yang kita hadapi sekarang, yang saya minta itu untuk kerajaan untuk tubuhkan satu fakta di mana tuduhan itu nampak sebagai *disturbance* kepada kawasan dan keluarga dan wanita dan sebagainya. Dia mesti adakan satu jatuhkan hukuman yang tinggi. Contohnya RM10,000.00 didenda kan ataupun satu tahun penjarakan. Ini akan adakan kesan. Polis akan ambil tindakan kalau macam itu. Sekarang pun Polis langsung tidak campur tangan di dalam isu ini dan pegawai-pegawai dari PBT-PBT itu, penguatkuasaan dia pun tak ada kuasa sangat untuk berhentikan aktiviti-aktiviti ini yang jalankan pada waktu malam dan waktu pagi-pagi, awal pagi dan sebagainya. Itulah yang saya minta.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Saya rasa apa yang dimintakan oleh Y.B. Seri Andalas adalah mengadakan satu enakmen ya Akta di peringkat, di peringkat Kerajaan Negeri apa yang kita boleh buat Enakmen. Tapi selepas perbincangan di peringkat Kerajaan Negeri, kita sekarang apa yang kita lakukan adalah kita memantapkan undang-undang kecil di peringkat PBT iaitu akan memberikan hukuman yang lebih berat ke atas orang yang bersalah. Itu apa yang kita laksanakanlah untuk makluman Y.B..

TUAN SPEAKER : Seri Kembangan sudah habis?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Untuk jawapan bagi Hulu Kelang berkenaan dengan proses program pemutihan kilang haram. Untuk Y.B. program ini

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

telah tamat pada Disember tahun 2015 dan sebanyak 1,346 permohonan telah diterima dan sebanyak 1,223 telah diluluskan untuk tukar syarat daripada pertanian ke industri dan sekarang Pihak Berkuasa Negeri dan juga PBT mereka akan mengambil tindakan ke atas pengusaha yang masih belum memohon untuk meluluskan ataupun memutihkan kilang dan juga tanah mereka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan ya. Tapi STANDCO itu masih wujud dan peruntukan untuknya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : STANDCO masih wujud dan saya juga ingin menjawab soalan daripada Paya Jaras mengenai warga asing yang telah menjalankan bermiaga di kawasan kampung, nurseri ataupun bermiaga. Untuk makluman Y.B. saya rasa warga asing ini mereka tidak mempunyai permit ataupun kad yang telah diluluskan. Tindakan penguatkuasaan akan dijalankan ke atas mereka kerana memang tidak dibenarkan bagi warga asing untuk mendapat warga asing yang haram, tidak boleh menjalankan bermiaga. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Pengerusi saya ingin respons kepada beberapa perkara yang dibangkitkan. Yang pertama, saya memandang serius di atas peringatan yang diberikan oleh Y.B. Teratai dan juga Y.B. Selat Klang berhubung usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan semua dasar, program dan maklumat kejayaan-kejayaan pelaksanaan program dan dasar Kerajaan Negeri mesti sampai terus kepada rakyat di dalam Negeri khususnya di peringkat akar umbi dan di peringkat desa dan peranan Selangor Kini amat efektif dan saya bersetuju supaya pemantauan dibuat untuk memastikan setiap penerbitan Selangor Kini itu tidak hanya berlegar di pejabat Pusat Khidmat sahaja tetapi mestilah sampai kepada setiap rakyat di dalam Negeri Selangor dan memang usaha ini telah pun dijalankan kita memantau secara dekat tentang pengedaran Selangor Kini daripada CCSB kepada pengedar dan pengedar terus kepada setiap rakyat di dalam Negeri ini. Untuk memantapkan lagi program penerangan kita bagi tahun 2018 seperti yang saya telah umumkan peruntukan tambahan untuk menangani dan menyanggah *fake news* yang banyak keluar hari ini khususnya dalam media-media perdana yang tidak dikuasai oleh kita. Maka peruntukan sejumlah RM12.3 juta telah pun dicadangkan bagi tahun 2018 bagi tujuan penerangan dan menyanggah *fake news* ataupun fitnah yang dilemparkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kampung Tunku saya percaya Kampung Tunku sedia maklum bahawa 4% itu adalah kadar biasa bagi pinjaman mudah ataupun *soft loan* yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Namun cadangan untuk mengurangkan kadar ini akan memerlukan kajian yang lebih lanjut walaupun kita mengakui sumbangan anggota perkhidmatan awam iaitu amat besar dalam membangunkan Negeri, tetapi kita juga telah memberikan beberapa insentif dan bantuan khas kewangan. Sebagai contoh

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

sekiranya kita melaksanakan cadangan Y.B. Kampung Tunku, Kerajaan Negeri akan kehilangan hasil sebanyak RM6 juta setahun. Tetapi jika dibandingkan dengan bantuan khas kewangan yang diberikan sebanyak 3 bulan gaji. Ia nya melibatkan peruntukan lebih RM94 juta. Jadi ini satu jumlah yang besar dan cadangan itu boleh kita kajikan untuk masa yang akan datang. Y.B. Rawang ada bertanya tentang permohonan tanah yang semakin banyak dan apakah keperluan untuk meningkatkan bilangan SO di Pejabat Daerah. Perkara ini memang dipantau oleh semua Pejabat Daerah melalui PTG dan sekiranya ada keperluan dari semasa ke semasa permohonan akan dikemukakan kepada pihak JPA untuk menambah perjawatan yang diperlukan. Y.B. daripada Paya Jaras ada bertanya tentang tanah-tanah kecil yang boleh dimanfaatkan. Dasar sedia ada pada hari ni yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri ialah tanah-tanah kerajaan ini akan dilupuskan melalui proses pemberimilikan Seksyen 76 KTN ataupun melalui pajakan Seksyen 63 KTN ataupun kita mengeluarkan lesen menduduki sementara Seksyen 64. Walau bagaimanapun kita tetap berpegang kepada prinsip ketelusan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri supaya kaedah Tender Terbuka bagi melupuskan tanah-tanah kerajaan yang diperlukan. Saya juga ingin respons perkara yang dibangkitkan oleh Taman Medan tentang pembangunan di tanah rizab Melayu. Berdasarkan Enakmen Rizab Melayu pihak yang boleh membangunkan tanah rizab Melayu adalah mereka yang telah mendaftar dalam Jadual Ketiga Enakmen Rizab Melayu 1933 dan Kerajaan Negeri juga akan pantau supaya tanah-tanah rizab Melayu ini tidak dipindah milik kepada mereka yang layak. Untuk makluman dewan yang mulia ini, keluasan tanah rizab Melayu yang telah diwartakan sehingga 30 Jun 2017 adalah seluas 396,246 ekar dan kita Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya mendokumenkan semua pelan warta yang dibuat sebelum merdeka dan dokumen ini telah pun dibukukan. Y.B. Tuan Pengerusi, saya juga ingin respons kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang tentang minit yang dikeluarkan oleh saya daripada Pejabat Menteri Besar. Untuk makluman Y.B. Hulu Kelang, amalan yang kita guna pakai pada hari ini ialah setiap surat daripada mana-mana pihak yang dihantar kepada saya tidak akan ditapis dan akan dihantar terus kepada saya untuk saya teliti dan sehingga hari ini memang saya memberikan masa yang agak banyak untuk meneliti setiap surat yang dihantar atas nama saya, termasuk surat-surat yang dikemukakan dalam bentuk salinan kepada saya itu juga saya telah mengarahkan pegawai saya untuk tidak menapisnya dan memberi peluang kepada saya membaca setiap surat. Apabila perkara-perkara yang dibangkitkan dalam surat itu diteliti dan dibaca oleh saya. Saya akan minit kan. Namun amalan kita pada hari ini tidaklah seperti dulu kita terus minit sokong, setuju, lulus dan kepada si polan si polan, tidak. Saya akan minit kan kepada Jabatan yang berkenaan supaya mengemukakan ulasan dalam satu tempoh untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Kerana beberapa permohonan itu melibatkan ulasan teknikal ataupun daripada Jabatan yang berkenaan atau bukanlah urusan saya untuk memberikan kelulusan dengan begitu mudah kerana hubungan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

politik ataupun kronisme dan kita tidak sama sekali membenarkan sebarang bentuk sokongan politik dalam memberikan kelulusan di atas mana-mana permohonan. Maka apabila minit itu dikeluarkan daripada pejabat saya, biasanya saya minta sebagai contoh PTG sila teliti dan kemukakan ulasan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri dan surat itu akan dihantar terus kepada PTG dan pejabat saya akan memaklumkan kepada mereka yang mengemukakan surat itu bahawa permohonan mereka ataupun rayuan mereka cadangan mereka telah dikemukakan kepada Jabatan-Jabatan yang berkenaan dan mereka akan mengemukakan ulasan dan sekiranya pemohon ataupun mereka yang menghantar surat itu memerlukan satu jawapan yang segera daripada Jabatan kita juga memberikan nombor telefon pegawai yang berurusan tentang perkara yang dibangkitkan supaya mereka dapat maklum balas segera daripada Jabatan yang berkenaan. Sudah tentulah apabila ditanya apakah yang diminti kan oleh Menteri Besar tidak menjadi amalan kita untuk memberitahu kerana itu adalah urusan saya dengan Jabatan yang berkenaan untuk mereka mengemukakan ulasan. Akhirnya seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Setia tadi berhubung dengan Kem Ghafar Baba memang telah siap dinaiktaraf dan diserahkan kepada MPAJ, saya suka merakamkan dalam dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi bawah pelbagai pihak telah mengemukakan cadangan rasmi kepada saya untuk menukar nama Kem Ghafar Baba ini dan saya dengan tegas dan dengan penuh keikhlasan ingin menyatakan dalam dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk tidak menukar nama Kem Ghafar Baba sebagai menghormati dan menghargai sumbangan besar Almarhum Tuan Abdul Ghafar Baba kepada negara Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Puan Pengerusi, ada satu perkara yang saya bangkitkan tidak dijawab oleh di pihak EXCO.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kita sambung nanti ya. Dewan perlu bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya tangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Assalammualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula. Dewan bersidang sebagai jawatankuasa. Taman Medan.

Y.B.PUAN HANIZA MOHAMED TALHA: Saya hanya nak maklumkan bahawa perkara yang saya bangkitkan tadi belum diberi jawapan. Berkaitan dengan jalan rosak.

Y.B.TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Taman Medan. Taman Medan membangkitkan berkenaan dengan syarikat-syarikat utiliti yang menggorek jalan dan kemudianya tidak menampal dengan sempurna. Kita memang ambil maklum akan aduan-aduan yang sekarang ni agak banyak kita terima. Apatah lagi banyak projek-projek pengorekkan, penggantian paip air, begitu juga utiliti dan sebagainya. Di sana ada beberapa kekangan yang perlu kita lihat. Ada dikalangan utiliti walaupun mereka ada cagaran dan ada permit korekan yang biasanya diperingkat PBT memberikan tempoh dalam tiga bulan dan mereka akan **extend** dan sebagainya. Kita sedang meneliti perkara ni kerana ada dari sudut teknikal ada di kalangan utiliti yang mengambil masa untuk proses pemendapan berlaku barulah mereka boleh turap dengan sempurna supaya tidak menjelaskan utilities paip dan sebagainya yang disalurkan ditempat korekan. Perkara ni menjadi satu perkara yang banyak dibangkitkan oleh ADUN-ADUN dan pihak kerajaan akan meneliti secara detail perkara ni dan kita akan mengambil sati keputusan bagaimana untuk mengelakkan perkara ni daripada berulang dan terus tidak ada kesudahan.

Y.B.PUAN HANIZA MOHAMED TALHA: Y.B, sebagaimana yang EXCO sebut tadi jadi perkara ni telah dibangkitkan berkali-kali. Jadi bilakah akan nampak, maknanya tindakan yang lebih efektif bagi memastikan syarikat-syarikat utiliti ni tidak me....dengan senang ya mengorek jalan-jalan yang baru ditarik. Maknanya baru turap dikorek kemudian tidak dikembalikan dalam keadaan yang sebelumnya tu. Jadi mungkin dengan charge yang lebih tinggi ataupun cagaran yang lebih tinggi akan membuatkan mereka lebih berhati-hati untuk melakukan korekan di mana-mana jalan. Terutama sekali di jalan-jalan yang *high traffic* dengan izin. Jadi ini memang apa tu, menimbulkan banyak masalah kepada pengguna jalan raya.

Y.B.TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Taman Medan. Dalam memberikan permit korekan ianya tidak melihat kepada samada jalan itu baru atau lama tapi atas keperluan dipakai itu sendiri dan permit korekan diberikan dengan cagaran dan sebagainya. Cuma kita perlu memastikan proses penampalan itu dengan lebih sempurna. Banyak teguran-teguran telahpun dibuat dan kita telah kategorikan syarikat-syarikat utiliti. Ada syarikat utiliti yang kalau kabel misal katanya mereka tidak

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

punya alasan untuk mengorek dan menampal dengan sempurna dengan **compact** dengan izin, dengan begitu baik tetapi ada kalangan utiliti-utiliti yang tidak boleh terus mereka **lay down**, dengan izin, utiliti dan terus compact dengan begitu kuat menyebabkan saluran utiliti itu akan rosak. Perkara ini pernah disebutkan tadi. Kita sedang melihat secara detail dan seperti mana cadangan pada peringkat Taman Medan supaya dinaikkan wang cagaran. Kalau itulah faktornya mungkin boleh dipertimbangkan. Begitu juga dengan tempoh, tempoh yang diambil. Kadang-kadang mereka mengambil tempoh, tempoh yang diambil. Kadang-kadang mereka mengambil tempoh yang agak lama untuk mengembalikan pada keadaan asal dengan alasan proses pemendapan itu ataupun tidak merosakkan. Jadi itu juga mungkin kita boleh mengenakan charge yang berkadaran dengan tempoh masa yang diambil. Jadi beberapa perkara tersebut sedang diteliti oleh kerajaan.

TUAN PENGERUSI: Balakong.

Y.B.TUN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin tanya Y.B.EXCO masalah ni memang satu masalah yang ketara yang dah berlaku di merata-merata ya. Apakah pandangan Y.B. EXCO jikalau pihak Kerajaan syaratkan hanya membenarkan kontraktor menjalankan kerja menggunakan kaedah HDD ataupun **undergraound checking** dan tidak membenarkan kerja-kerja melalui cara **open cutting** seperti sekarang. Terima kasih.

Y.B.TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Balakong. Itu cadangan yang baik. Ada ketikanya cadangan itu boleh dilaksanakan. Ada kadang ketikanya ia tidak boleh. Dia tidak praktikal. Tapi cadangan itu sebenarnya menjadi satu alternatif dalam perbincangan dan juga pemberian permit korekan. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.01 iaitu wang sejumlah RM137,248,398.00 untuk kepala B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada jadual. Y.B yang bersetuju sila kata ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.2 Pelbagai Perkhidmatan. RM 81,078,409.00.

TUAN PENGERUSI: Sekinchan.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM: Pengerasi. Saya ingin merujuk kepada Jadual B2 di mana muka surat 52, 50500 di mana pentadbiran dan kewangan objek, berkaitan dengan Lembaga Urus Air Selangor ya iaitu LUAS. Apa yang ingin saya nyatakan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa LUAS ini telah memainkan peranan untuk memantau kerja-kerja khususnya di kawasan persisiran pantai Negeri Selangor ya yang sekarang ni Negeri Selangor dalam proses menstrukturkan semula semua jeti-jeti, jeti-jeti pelantar-pelantar ikan bukan saja di Bagan Sekinchan termasuk di Sg. Besar,

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

termasuk di kawasan Tanjung Karang dan sebagainya. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah membantu untuk memutihkan jeti-jeti pelantar ikan sebanyak 86 di Sekinchan dan telah diberi lesen menduduki sementara pada dua bulan yang lepas dan kini masih ada jeti-jeti yang tertinggal, yang tertinggal masih ada 6 lagi yang kita kenalpasti. Saya harap perkara ini dapat dipantau dan diusahakan oleh LUAS dan ber sama PTG dan Pejabat Tanah yang terlibat membantu kepada nelayan menyelesaikan masalah mereka tentang aktiviti harian mereka menangkap ikan dan sebagainya. Pada masa yang sama ada satu kajian kita nak tunggu lama. Satu kajian konsultan teknikal yang dibuat oleh LUAS untuk tapak pendaratan ikan di Sekinchan masih sehingga kini belum ada lagi perkembangan yang positif. Saya harap perkara itu dapat dipercepatkan kerana memandangkan Sekinchan telah maju promosi sebagai eco pelancongan dan tapak pendaratan ikan yang sedia ada. Lokasinya tidak sesuai. Sudah, boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas dan perlu dipindah ke tapak pendaratan ikan yang baru. Jadi saya harap dengan kajian ini kita dapat segerakan membina tapak pendaratan ikan tersebut dan pada masa yang sama kajian tersebut juga merangkumi di mana sekarang ini bot-bot di Sekinchan lebih daripada dua ratus lebih sudah memenuhi muara sungai Sekinchan dan sudah sampai ke satu tahap kalau masa akan datang lima tahun akan datang pertambahan demi pertambahan sudah tidak dapat memuatkan *parking-parking* ya pendaratan, persinggahan bot-bot tersebut. Sudah perlu kita satu pelan perancangan masa depan yang lebih holistic iaitu dua puluh tahun tiga puluh tahun yang akan datang kita perlu satu kawasan *parking* bot-bot yang lebih besar untuk menjana sektor perikanan di Selangor dan di Sekinchan. Jadi kita perlukan satu pelabuhan seperti pelabuhan persinggahan, ya persinggahan ikan yang besar. Bot-bot di Sekinchan ni jadi saya harap laporan teknikal itu saya minta kerajaan respon bagaimana keadaannya dan apakah perkembangan terkini. Itu berkenaan dengan LUAS dan seterusnya berkaitan dengan Tourism Selangor ya. Tourism Selangor saya ucapkan terima kasih kepada Tourism Selangor selama ni banyak membantu mempromosikan pelancongan, sector pelancongan di Selangor dan juga di Sekinchan khususnya ya, termasuk di Kuala Selangor dan sekarang ni aktiviti pelancongan ni semakin giat semakin pesat membangun dan telah menjadi tarikan pakej 3 hari 2 malam, 2 hari 1 malam telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada pelancong. Pelancong luar daripada Singapore, Taiwan, China dan rakyat tempatan. Maka dengan itu saya ingin meminta dalam konteks ini pengurusan Tourism Selangor kena mengadakan promosi-promosi yang lebih efektif. Termasuk ada buat promosi di MATTAFAIR. Tapi kebelakangan ni MATTAFAIR yang disertai oleh Tourism Selangor lokasinya, tempatnya tidak begitu sesuai di mana pengunjung-pengunjung yang datang tidak begitu ramai ya kerana sambutan kalau disbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Mungkin dari segi kiosk dan lokasinya perlu Tourism ambil berat ya supaya apa yang kita belanjakan kita dapat belanjakan lebih banyak untuk promosi pelancongan tersebut. Tak guna kita berjimat tetapi tidak

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

mendapatkan hasil promosi yang baik untuk menjana sektor pelancongan di seluruh Negeri Selangor. Kita harap pelancong sebagai satu pendapatan tambahan di Negeri Selangor dapat menjadi antara destinasi-destinasi yang paling disukai di pengunjung oleh pelancong-pelancong di seluruh Malaysia. Jadi pihak Tourism Selangor dari soal MATTAFAIR yang saya nyatakan kena cari tempat yang lebih strategik bukan saja kita ambil tempat yang terpencil. Jadi inilah perkara yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:

Pengerusi

TUAN PENGERUSI: Permatang.

Y.B.DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Y.B. Pengerusi. Bagi saya peluang untuk bahas dalam Vot B02 50500 Pentadbiran dan Kewangan. Nampaknya ada satu kod saya 4200. Saya nak menyentuh ada tiga perkara dalam vot ini. Yang pertama mengenai, saya percaya dalam vot ini ialah perbelanjaan geran ataupun pemberian terus daripada Kerajaan Negeri kepada anak syarikat agensi. Jadi soalan saya ialah saya nak bertanya yang pertama mengenai Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) ya. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kedudukan sebenar CCSB ni dari segi penarafannya. Apakah dia berupa anak syarikat ataupun dia ni agensi kerana pada saya CCSB ni perlu jelas ataupun di mana kedudukan sebenar ataupun dia bersifat *self financing* mendapat pendapatan sendiri kerana geran yang diberipun saya tengok semakin menurun. Yang pertama kalau tahun 2017 diberi peruntukan RM11 juta tahun ni turun RM7,350,000.00. Apakah bermakna suratkhabar *Selangor Kini* ni sudah dikecilkan operasi dia. Satu, yang kedua apakah dia tidak apa ni, lakukan pengurangan kaki tangan dari segi operasi sebab pengurangan itu agak besar, tiga juta hampir ke empat juta ya pengurangan ini. Dan yang seterusnya saya ingin memberikan pandangan sedikit mengenai *Selangor Kini* lah. Saya percaya CCSB ni operasinya mengenai *Selangor Kini* ya. Jadi saya harap, sebab suratkhabar ini suratkhabar rakyat Negeri Selangor. Dia juga merupakan wang pembayar cukai di Negeri Selangor. Dari segi kalau Utusan Malaysia buat laporan memihak kepada apapun itu syarikat Berhad. Tapi CCSB ni Selangor Kini ini ialah syarikat yang menggunakan dana rakyat, wang rakyat. Justeru itu saya ingin memberikan pandangan supaya pertama dari segi pelaporan. Saya pernah bercakap dalam Dewan ini waktu sidang bajet beberapa tahun yang lepas, dari segi pelaporan ini saya nak minta oleh kerana duit rakyat, Ahli-ahli Dewan daripada Barisan Nasional juga berhak untuk mendapat liputan. Ya, apa yang saya lihat, tidak pernah pun kami ni diberi satu kolum ataupun diberi wawancara ataupun apa-apa juga liputan yang ada. Saya pun ada keluar juga tetapi saya tak tahu dari mana ambilannya. Tengok dari Facebook saya. Jadi apakah, surat khabar ni tak ada ke nombor telefon saya, kan? Jadi ini duit rakyat, jadi pemberitaan itu biarlah semua DUN dapat sebab kita ada 56 DUN bukan 44 yang patut dilaporkan. Ini duit rakyat. Apa, Yang Berhormat Pengerusi

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

ya. Jadi tegur ni bukan kerana apa, kerana kita rasa biar seimbang. Kalau surat khabar ini surat khabar swasta *go ahead* tak ada masalah, laporlah apa-apa pun. Yang kedua, dulu saya pernah sebut, saya ulang lagi dari segi pemberitaan, janganlah ada tajuk-tajuk, berita-berita sensasi yang cuba melaga-lagakan di antara persekutuan dan Negeri. Pemberitaan ini walaupun saya, saya boleh terima pandangan Menteri Besar pagi tadi dalam jawapan mengatakan bahawa ada melaporkan *fake news* dan sebagainya ya. Tapi kadang-kadang kita kena ingat bahawa ini ialah surat khabar pembayar cukai, maka dari segi pelaporannya, inti patinya mestilah bersifat mengharmonikan di antara Kerajaan Negeri dan juga kerajaan persekutuan. Jadi saya nak tengok kenapa RM11 juta ni tinggal RM7 juta ni apa puncanya mengapa pengurangannya? Apa surat khabar ni dah tak laku ke ataupun dak tak mula tidak diminati ke? Maka dikecilkkan saiznya. Jadi, saya bukan buat tuduhan tapi saya minta penjelasanlah. Dan di mana statusnya? Apakah Selangor kini ni ada iklan-iklan saya nampak tapi tak pastilah saya. Saya pun dah lama tak baca surat khabar ni pun. Sebab tak ada berita yang menarik saya tak bacalah. Tapi kalo ada niat ruang-ruangan iklan bukan itu juga boleh membantu syarikat ini untuk membuat pengurusan supaya dapat meneruskan *self finance* lah. Dan tidak hanya bergantung kepada Kerajaan Negeri. Yang kedua, saya ingin membangkitkan mengenai pendidikan Industri Yayasan Selangor, PYIS. Oleh kerana di dalam vot ini B02 ini tidak melaporkan penggunaan-penggunaan dari segi emolumen dan sebagainya. Saya percaya ini adalah pemberian terus. Jadi tahun lepas Unisel barangkali ditujukan kepada Unisel ya, saya, *correct me if I have wrong* lah, saya minta maaf. Tapi PYIS ini saya rasa ini merujuk kepada Unisellah ya. Jadi nampaknya tahun lepas kita beri RM20 juta tahun ini RM20 juta juga. Jadi saya nak tanya apakah status mengenai Unisel hari ini. Sebab walaupun saya ini ADUN pembangkang tapi Unisel yang di kampus Bestari Jaya ini di dalam kawasan yang saya wakili ya. Saya amat *concern* mengenai Universiti ini, dan saya sentiasa melihat bagaimana sumbangan RM20 juta ini termasuk geran-geran kadang-kadang Menteri Besar datang melawat bagi lagi peruntukan. Bagi lagi peruntukan RM40 juta dan sebagainya. Jadi sampai bila Unisel ini kita harap akan dapat berdiri sendiri menjadi sebuah Negeri, sebuah Universiti yang bukan kata mampu bersaing dengan universiti awam, dapat bersaing sama dengan universiti swasta pun sudah cukup membanggakan ya. Itulah, sebab dulu waktu penubuhan Universiti Kebangsaan di Bangi ya, Bangi tak ada apa pada waktu itu, saya pernah menjadi pelajar sana pada tahun 1992 saya masuk di sana 1982, Bangi tu nak naik motosikal pun takut, tapi oleh kerana adanya universiti itu ia jadi kapitalis, dia menjadi pemangkin jadi akhirnya Bangi bangkit menjadi sebuah bandar yang begitu berjaya sekarang ini, seksyen 4, seksyen 6. Begitu juga di Shah Alam, apabila adanya kampus UiTM maka hari ini Shah Alam kita tengok dengan pembangunan *propertinya*, pembangunan perumahannya, komersialnya dan sebagainya. Dia menjadi pemangkin kepada Shah Alam. Dulu hasratnya untuk menubuhkan Unisel ini antaranya bila kita letak di Bestari

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Jaya ialah hasratnya yang sama untuk membangunkan pula kawasan-kawasan koridor ini tapi nampaknya hari ini sampai hampir bertahun-tahun universiti ini tidak begitu nampak, dari segi jadi pemangkin. Malahan pelajar-pelajar pun saya tengok semakin lama semakin kurang. Amat sunyi. Saya melalui kawasan ini hampir tiap-tiap minggu. Saya tak nampak pun pelajar berlari-lari kat padang pun. Padang tu sunyi sepi. Tak tahulah pelajar tak bersukan. Tapi saya tengok itu, mungkin gambaran saya daripada luar. Tapi saya tengok tidak menjadi pun apa-apa, apa ni, faktor ekonomi yang boleh membangun kawasan Bestari Jaya. Masih kekal dalam keadaan dahulu juga. Jadi apakah ini satu bentuk kegagalan kita membangunkan kawasan ini jadi saya mintalah kalau boleh ini diberikan satu perhatian dan harapkan universiti ini mampu untuk bergerak menjadi sebuah universiti yang cemerlang. Ini saya bercakap atas dasar saya rakyat dan juga wakil rakyat di kawasan ini. Saya tak ada berpolitik dalam isu ini, tapi saya nak kan supaya satu pendekatan baru bagaimana kita nak memantapkan universiti ini ya. Dan harapkan harapan sayalah supaya pengurusan universiti juga. Ini saya menyentuh ini saya tidaklah cemburu tapi mungkin Timbalan Naib Canselor salah seorang merupakan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat. Tak apa kalau dia mempunyai kelayakan ok, tak ada masalah kepada saya, tapi saya harap oleh kerana ini universiti orang UMNO pun masuk bukan Parti pun masuk, orang PAS pun ada, semua ada. Jadi saya harap kedudukan beliau di sana boleh diimbangkanlah dengan program dan aktiviti beliau ya. supaya universiti tidak dilihat sebagai universiti yang ada unsur-unsur politik yang keterlaluan di dalam membuat wacana di dalam membuat program dan sebagainya ya. Pernah seketika dulu ada sebuah sekolah membuat sewaan di Unisel. Membuat sewaan Unisel dan menjemput saya untuk hadir merasmikan program. Tapi apabila pihak universiti tahu ADUN setempat datang, Sekolah ini dibagi peringatan kalau jemput sewaan akan dibatalkan. Maka terpaksa saya tidak dapat hadir ke program berkenaan. Jadi saya mengharapkan. Apa dia Sekinchan? Sila bangun, saya mintalah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekolah menengah yang kita nak bagi duit. Masuk pun tak boleh. Apatah nak menolong pun, apa benda lah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak apa kalau nak bagi, bagi kat saya, biar saya sampaikan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak saya sebut tadi fasal itu. Saya ikhlas bercakap. Saya tak ada isu apa, ya. Ok, kemudian juga satu itu Tuan Pengurus iklan dibenarkanlah ya, sikit lagi. Ataupun nak bagi kawan yang lain? Boleh ya satu lagi?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Boleh-boleh, sampai lampu merah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Oh yes, sorry. Dan satu lagi Tuan Pengerusi, kepada semua yang diberi ini dalam vot ini merupakan pembahagian terus Majlis Sukan Negeri Selangor ya. Saya pun nak minta jugalah kalau boleh apa-apa butiran sebab yang diberi ini jumlah yang hampir sama pada setiap tahun apakah butiran-butiran ini sebab saya rasa MSNS ini sepatutnya mampu juga berdiri sendirilah tanpa menggunakan sumber kewangan Negeri sebab MSNS, Majlis Sukan Negeri Selangor ini saya fikir ada harta, ada aset, ada kewangan yang baik. Jadi saya harap supaya penggunaan ini *value for money* lah. Sebenarnya istilah saya nak gunakan ialah *Value For Money*. Sebab setiap duit-duit yang kita belanjakan ini biarlah duit-duit yang akhirnya akan memberi manfaat terus kepada rakyat. Jadi, saya ingat itu sahajalah Tuan Pengerusi, terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Saya beri kepada Kuala Kubu Baru dulu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Pengerusi. Saya ada dua perkara berkaitan dengan vot ini. Sebab satu muka surat sahaja saya tak payah apa, saya *straight* merujuk kepada Rantaian Mesra Sdn. Bhd., RMSB. RMSB itu setahu saya YAWAS telah mengambil alih operasi RMSB pada 1 September 2016. Jadi mengapa sini ada lagi satu peruntukan untuk RMSB? Saya minta penjelasan mengenai perkara ini. Yang kedua, berkenaan dengan saya dapati kita memberi peruntukan kepada perbadanan dan lembaga dan sebagainya sebanyak 12 syarikat atau sebagainya tapi tak ada untuk IWB, Institut Wanita Berdaya. Adakah Institut Wanita Berdaya itu tidak memerlukan pejabat ataupun memerlukan *staff* untuk menguruskan sedangkan kita sudah adakan dasar Wanita Selangor dan pelan tindakan itu dan saya juga harap IWB itu boleh mengumumkan barisan pengurusannya kerana setakat ini kita hanya tahu penasihat IWB sahaja yang lain-lain itu kita tak tahu, itu sahaja terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Pengerusi. Taman Medan ingin membangkitkan satu perkara sahaja. Muka surat 52 kod objek 42000 bawah jenis perbelanjaan, Yayasan Warisan Anak Selangor, (YAWAS). Satu pertanyaan kepada kerajaan bilakah pengurus besar YAWAS akan dilantik kerana dengan ketiadaan pengurus besar ini ada banyak perkara yang tak dapat dibuat ataupun mengambil masa untuk mencapai satu keputusan. Pertamanya ialah berkaitan dengan penambahbaikan salah satu program IPR iaitu Skim Mesra Usia Emas. Di mana kita telah kemukakan sebelum ini supaya pemberian SMUE itu diberi semasa hayat warga emas tersebut. Jadi jawapan daripada EXCO dulu yang saya dengar

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

adalah sebab tidak ada pengurus besar untuk *initiate* dengan izin perbincangan berkaitan dengan penambahbaikan tersebut. Perkara kedua adalah berkaitan dengan akaun SMUE. Di setiap DUN, saya mohon supaya dilakukan penyelarasan akaun tersebut kerana bagi DUN Taman Medan terdapat lebihan wang di dalam akaun tersebut yang bukan milik SMUE kerana dalam proses pembayaran fasa pertama bayaran SMUE itu saya rasa, saya rasa bukan sahaja Taman Medan tapi mungkin ada DUN yang lain telah menggunakan wang peribadi dahulu kerana setiap kali pengeluaran wang hanya terhad kepada RM5,000 setiap hari. Jadi ini mengambil halangan bagi pemberian bayaran fasa pertama tersebut kerana terpaksa berulang alik ke bank setiap kali pengeluaran wang tersebut. Jadi saya mohon supaya pihak YAWAS, ya, segera menyelaraskan akaun dan pulangkan semula wang lebihan kepada pihak yang berkaitan. Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Saya ingin menyentuh kepada tiga perkara dalam B.02. Yang pertama berkaitan dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor. Saya ingin membawa empat perkara berkaitan dengan Lembaga Perumahan. Yang pertama, berkaitan dengan PPR, saya ingin mencadangkan Lembaga Perumahan mengambil alih keseluruhan PPR di Negeri Selangor. Sekarang masih tinggal satu lagi di tangan MBPJ. Saya rasa jika semua diambil di bawah satu rumah, di bawah satu badan dia menjadi lebih senang untuk disenggarakan dan lebih senang untuk pemohon. Dia hanya mohon di satu tempat bukan mohon dua tempat. Terutamanya mereka yang memohon di kawasan Petaling Jaya. Kita juga boleh juga wujudkan satu *waiting queue* dengan izin. *Instate of* setiap pemohon itu kena masuk dua *waiting queue*, satu di Lembaga Perumahan satu lagi di MBPJ. Yang kedua, berkaitan PPR dimaklumkan kesemua PPR di Negeri Selangor ini sudah penuh tidak ada kekosongan atau semua orang kena masuk satu *waiting list* untuk rumah. saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, Adakah ini benar? Memang semua unit ini penuh ataupun ada unit yang tidak dapat disewakan kerana rosak? Jika betul harap unit-unit yang tidak dapat disewakan kerana rosak dibaiki dengan segera kerana ramai keluarga yang memerlukan rumah ini, sangat terdesak. Jika tidak dapat sewa rumah PPR, yang kedua terbaik semua keluarga satu bilik. Sebab nak sewa satu *flat* kos rendah pun sudah mahal lebih daripada RM500 di Petaling Jaya. Yang isu *subletting* di PPR ini. Kalau ada apa, mana-mana individu yang menyewa *flat* PPR ini dan mereka *sublet* kepada pihak lain, saya rasa sudah sampai masanya kita *terminate* semua penyewa jenis ini kerana *waiting list* ini cukup banyak orang. Dan di pejabat saya pun ada beberapa orang yang datang, kami tolong mereka untuk isi borang untuk mereka memohon tapi mereka masih dalam *waiting list* kerana tidak ada kekosongan. Jadi kalau ada sesiapa yang *sublet* dia mencari

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

keuntungan daripada *flat* PPR ini tidak wajar. Kita harus hentikan serta-merta. Yang ketiga, berkaitan Lembaga Perumahan ialah isu pendakwaan kepada mereka yang tidak membayar caj penyelenggaraan bulanan untuk pangaspuri, *flat*, *apartment*, dan sebagainya. Dahulunya Lembaga Perumahan ada banyak bina yang dinaikkan, banyak banting yang dinaikkan. Yang memberi amaran untuk membayar caj penyelenggaraan kalau tak bayar akan dikenakan tindakan pendakwaan. Saya baru dimaklumkan oleh COB MBPJ, baru-baru ini bahawa LPHS telah berhenti pendakwaan-pendakwaan ini saya ingin tanyakan adakah ia benar dan jika ia benar kenapa? Saya harap pendakwaan ini boleh disambung dan boleh dibuat dengan intensif. Kerana banyak pemilik rumah ini mereka tidak tinggal di *flat* terutamanya kos rendah dan kos sederhana. Mereka membeli sebagai satu *investment*. Mereka menyewa dan mendapat keuntungan daripada penyewaan tapi mereka tidak membayar caj penyelenggaraan dan JMB dan JMC menghadapi kesusahan untuk menyelenggarakan bangunan-bangunan ini. Jika semua bayar *maintenance*, JMB/MC ini kerja dia jauh lebih senang. Lepas tu kerja kerajaan pun akan bertambah senang tak perlu keluarkan skim ceria begitu banyak jika semua bayar *maintenance*. Yang keempat berkenaan *Smart Sewa* saya ingin bertanya, adakah kita membuat pinjaman bank untuk membeli rumah-rumah yang hendak disewakan melalui Skim *Smart Sewa*. Memang cukup banyak peruntukan diberi untuk Skim *Smart Sewa*. Adakah kita menggunakan pembelian terus 100% ataupun kita *level range* dengan bank *loan* supaya kita dapat membekalkan lebih banyak rumah. kalau kita membuat pinjaman bank 70% boleh tiga kali kan, tiga kali gandakan bilangan rumah yang boleh dibekalkan kepada pasaran melalui Skim *Smart Sewa*. Saya juga harap pembelian rumah-rumah untuk disewakan ini akan ditaburkan di seluruh Negeri Selangor. Biar setiap tempat tu ada *optionnya* bukan hanya di dua, tiga, empat tempat sahaja. Yang kedua, perbadanan yang kedua adalah LUAS, di sini saya ingin membawa dua cadangan kepada luas. Yang pertama ialah sungai yang bersih. Kita selalu memberi tekanan kepada pembersihan Sungai Kelang. Sungai Kelang adalah sungai yang sangat panjang, sangat besar dan memang cabaran untuk membersihkan Sungai Kelang ini amat tinggi. Mengambil masa. Ia adalah satu niat yang baik. Tetapi untuk kita melihat satu pembezaan dengan lebih cepat *result*, *speed a lot* memberi keyakinan kepada penduduk kita, *why not* kita cuba untuk membersihkan satu sungai yang lebih kecil. Mungkin sungai yang *catchment area* yang tidak sebeginu besar, yang mana tidak ada sebeginu banyak industri yang melepaskan *effluent* di *catchment* sungai tersebut. kita pilih satu sungai yang lebih *manageable* dengan izin supaya kita dapat membersihkannya dan kita dapat menunjukkan air jernih di dalam satu sungai di Negeri Selangor yang melalui kawasan perbandaran dan sungai itu boleh menjadi satu *hotspot* rekreasi dan ini boleh memberi insentif kepada keseluruhan Negeri Selangor supaya kita membersihkan sungai-sungai kami. Memang kita memerlukan kerjasama bukan sahaja kerajaan tetapi semua penduduk, syarikat-syarikat swasta supaya sungai ini bersih. Penduduk mesti berhenti

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

buang sampah, industri mesti melepaskan *effluent* dengan cara yang betul. Dan kalau kita ada satu sungai yang menjadi sungai contoh mungkin ini akan memberi dorongan kepada kawasan-kawasan lain. Cadangan kedua kepada LUAS ialah saya tahu LUAS menghadapi cabaran *on one hand* kita selalu *monitor* sungai supaya tidak kering. Memang mempunyai bekalan air yang mencukupi. *On the other hand* kita kena *monitor* sungai supaya tak banjir dan dua-dua masalah ini menjadi tekanan kepada Negeri Selangor. Kadang-kadang terlalu banyak air, kadang-kadang terlalu sedikit air. Jadi saya harap LUAS dapat mengeluarkan satu rancangan ke hadapan 50 tahun, 100 tahun ke hadapan. Macam mana kita nak menangani? Macam mana kita nak buat *storage* sistem untuk air yang berlebihan semasa musim hujan seperti Horas dibuat di Utara di Sungai Selangor. Macam mana kita nak buat sistem serupa Horas di sungai-sungai lain supaya kita dapat menampung air yang lebih sewaktu hujan. Mungkin selain daripada Horas, sistem *storage* bawah tanah boleh menjadi satu contoh, Singapura mempunyai sistem *storage* air bawah tanah dan bagaimana kita boleh menggunakan air tersebut dalam musim kering supaya memastikan bekalan air di Negeri Selangor sentiasa mencukupi. Jadi ini dua cadangan untuk LUAS. Yang ketiga kepada MSN. Untuk Majlis Sukan saya harap di samping perhatian-perhatian yang diberi kepada bola sepak dan sukan-sukan yang lebih popular saya harap tahun depan kita juga boleh memberi perhatian kepada sukan-sukan baru, sukan-sukan yang bukan *main stream* dengan izin seperti *inline hokey, flight football* dan sebagainya. Persatuan-persatuan ini memang selalu meminta pertolongan daripada kerajaan untuk membantu membangunkan sukan mereka. Mereka mempunyai objektif yang sama. Mempromosikan cara hidup yang sihat jadi saya harap MSN boleh memberi sokongan dan juga sedikit bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan muda, sukan-sukan yang baru membangun ini walaupun mereka bukan sukan Sea Games, bukan sukan Olimpik tetapi mereka juga mempunyai peranan di dalam masyarakat. Jadi hanya tiga perkara saya bangkitkan dalam B02, sekian terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Pengurus. Saya amek bahagian dalam vot B.02 ini iaitu projek 42000 terus sahaja kepada *Tourism Selangor Sdn. Bhd.* Baru-baru ini saya terima aduan sms daripada satu keluarga yang dipanggil hari percutian negeri. Hari percutian negeri apabila saya baca dalam wasap itu, dia mengatakan satu keluarga ambil cuti dua hari di Sungai Congkak ya. iaitu milik *Tourism Kerajaan Negeri Selangor* dan apa yang kesalnya ialah apabila dia duduk di kerusi itu, kerusi itu patah, duduk, tidur di katil, katil itu roboh dan banyak lagi perkara-perkara yang disebut di situ dan saya rasa tak sepatutnya dia terus mengadu kepada saya. Dia mengadu sepatutnya kepada *Tourism Selangor*. Tetapi oleh kerana kan kita bertanggungjawab dalam kawasan saya maka saya melihat bahawa betullah *Tourism*

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

milik Kerajaan Negeri di Sungai Congkak ini sudah di *upgrade* ataupun diperbaiki ataupun dibuat sesuatu untuk menarik masyarakat luar dan masyarakat setempat untuk bercuti di tempat itu. Tetapi apakan daya perkara ini dah kali kedua tak silap saya berlaku. Ya, dulu sekali berlaku juga dan kali ini kali yang kedua. Jadi oleh kerana itu saya mengharapkan supaya EXCO yang bertanggungjawab kalau boleh datang sekali ke sana dan saya pun akan pergi bersama. Dan kita buat sesuatulah tentang rumah penginapan itu supaya rumah penginapan itu dapat diceriakan lagi dan insya Allah saya yakin kalau ini dapat kita usahakan maka masyarakat luar akan melihat bahawa Kerajaan Negeri ini bukan hebat sahaja di kawasan-kawasan tertentu tetapi di kawasan-kawasan pedalaman juga yang mana kita situ ada *chalet* yang saya rasa banyak juga di situ dan kita akan terus mendapat apa ni sedikit sumbangan untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor dan wang tersebut kita serahkan balik kepada rakyat. Inilah harapan kita. Jadi saya minta sekali lagi supaya pihak kerajaan membuat sesuatulah terhadap *Tourism* yang ada di Sungai Congkak itu ya. terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Batang Kali.

Y.B. TUAN DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada dua, tiga perkara yang dibangkitkan mendapat sedikit penjelasan daripada EXCO-EXCO yang berkenaan terutamanya mengenai dengan Majlis Sukan Negeri Selangorlah. Iaitu kita ada Akademi Bola Sepak Merah Kuning. Dan saya difahamkan *player-player* atau pemain yang kita *recruit* sudah mencecah 900 pemain. Dan sekarang ini kita pun tak tahu yang mana satu yang kita iktiraf di Negeri Selangor ini sama ada FAS ataupun PKNS. Dan di manakah sumber-sumber sebenar apa ini kita punya pelatih-pelatih akademi ini diserapkan dan berapakah perbelanjaan sebenar yang digunakan untuk Akademi Bola Sepak Merah Kuning ini. Kerana kita dapati Negeri Selangor sekarang saya tak tahu siapa sebenar-benarnya yang nak kita banggakan dan kita tak nampak sebagai satu, sesiapunlah di antara mereka ini yang boleh kita harapkan untuk mengembalikan kegemilangan bola sepak di Negeri Selangor ini. Jadi saya minta supaya perkara ini diperhatikan semula mana yang tak betul diperbetulkan kalau perlu kita pertingkatkan prestasi kita carilah *team* yang sebenar yang diiktiraf kan oleh kita ini. Jangan dijadikan apa itu, hal-hal peribadi ataupun hal-hal politik menyebabkan Negeri Selangor ini tidak ada satu pasukan yang boleh kita banggakan. Ini satu perkara yang saya nak bawa. Yang kedua mengenai dengan Lembaga Urus Air ataupun LUAS. Saya tak tahu yang mana satu yang lebih berkuasa sama ada LUAS ataupun SYABAS dalam menjaga kepentingan Negeri dalam hal ehwal sumber air ini. Kerana dalam pembentangan bajet yang lepas saya ada mohon supaya Kerajaan Negeri tak kiralah siapa EXCO yang bertanggungjawab untuk menyelidik kata-kata di luar sana yang mengatakan bahwasanya kita ini berhutang. Saya katakan "Kita" lah sebab semua kita di sini RM36 *billion* bil api bagi loji-loji atau air

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

kita di Selangor ini. Jadi ini satu yang menakutkan. Kalau silap-silap besok kita dah ada krisis air pun jadi kita minta supaya maklumat ini diperbetulkan di luar sana. Kita tak mahu perkara ini menjadi satu yang mengerikan di masa-masa yang akan datang. Saya dalam pembentangan hari itu pembentangan bajet saya ada raisekan perkara ini jadi minta disiasat betul-betul benda ini kalau tidak kita ketepikan ataupun kita, maklumat itu harus kita harus tentanglah maklumat itu kerana ia menakutkan. Ini bukan apa menakutkan dia akan menakutkan banyak orang ya, bukan sahaja *consumer* daripada segi orang-orang awam tetapi juga industri yang nak masuk juga akan menakutkan mereka. Jadi perkara ini saya minta disiasat. Yang ketiga mengenai *Tourism Selangor*. *Tourism Selangor* ini saya rasa saya dengan EXCO pernah, bukan beberapa kalilah adalah kita pergi melawat tempat-tempat tertentu yang berkaitan dengan pelancongan juga dengan kawasan-kawasan yang berpotensi bukan sahaja untuk pelancongan tetapi juga untuk sukan *extreme* yang baik untuk Negeri Selangor yang boleh kita *introducekan* atau perkenalkan kerana dia telah mendapat, saya pernah ni para *gliding*lah, para *gliding* tapak dia sungguh baik dan dia mempunyai kawasan yang sangat strategik kerana dia punya ketinggian boleh menccah hingga 5,000 ke 6,000 meter ke atas langit dan boleh sampai ke hingga 30km jauh dia boleh terbang dan dia punya *landing* pad pun ada banyak dan dia punya *emergency* ataupun kecemasan pad, kecemasan juga luas pun ada banyak di sekelilingnya. Jadi tempat ini juga telah dijemput atau telah diadakan satu pertandingan antarabangsa pada satu ketika dulu ataupun setahun yang lepas. Jadi saya lihat ramai peserta-peserta luar negara yang datang dan mengagumi kawasan tersebut. Cuma kita tidak mempunyai *facility* yang banyak kerana kita tidak mempunyai jalan ke atas yang sempurna. Kita tidak ada tapak itu mempunyai kelengkapan yang sesuai. Tandasnya tak ada, tempat nak *take off* tu agak, yalah orang kata orang biasa-biasa bolehlah tapi pengiktirafan dunia biasa bentu rasanya bolehlah di *upgrade*kan. Jadi saya minta kalau boleh EXCO lihat semula macam mana kita boleh bekerjasama balik dengan apa ini, Kementerian Kebudayaan Dan Kesenian Malaysia. Satu ketika kita pernah berbincang dengan mereka dan ada bajet-bajet yang dikatakan boleh diturunkan. Tapi setakat hari ini belum nampak lagi perkara itu terjadi. Jadi itu satu perkara itu satu perkara dan bagaimana kita punya Fraser Hill itu. Kita juga telah melawat tempat-tempat begitu di tempat Fraser, Frasers dibunuh misal kata tempat itu kita lawati dulu dan bagaimana kita kata nak buat satu tugu tanda di situ dan sebagainya. Jadi itu nak buat pad ataupun tempat apa ni, di situ ya nak majukan kawasan itu supaya ia menjadi lebih menarik orang pergi ke Fraser Hill. Jadi ini juga boleh tak majukan kawasan itu supaya menjadi lebih menarik orang pergi ke Frazers Hills. Jadi, ini juga harus dilihat dan saya tengok kat bajet RM2 juta kita kenakan satu kerjasama dengan pihak Pusat bagi membolehkan apa yang kita impikan ini berjaya. Jadi, inilah 3 perkara yang saya minta di dalam VOT B02 ini kalau boleh kita dapatkan jawapan yang sesuai. Terima kasih.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Pengerusi. Saya menyentuh muka surat 52 B.02 yang menyentuh tentang pemberian dalam Negeri ya. Ada beberapa perkara yang akan saya timbulkan. Yang pertama adalah: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Soalan saya yang pertama adalah, adakah model bentuk model PPAS ini telah jelas. Kerana baru-baru ini saya dengar dan lawatan lagi ke beberapa buah negara Eropah, dengar ceritanya berkaitan dengan menjadi satu pendekatan yang paling efektif. Jadi kalau dapat tu kita nak jelas peruntukan RM12 juta tu banyak dari segi nak apakah kor *business*, apakah tugas-tugas asas yang dilakukan oleh perpustakaan ini dalam konteks untuk menyebarkan lagi boleh membaca dalam masyarakat Selangor. Berkaitan dengan perpustakaan, yang ketiganya diminta oleh PPAS untuk mencadangkan beberapa lokasi akan dibina sebuah perpustakaan desa ataupun lebih kurang begitu. Apakah cadangan akan dijalankan, diteruskan. Kedua, saya menyentuh tentang Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Dulu pada peringkat permulaan untuk memastikan bahawa sungai-sungai kita tidak dicemari dengan sisa minyak masak. Program untuk menyediakan memproses sisa minyak masak untuk dijadikan bio-diesel telah dijalankan bersekali dengan pendekatan pendidikan masyarakat tentang sungai, penjagaan sungai. Dalam konteks itu berlaku perubahan di mana program ini dipindahkan kepada PBT. Kalau tak salah saya program itu, program untuk memproses itu diserahkan kepada pembelian oleh kontraktor yang dilantik oleh Negeri, yang diluluskan oleh Negeri dan yang dilantik oleh MPAJ. Saya nak tanya, soalannya, apa yang *missing* kali ini apabila diagihkan kepada PBT dari segi *education part* dengan izin. Kalau tidak kita ada macam-macam program qoa, qoa dan sebagainya, berjalan dengan serentak jadi anak-anak muda, budak sekolah boleh ikut program anjuran bersama dengan LUAS untuk mendidik anak-anak menjaga sungai tidak semestinya jadi, saya nak tahu, soalan pertama saya, apakah lebih tinggi hasil kutipan dan jualan sisa minyak masak untuk dijadikan bio-gas, bio-diesel atau apakah yang lebih baik dalam konteks ini. Kalau kita ditimbangkan kerana saya lebih selesa LUAS ini menjalankannya kerana proses mendidik anak-anak itu berlaku dengan baik setakat dululah. Yang ketiga, walaupun menyentuh tentang apa yang dikatakan oleh Permatang tadi, saya ada satu pandangan, dah lama saya fikirkan. Kita telah mengadakan Enakmen Pembebasan Kebebasan Maklumat. Adakah kita merancang untuk bersedia ke arah Putrajaya dan melatih demokrasi yang tulen dalam masyarakat kita dengan kita sendiri di peringkat Selangor mempunyai enakmen kebebasan media yang terhad dalam konteks ke bar kita. Jadi, itu kalau, kalau boleh difikirkan mungkin satu jalan yang membolehkan keadilan dalam pendemokrasian, pengumpulan dan penyebaran maklumat akhbar pada masyarakat Selangor dan kita melantik, ada staf dalam badan yang menyebarkan dan mengorganisasikan penyebaran maklumat ini dalam konteks yang merasakan demokrasi itu ada hidup di

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Negeri Selangor dalam konteks kebebasan media. Jadi CCSB ini. Kemudian yang keempat. Saya nak sentuh tentang ringkas sahaja, tentang Yayasan Selangor. Soalan saya, adakah Pengurus Besar telah dilantik dan kalau belum dilantik, dalam lawatan kami baru-baru ini dah nampak perubahan yang agak baik dalam Yayasan Selangor, dari segi semangat bekerja, *team* yang ada dipangku oleh Timbalan Pengurus Besar yang ada menjawat jawatan. Apakah halangan-halangan, kalau belum yang boleh menyebabkan belum lagi dilantik seorang Pengurus Besar. Ha.... kemudian, ya, itu sahaja.

TUAN PENGERUSI: Saya bagi Bukit Melawati dulu.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Speaker, terima kasih Timbalan Pengurus. Bukit Melawati juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan belanjawan bekalan B.02 muka surat 52, di bawah kod 42000. Tuan Pengurus, Bukit Melawati nama sebuah bukit, Bukit Melawati sebuah kawasan Dewan Undangan Negeri. Dia berbeza, nama seakan-akan sama tetapi ejaannya lain. Jadi, saya bawa hari ini banyak perkara yang telah saya bawa sebelum-sebelum ini supaya dapat diberikan perhatianlah oleh EXCO yang berkenaan ya. Saya sentuh kepada PADAT. Jarang orang nak ambil cerita pasal PADAT ni. Saya pernah menyuarakan bahawa rekod atas bukit itu ada Muzium Permainan Tradisional Rakyat, dah lama terbakar, 36 bulan terbiar. Tahun lepas dapat dipulihkan, dah siap tetapi tak ada apa-apa sampai sekarang, tiada bekalan yang masuk merupakan alat-alat permainan tradisional boleh dibuka untuk orang-orang ramai di hujung-hujung minggu. Pelancong daripada dalam dan luar negara, datang Bukit Melawati untuk melihat alat-alat permainan tradisional selain daripada Muzium Sejarah yang ada di atas Bukit Malawati yang berkenaan. Yang kedua, pernah juga saya suarakan di dalam Dewan ini terdapat beberapa kuarters ataupun rumah ketua-ketua jabatan yang sudah dikosongkan dan telah pun diserahkan kepada PADAT iaitu bekas rumah Jurutera JPS dan juga Jurutera JKR. Dan saya dimaklumkan bahawa kedua-dua premis ini telah pun dijadikan perbincangan oleh pihak PADAT untuk menjadikan bekas rumah Jurutera JPS sebagai pejabat pentadbiran muzium daerah Kuala Selangor. Dah lama dah, benda ini daripada 2008 dah ada peruntukan katanya, dah dua kali sebut harga tetapi sampai hari ini tak jadi-jadi juga. Begitu juga dengan bekas rumah Jurutera JKR di atas bukit itu juga yang telah diserah kepada pihak PADAT untuk dijadikan muzium budaya tetapi nampak gayanya, peruntukan pun ada saya dengar cerita, tetapi sampai hari pelaksanaannya tidak ada. Jadi, inilah perkara yang perlu pihak EXCO yang berkenaan lihat semulalah apakah yang telah berlaku Jabatan Muzium ini, peruntukan dah ada tetapi pelaksanaan bagi menjadikan kenyataan kepada perkara-perkara yang sebutkan tadi membolehkan bertambahlan produk pelancongan di atas bukit itu. Janganlah kita tengok muzium, rumah api, tengok laut, tengok meriam, tengok monyet, tengok kera, tengok lotong di

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

atas itu, tetapi sebenarnya ada lagi produk yang boleh kita beri kepada pelancong-pelancong yang datang ke atas Bukit Melawati yang berkenaan. Jadi saya berharap benar-benarlah kita lihat semula kenapa Muzium Budaya ini tidak menjadi, Pejabat Pentadbiran Muzium Daerah Kuala Selangor pun tidak menjadi, kemudian bagi Muzium Permainan Tradisional nampaknya pun tidak juga. Jadi perkara ini perlu dilihat balik bagi membolehkan perkara ini dapat dilaksanakan dan dapat memberi kepuasan kepada mereka yang datang ke atas Bukit Melawati, melihat banyak perkara yang boleh dibawa sebagai kenangan apabila turun daripada bukit yang berkenaan. Itu perkaralah yang berkaitan dengan PADAT. Kedua, kepada Pengarah Lembaga Urus Air Selangor. Soalan saya dah kena tolak dah ya, soalan mulut. Jadi saya timbulkanlah soalan berkaitan dengan aktiviti mengambil pasir sungai yang berlaku di Sungai Selangor daripada kawasan Batang Berjuntai turun ke Batu 8 Kampung Asahan. Saya ingin mendapat jaminanlah daripada Lembaga Urus Air Selangor, bila saya tanya dengan Jabatan Pengairan dan Saliran mereka juga agak macam gosan ke belakanglah, macam seolah-olah tak adalah kuasa, adalah kuasa tetapi tidaklah terlalu besar kuasanya supaya dapat kerja-kerja aktiviti mengeluarkan pasir ini supaya dapat dilihat benar-benar menjamin dari segi keselamatan kerana Batu 8 Kampung Asahan telah berlaku sekali satu peristiwa yang mana kerja mengambil pasir ini,mengambil pasir ini letak di atas bumi yang ada maka dia terlalu berat maka dia tolak ban masuk ke dalam parit. Masa ketika itu air dahlah air pasang besar, saya bimbanglah perkara ini kalau sekiranya kecuaian yang berlaku kepada pihak pengusaha saya bimbang dia pecahkan ban ini masuk ke dalam kampung, Kampung Batu 8, Kampung Asahan memang kawasan banjir tiap-tiap tahun ya, kena faham tu. Kalau-lah berlaku benda ini saya tak tahu nak jawab macam mana. Jadi saya mintaklah pihak Lembaga Urus Air Selangor memerhatikan supaya dapat diberikan jaminan kepada penduduk-penduduk kawasan sekeliling supaya aktiviti mengeluarkan pasir itu tidak membahayakan penduduk-penduduk yang ada di kawasan berkenaan. Jadi itulah, PADAT dan juga LUAS yang dapat saya nyatakan pada hari ini supaya diberi perhatianlah membolehkan, adalah sedikit jawapan yang boleh saya dengar yang boleh saya nyatakan tadi. Pertama, kepada PADAT supaya dapat bila saya berada di atas bukit itu maknanya adalah produk-produk baru pelancongan yang dapat disediakan oleh pihak PADAT. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Meru.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan sedikit sahaja tentang VOT 502 di muka surat 52 juga. Satu perkara saja yang saya nak sentuh sebab dah ramai yang sentuh lain iaitu tentang CCSB. Kalau tengok ini daripada RM11 juta diturunkan kepada RM7 juta sahaja. Pada saya minta maaf sebab apa ini berlaku saya nak sebut bahawa dalam apa nama tu, kita

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

tengok dalam sejarah dalam bible pun ada, dalam Quran pun disebut, tujuan saya sebagai contohlah Nabi Musa A.S. Siapa tak kenal Nabi Musa ketika masa dia tu. Cukup baik, memang terkenal dia punya akhlak bagus tetapi apa yang dibuat oleh firaun dia pergi lorong ke lorong dan ketika itu tidak ada *cyber troopers*, ketika itu tidak ada akhbar, tidak ada apa, dia cuma bawa dia punya *pamphlet*, sampai sekarang ada *pamphlet* tu ada di Mesir. Dia bawa *pamphlet* tu sebelum dia baca *pamphlet* tu, dia bawa panggil orang kampung semua ramai-ramai dan dia bagi, dia kata dengar dulu aku nak bagi, tak taulah masa tu, bukan BRIM lah, saya ada benda nak bagi, tetapi kena dengar dulu apa yang dia nak bagi tu. Dia baca, saya baca riwayat ini tuan-tuan dan puan-puan, baca ni apa yang disebut, dia kata kutuk Nabi Musa dan dia kata *next week*, minggu depan kita akan apa ni, kita akan kumpul beramai-ramai nak bunuh Nabi Musa. Tapi nak cerita bahawa bila kita, saya baca cerita, kisah ini, saya ingatkan ala berapa orang sangatlah yang percaya apa yang dibawa oleh firaun dengan *pamphlet* nya masa itu. Rupa-rupanya 70,000 orang, dalam bible ada dalam Quran pun ada, 70,000 orang dia nak pergi bunuh Nabi Musa by *next week*. Itu sebab dalam Al-Quran Allah kata Fastaqomahu Fa'ato Uhu (bahasa arab). Ha, ni. Firaun ini dia gunakan media, dia gunakan media untuk (bahasa arab) hafa khafifni , bahasa khafif tu ringanlah, meringankan, membodohkan apa nama orang dengan media ini dan mereka percaya kepada dia. Jadi, saya minta maaf banyak-banyak, Selangor Kini walau macam-macamlah keluaran dalam bahasa inggeris, bahasa Cina, saya sendiri memang cepat habis dekat PKM saya, letak bawah tu, saya sendiri juga bawa hantar ke apa ni, pergi warung-warung nak *ngombe-ngombe* (*basa jawa*) ya, orang cina ambik, orang ni ambik tetapi saya tengok ini dah kurang saya tak berapa nak, kalau bolehlah, kalau boleh disebab kita nak cerita apa yang berlaku. Satu lagi satu saya nak tanya kenapa, tak tahu mungkin ada tetapi saya pun tanya tadi sebelah-sebelah saya ADUN tanya ada tak satu website yang saya kata, contohlah saya buat program saya di Meru dengan orang India, dengan orang Cina, dengan orang UMNO ke, kita bawa semualah, boleh taka saya hantar gambar-gambar tu kepada, kalau ada minta maaflah kalau saya, dulu saya ingat ada tetapi tiba-tiba senyap aje. Kalau bolehlah diadakan balik sebab apa ini sebenarnya yang bagi tahu kepada sebab *the facing lot of cyber troopers*, we are *facing a lot of akhabar-akhbar*, ni apa nama, Perdana yang mengutuk kita dan sebagainya ya, faktor jahat. Jadi kita kaunter balik, kaunter balik kalau kita tak pakai ini maka, kita takut orang tak tahu apa aktiviti yang kita buat. Dan saya setujulah dengan Permatang. Maknanya kalau boleh keluarkan juga apa nama, satu page pun cukup, apa dia orang nak cakap, kita boleh kaunter balik tak pe, kita bagi-bagi ruanglah. Jadi, Waulohualam, itu saya, saya pening, Waulohualam.

TUAN PENGURUSI: Selat Kelang.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINI ALI: Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk kepada Vot B.02 muka surat 52 butiran 50500 kod objek 42000 pemberian dalam Negeri. Pertamanya mengenai Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor di mana kita sudah mencapai 100 buah termasuk di desa, peringkat daerah, pekan dan sebagainya. Oleh sebab kita susah mencapai pelbagai sukseslah kejayaan di dalam Negeri Selangor sejak 2008, saya ,mengesyorkan kerajaan menggunakan premis tersebut sebagai tempat yang akan mengumpulkan semua bahan-bahan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri dan juga peluang-peluang semuanya sepatutnya ada di situ dan kita pun sudah pun menjenamakan semula perpustakaan itu sebagai bukan tempat sahaja untuk meminjam dan memulangkan buku, atau membaca buku tetapi tempat untuk mendapatkan sumber maklumat yang tepat. Yang keduanya tentang Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT). Biasanya kita menyoroti sejarah. Biasanya kita mengkaji apa yang telah berlaku. Itu dipanggil sejarah. Apa kata Selangor sebagai satu Negeri yang maju kita mempunyai teknologi (nama pun SMART Selangor) kita berfikiran *out of the box* (dengan izin) *fast forward*. Ada tak kerajaan buat bengkel, buat *brainstorming* mereka ciptakan sejarah. Selangor yang *Insyallah* 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun, 50 tahun akan datang mereka akan melihatkan Selangor yang dikatakan sejarah itu. Jadi apa kata kita menciptakan sejarah. Kita merancangkan sejarah Selangor itu. Budaya yang ada di Selangor yang majmuk, yang ada pelbagai infrastruktur yang terbaik, yang segala ada (*airport*, pelabuhan dan sebagainya). Kita merancang sejarah yang mahu dikaji oleh generasi akan datang. Saya rasa itu sepatutnya dibuat oleh Selangor lain daripada yang lain. Unik. *Fast forward futuristic.*

TUAN PENGERSI: Terakhir ya. Tanjong Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Pengerusi atas memberi peluang saya untuk sedikit memberi perbahasan mengenai muka surat 52, Vot B02 berkaitan dengan perkara CCSB. Kita sedia maklum bahawa CCSB adalah merupakan satu syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu kerajaan dalam mempromosikan sama ada aktiviti yang dilakukan oleh kerajaan ataupun program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang tempoh pemerintahan. Saya melihat Bajet 2017 berbanding dengan 2018 yang baru diperuntukkan ianya mengalami penyusutan ataupun kekurangan sebanyak 33.18%. jadi, soalan saya mengapakah apakah sebab pengurangan terhadap bajet yang diperuntukkan berbanding dalam tempoh 2017 yang lalu (itu yang pertama). Yang keduanya, saya difahamkan kita maklum bahawa CCSB juga merupakan agen yang telah mempromosikan program-program yang lebih daripada 32 program kerajaan Selangor dan sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini juga dipromosikan melalui Selangor Kini yang saban minggu diedarkan di pelosok tanah air di Selangor ini walaupun saya tak selalu keluarlah dalam Selangor Kini tuan-tuan (Yang

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Berhormat sekalian). Saya menghargai usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan juga usaha yang bersungguh-sungguh yang telah pun dilaksanakan oleh kakitangan CCSB ini. Saya juga mendapat maklumat sebahagian daripada kakitangan CCSB ini dibayar gaji bulanan mereka mungkin tidak setimpal dengan apa yang mereka lakukan dalam membantu mempromosikan usaha-usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Maka saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya Kerajaan Negeri melalui CCSB ini dapat mempertimbangkan *review* ataupun kaji semula emolumen terhadap kakitangan CCSB supaya ianya dapat menunjukkan satu insentif daripada Kerajaan Negeri melalui CCSB supaya mereka ini lebih bergerak ataupun lebih bekerja dengan sepenuh komitmen dan seterusnya kita *Insyallah* mudah-mudahan kita dapat manfaat daripada apa telah diusahakan itu. Terima kasih Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk berikan penjelasan. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada banyak. Yang Berhormat yang membawa beberapa perkara khasnya berkaitan dengan Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan juga sedikit tentang Lembaga Urus Air Selangor daripada Sekinchan, saya ingin maklum kepada Sekinchan bahawa untuk tahun 2018 kita akan cuba cari tempat yang lebih baik semasa Matta Fair. Kita ada hadiri dua Matta Fair iaitu pada bulan Mac dan juga bulan September. Jadi mungkin YB Sekinchan mengadu adalah semasa Tourism Selangor mengambil kios bersama dengan Negeri-Negeri lain di tengah-tengah dewan, bukan terperinci terlalu jauh ataupun terpencil tetapi di tengah-tengah bersama dengan Negeri-Negeri lain (*tourism board* yang lainlah). Jadi tahun depan kita akan menyarankan supaya Tourism Selangor boleh dapat satu kios di tempat yang lebih sesuai. Kita haraplah. Kadangkala *booking* dan sebagainya pun ada merupakan satu isu. Perkara kedua yang dibawa oleh Bukit Gasing berkenaan Lembaga Urus Air Selangor. Untuk makluman Bukit Gasing, pembersihan Sungai Klang bukan di bawah Lembaga Urus Air Selangor tetapi di bawah SSDU (Smart Selangor Delivery Unit). Dan mereka telah buat (saya rasalah) satu kerja yang sangat-sangat baik selama satu setengah tahun ini. Dan kita boleh lihat sebenarnya kalau sekarang kita pergi ke hilir Sungai Klang, kita boleh lihat betapa bersih Sungai Klang sekarang sehingga ada buaya tembaga. Bukan seekor, bukan dua ekor tapi tiga ekor pernah dilihat di sana pada masa yang sama juga ada *octopus* dan *you know* ada pelbagai haiwan liar sekarang boleh dilihat di sana. Namun begitu, cadangan yang di bawa oleh Bukit Gasing (satu) berkenaan macam mana nak mengumpulkan air-air banjir dan juga untuk membersihkan lagi mungkin satu sungai. Ini kita akan bincang di peringkat LUAS dan kita rasa ini adalah satu cadangan yang bagus. Cuma bila kita nak bincang tentang isu banjir dan sebagainya, kita perlu juga mengambil maklum bahawa Jabatan Pengairan dan juga Saliran (JPS) memain

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

peranan yang sangat-sangat penting dan besar di Negeri Selangor. Maka kita akan juga memohon nasihat dan juga kerjasama daripada jabatan tersebut. Dusun Tua telah bangkit tentang kemerosotan infrastruktur di Congkak Parks and Resort yang dikendalikan oleh Tourism Selangor Sdn. Bhd. Tanah milik sebenarnya di bawah Kerajaan Negeri bukan Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan kita mengambil maklum bahawa ada aduan yang besar yang ada yang kita tidak memang kita tidak boleh menafikan dan kita tidak *tolerate* juga. Jadi kita telah memberi arahan kepada Tourism Selangor untuk (satu) merobohkan bangunan-bangunan chalet yang memang terlalu teruk yang terlalu rosak dan sebagainya supaya orang tidak perlu (tidak dibenarkan) untuk sewa. Keduanya, untuk melihat semula pembangunan di sana. Di mana kita cuba ada pendekatan yang lebih berunsur kepada pelancongan alam semula jadi seperti memperluaskan lagi tapak perkhemahan dan sebagainya kerana kalau kita nak letak sebagai contohnya satu bangunan, simen dan sebagainya ataupun kita guna bahan-bahan yang tidak sesuai di hutan tropika, maka ianya senang di rosak di sana. Batang Kali sebenarnya telah membangkitkan bukan di bawah B02 tetapi ini adalah satu perkara di bawah pembangunan. Namun begitu untuk makluman Batang Kali, Majlis Daerah Hulu Selangor telah menghantar permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat dana menaik taraf *facility* ataupun infrastruktur yang berkaitan dengan *para Iglding* di Hulu Selangor dan pada masa ini kita telah memberi kelulusan awal cuma kita belum menerima dokumen-dokumen seperti BQ dan sebagainya. Jadi kita masih menunggu. Kita juga ada memohon kepada pihak Kementerian Pelancongan di peringkat pusat kerana Menteri Pelancongan juga ada melawat pada ketika itu juga. Cuma pada ketika ini, kita tidak ada jawapan yang positiflah iaitu dana daripada persekutuan. Kita masih menunggu. Hulu Kelang telah menyoalkan mengapa LUAS telah pindah kempen untuk mengutip bekas minyak masak kepada PBT. Jawapannya sangat senang kerana PBT dapat ada akses dan juga kapasiti untuk mengutip lebih banyak minyak masak. Jadi kita boleh melihat peningkatan khasnya tahun lepas dan juga tahun ini semakin lama kita dapat memperluaskan lagi kempen ini melalui PBT-PBT dan ini adalah satu kempen yang sangat-sangat digemari oleh penduduk-penduduk. Pada masa yang sama LUAS tidak mengingkari tanggungjawabnya. Maka pendidikan awam seperti Program Emas masih dijalankan dan kita nak fokus kepada pendidikan awam budak-budak sekolah, anak-anak muda di mana kita boleh memperkenalkan keistimewaan alam sekitar dan juga kawasan pengairan di Negeri Selangor. Akhirnya, Bukit Melawati juga telah membangkit tentang LUAS. Isu pengeluaran pasir. Untuk makluman YB Bukit Melawati, ini tunggu ya. Lembaga Urus Air ataupun LUAS telah mengambil tindakan yang tegas atas pengusaha pasir tersebut dan saya nak baca ini. Kita telah (Lembaga Urus Air Selangor) telah membuat pemantauan pada bulan Julai 2017 untuk meninjau keadaan di sana dan mengarahkan pihak pengusaha untuk membaik pulih kepada keadaan yang asal iaitu kontraktor yang dilantik oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB). Kemudian, pemantauan tapak juga

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

dijalankan pada 12 Oktober 2017 di mana kedua-dua lokasi yang berkaitan (Plot A, Plot B) juga disemak supaya ianya kita pastikan ianya mematuhi syarat-syarat kebenaran bertulis dan juga lesen kemasukan dan pelepasan bahan pencemar yang dikeluarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua persoalan daripada Bukit Melawati dan juga Selat Kelang. Saya ucapkan terima kasih di atas perkara yang dibangkitkan oleh Bukit Melawati walaupun perkara yang dibangkitkan ini adalah berkaitan dengan pengurusan, tetapi ia melibatkan juga peruntukan-peruntukan pembangunan terutamanya yang berkaitan dengan Muzium Permainan yang dahulunya terbakar dah dibaikpulih tetapi masih lagi tidak ada pengisian dan juga kuarters-kuarters JPS, JKR yang pernah dirancang untuk dijadikan sebagai Pejabat Muzium Daerah Kuala Selangor dan juga melibatkan pengisian-pengisian dan peruntukan pembangunan itu sendiri. Saya menerima cadangan-cadangan tersebut walaupun di peringkat Perbadanan Adat Melayu dan Warisan kita sudah membincangkan bentuk pengisian-pengisian yang harus kita masukkan dalam pengisian dalam Muzium Permainan tersebut tetapi dia memerlukan peruntukan yang juga lebih besar. Soalnya bila berkaitan dengan bangunan-bangunan lama, pemuliharaan dan pemeliharaan ini memerlukan kos yang sangat besar yang melibatkan bajet pembangunan. Pun begitu, *insyallah* saya kira dari segi pengisian Muzium Permainan itu akan kita perhebatkan lagi dengan bajet-bajet yang kita ada. Kalau Bukit Melawati melihat pun bajet pembangunan kita bajet yang tidaklah begitu besar tetapi saya kira beberapa usaha boleh untuk kita fikirkan. Berkaitan dengan cadangan dan pandangan daripada Selat Kelang. Berkaitan bengkel dan *brainstorming* tentang budaya penceritaan, persejarahan Selangor daripada dulu dan masa kini yang boleh dilihat oleh generasi masa akan datang. Perkara ini juga pernah dibengkelkan dan dibincangkan. Alhamdulillah kita baru saja selesai naik taraf Muzium Negeri yang saya kira selepas ini beberapa juga *brainstorming* telah diadakan untuk melihat soal pameran penceritaan bahan-bahan sejarah Negeri Selangor daripada zaman kesultanan dan juga perkara-perkara yang boleh menjadi rujukan kepada generasi kita masa akan datang termasuklah isu-isu ataupun perkara-perkara yang berlaku pada hari ini yang boleh dijadikan bahan sejarah untuk ditatap oleh generasi kita di masa akan datang. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Permatang, Bukit Gasing, Batang Kali (kalau tak

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

silap) bangkitkan tentang Majlis Sukan Negeri Selangor dan saya ingin memberikan kesimpulan ataupun jawapan terhadap persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Majlis Sukan Negeri Selangor tertubuh di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 ataupun Akta 29 dan ia tertubuh dengan penggabungan daripada persatuan-persatuan sukan Negeri yang berdaftar ya. Jadi mana-mana pertubuhan sukan Negeri atau persatuan sukan Negeri yang berdaftar layak menjadi ahli gabungan Majlis Sukan Negeri. Justeru sukan-sukan yang disebutkan oleh YB Bukit Gasing itu boleh mendaftarkannya sebagai sukan Negeri dan boleh menjadi badan gabungan antara yang baru untuk masuk menjadi badan gabungan kita ialah Sukan Luncur Ais, Selangor walaupun ia kelihatan baru tetapi Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada atlet-atlet luncur ais dan mereka baru menubuhkan dan dalam proses untuk menjadi Badan Gabungan kepada Ahli-ahli Majlis Sukan Negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian setiap badan-badan sukan ini mempunyai dana peruntukan yang agak konsisten saban tahun. Tiap-tiap tahun kita peruntukan RM40 ribu untuk program-program pembangunan mereka. Sama ada mereka anjurkan sendiri atau kerjasama agak seimbangan dengan semua Majlis-majlis Sukan atau Persatuan-persatuan Sukan di Negeri Selangor. Namun begitu tugas hakiki Majlis Sukan Negeri adalah untuk memastikan kita menyediakan atlet-atlet bersaing di peringkat kompetitif ataupun yang dipanggil sukan berprestasi tinggi. Jadi itulah yang diberikan penumpuan oleh Majlis Sukan Negeri. Justeru beberapa sukan-sukan baru termasuk yang dibangkitkan oleh Sukan Bukit Gasing boleh diperkirakan atau dipertimbangkan sekiranya ada pertandingan-pertandingan yang dianjurkan yang diiktiraf oleh Majlis Olimpik Malaysia atau Majlis Sukan Negara Malaysia. Ahli Yang Berhormat sekalian, tadi dibangkitkan pulan tentang apakah perincian daripada RM5.6 juta yang diperuntukkan untuk dana pengurusan Majlis Sukan Negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk emolument RM4.2 juta untuk perkhidmatan dan bekalan RM999 ribu untuk perolehan aset RM37 ribu untuk pembelian dan kenderaan tetap RM136 untuk perbelanjaan adalah sebanyak RM205 ribu. Ahli Yang Berhormat sekalian ,Majlis Sukan Negeri telah berkembang daripada 40 pegawai pada tahun 2008 sekarang sudah menjadi 78 pegawai. Mengapa perkembangan ini berlaku ada 2 faktor. Faktor pertama adalah disebabkan oleh pertambahan tugas mereka untuk menguruskan gerakan-gerakan program generasi muda dan golongan belia. Namun begitu mereka mewakili 16 orang pegawai sahaja daripada keseluruhan 78 pegawai-pegawai yang terlibat. Komposisi yang terbesar pada daripada staff atau pegawai MSN adalah 34 orang di bahagian sukan dan 28 orang di bahagian pengurusan. Di mana bahagian sukan masih diberikan penumpuan termasuk mengaktifkan majlis-majlis sukan daerah yang kita mula aktifkan. Bermula tahun 2015 dan 2016. Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu bila dibangkitkan tentang program pembangunan sukan kita telah menyemarakkan dan merakyatkan ataupun lebih *deep* di bawah dengan izin lebih terperinci di peringkat akar umbi dengan mewujudkan pegawai-pegawai di

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

peringkat daerah. Mengaktifkan fungsi-fungsi majlis sukan daerah yang dahulu hanya berfungsi di peringkat mesyuarat ataupun *ceremonial* dengan izin. Ahli Yang Berhormat sekalian. Tadi juga dibangkitkan Batang Kali berkenaan Akademi Merah Kuning, saya rasa tajuk ini dekat dengan tajuk pembangunan namun begitu suka saya sebutkan di sini Akademi merah Kuning mendapat *fund* pertama daripada pengumuman tahun 2016 dan kita mendapat peruntukan 2 juta kali pertama sahaja Kerajaan Negeri sumbangkan. Dan seterusnya Majlis Akademi Merah Kuning akan bergantung dengan tabung pembangunan bola sepak Negeri yang ditubuhkan di bawah Perbendaharaan Negeri untuk aktiviti-aktiviti dan juga untuk program-program pembangunan akademi bola sepak. Benar sebagaimana yang disebut Batang Kali kita ada 900 ratus pemain-pemain baru yang dilatih di bawah dan mereka akan dilatih dan dididik untuk menganggotai pasukan-pasukan yang bertanding hatta untuk di peringkat antarabangsa, sebab daripada pengalaman kita bila kita melawat beberapa Akademi luar termasuk IM Amsterdam yang sangat terkenal dan *establish.*, Mereka bukan sahaja membekal *player* untuk IM Amsterdam tetapi mereka juga membekal *player* ataupun pemain yang berkualiti di peringkat-peringkat yang lain dan cita-cita kita ingin melihat Akademi ini bergerak secara *independent* di masa depan. *Independent* apabila sampainya mereka tidak lagi mendapat dana berterusan daripada pihak Kerajaan Negeri sebaliknya pembelian dan pertukaran pemain daripada kontrak-kontrak, pelatih-pelatih yang kita latih ini boleh membiayai sebagaimana kita lihat pembiayaan IM Amsterdam daripada 7 juta euro 1 tahun yang mereka peruntukan untuk membiayai peruntukan IM Amsterdam mereka memperoleh pendapatan balik sekitar 21 juta euro tiga kali ganda dari nilai yang perolehi untuk sampai ke tahap itu kita mengambil masa yang lama ini bukan mimpi satu hari boleh selesaikan dan perlu sokongan dan dokongan semua pihak. Keduanya berkenaan dengan mana satu pasukan yang kita pilih jadi pasukan pihak Kerajaan Negeri agak bersikap adil bila kita sampai masak yang tertentu kita lihat kedua-dua pasukan ini PKNS dan juga FAS sudah mendapat kelab *licensing* mereka pada tahun lepas. Bila mereka sudah dapat kelab *licensing* mereka boleh berurus secara korporat menguruskannya pentadbiran sendiri dan inilah cita-cita untuk melihat mereka tidak selamanya bergantung dengan kerajaan namun saya rasa kali ini kita *discuss* ataupun kita boleh bincang dalam bahagian pembangunan nanti. Jadi tujuan Kerajaan Negeri ataupun fokus Kerajaan Negeri sekarang membina daripada peringkat bawah daripada peringkat *grassroots* sampailah peringkat pembangunan belia, piala presiden atau piala belia yang kita akan masukan pasukan-pasukan ini kerana saya berpandangan setelah 2 tahun kita terlibat aktif berhabis berpuluhan juta kepada pasukan-pasukan yang terbabit akhirnya kita tidak membina daripada *grassroots* jadi kita mula daripada bawah dan program ini juga bukan asing kerana di peringkat persekutuan juga Majlis Sukan Negara menubuhkan NHPD sebagai contoh melahirkan *grassroots* untuk meneruskan program pembangunan yang lebih kompeten yang berdaya saing dan sebagainya. Yang

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

terakhirnya tadi apabila pihak Permatang menyebutkan sudah sampai masanya Majlis Sukan Negeri untuk berdiri sendiri pada ketika ini saya boleh katakan tak mampu. Malahan sebelum ini pun, sebelum-sebelum ini pada zaman Barisan Nasional sebelum ini pun sentiasa Majlis Sukan Negeri ini *fully funded* dengan izin dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Namun begitu daripada rekod itu agak menakutkan. Kita buka saja ada aset pada ketika Majlis Sukan Negeri terpaksa menanggung hutang-hutang lapuk ada RM20 juta lebih hutang lauk yang ditanggung daripada nilai RM40 juta lebih. Hasil daripada pembangunan kepada aset-aset MSN yang dibuat dulu sepatutnya pembangunan yang dibuat datangkan hasil tetapi akhirnya kita terpaksa tanggung hutang ini satu *burden* yang sangat besar yang terpaksa ditanggung oleh Majlis Sukan Negeri. Malahan kita dapat juga satu info yang datanya hilang. Tanah yang sepatutnya diberi kepada Majlis Sukan Negeri untuk bayar hutang dibangunkan kawasan perumahan tetapi hutang tidak dibayar. Ini merupakan satu perkara yang saya rasa sangat bertentang daripada nilai yang sebenarnya jadi mulai pada tahun 2009 dan 2010 pihak Kerajaan Negeri mengambil keputusan biarlah Majlis Sukan Negeri menumpu program pembangunan sukan dan sebagainya. Pengurusan Aset, pengurusan harta, ditarik balik dan diserahkan kepada MBI ataupun Darul Ehsan Facilities ataupun dulu namanya Majlis Sukan Negeri Selangor Holding untuk menguruskan aset secara profesional jadi orang urus aset, takut dia nak urus setokin nak urus aset tersalah pilih, itu yang hilang fail tentang tanah dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat sekalian.

TUAN PENGERUSI: Taman Templer

Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB : Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Sekinchan yang telah menzahirkan keprihatinan beliau berkaitan dengan nelayan. Kerajaan Negeri memang prihatin dengan nelayan. Berkaitan dengan jeti ini Kerajaan Negeri telah membuat bincian sebanyak 967 buah jeti dan dalam proses untuk menilai jeti-jeti yang sesuai untuk diberikan TOL. Sebagaimana adi Sekinchan disebutkan sebentar tadi oleh Sekinchan bahawa terdapat 86 LMS ataupun TOL telah diluluskan oleh MMKN. Manakala 6 lagi adalah permohonan yang tidak masuk dalam senarai yang diangkat ke MMKN. Maka jawatankuasa pengurusan jeti akan melihat balik 6 permohonan ini. Berkaitan dengan kajian pendaratan ikan yang disebutkan oleh Sekinchan, memang syarikat perunding telah pun dilantik NTC Floating Sulotion Sdn. Bhd. Pada 15 Mei 2017, dan diberi tempoh kajian 6 bulan dan sebenarnya sekarang telah sampai ke Hari ini 9 November 2017, perunding akan ataupun sedang membentangkan draf akhir kajian pihak LUAS dan agensi-agensi kerajaan untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Assalammualaikum dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya pertama sekali ingin menjawab apa

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

yang telah dibangkitkan oleh Permatang. Untuk makluman peruntukan sebanyak lebih RM20 juta kepada PIYS ini merupakan untuk bayaran hutang *bat* oleh UNISEL dan ini telah ditetapkan sejak 2012 di mana kita peruntukan wang yang jumlah wang yang sama sehingga tahun 2022 apabila kita habis hutang bat yang diambil oleh UNISEL. Untuk makluman juga sebenarnya kedudukan UNISEL yang kita tahu pada titik yang paling rendah ia telah mempunyai sekitar 7000 orang dan untuk dia *break event* UNISEL memerlukan pelajar 12,700 dari segi kos. Buat masa ini ia telah mencecah 10 bermakna ada peningkatan sejak naik canselor dan presiden yang baru Profesor Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman mengambil alih. Di mana kita mencapai 10 ribu pelajar dan kita menuju ke arah 12,700 yang sangat penting agar kita dapat *sustain* perjalanan UNISEL itu dengan izin. Selain daripada itu juga kita juga telah di UNISEL menjalankan rasional fakulti di mana banyak fakulti-fakulti digabungkan dan pemindahan banyak fakulti-fakulti ke kampus di Bestari Jaya kalau sebelum ini kita lebih ramai pelajar di kampus Shah Alam meskipun kapasiti kita kampus Shah Alam ini kecil dari segi saiz kawasan tetapi kita memindahkan operasi termasuk pentadbiran akan lebih banyak beroperasi di kampus Bestari Jaya dan dengan ini DUN Permatang sendiri dan Bestari Jaya akan mendapat manfaat daripada pemindahan itu dan kita juga dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri Kampus di Shah Alam di Bestari Jaya telah di naik taraf dan memberi imej yang lebih positif kepada pelajar-pelajar di sana . Sebab itu juga pada masa yang sama kita tengok prestasi kewangan UNISEL ataupun PIYB ini ia kali terakhir untung sekitar tahun 2008 tetapi kita telah berjaya mengurangkan kerugiannya yang dialami berterusan dan kita melihat trend kewangan pada kedudukan yang positif dan sekiranya ada kita sebenarnya di UNISEL ini kita terbuka kita bukan soal parti dan sebagainya pelaksanaan UNISEL ialah untuk melaksanakan dan dasar-dasar mendidik rakyat itu sendiri dan kita pernah Yang Berhormat Sungai Panjang sendiri pernah masuk, Yang Berhormat Tanjung Karang pun pernah masuk, jadi bukan hanya terhad mana-mana parti. Jika ada masalah boleh berhubung terus dengan saya. Seterusnya Yang Berhormat Hulu Kelang bertanya tentang PPAS.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan sikit. Komen saya tadi bukan komen saranan saya, mengenai kedudukan Timbalan Naib Canselor saya fikir dia kena buat pilihanlah sebab bila ada imej-imej parti, kalau dia nak terus nak jadi Naib Presiden dia patutlah lepas jawatan Timbalan Naib Canselor tak pun kalau nak kekal Timbalan Naib Canselor bolehlah dia melepaskan jawatan Naib Presiden sebab itu akan memberi satu imej yang gambaran kurang ialah akan nampak ada politik dalam kampus. Itu ikhlas daripada saya.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih, seperti apa yang saya kata, kalau kita tidak ada halangan makna pimpinan daripada mana-mana parti pun dia masuk ke dalam UNISEL itu sebagai isu sebab masalah ia Timbalan Naib Canselor itu sebenarnya tokoh akademik jadi beliau ada latar belakang akademik ada

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

kewibawaan akademik dan bukan hanya makna bukan masuk itu di atas tiket politik tapi atas kebolehan akademik beliau. Seterusnya Yang Berhormat Hulu Kelang bertanya tentang Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan tentang apakah model yang kita sedang garapkan untuk PPAS?, untuk makluman, bagi PPAS kita hendak menjalankan operasi perpustakaan yang moden, yang seiring dengan keperluan khususnya generasi yang ada pada hari ini bukan hanya di perpustakaan utama kita, Perpustakaan Raja Tun Uda di Shah Alam yang memang saya ingat diakui oleh semua pihak sebagai antara yang terbaik di Malaysia tetapi kita juga mahu perpustakaan kita di seluruh daerah, di desa dan sebagainya berada dalam keadaan yang terbaik. Jadi, dan untuk makluman ya, saya bersama dengan rombongan perpustakaan ke IFLA dan WLIC. Ini merupakan persidangan utama perpustakaan-perpustakaan seluruh dunia yang diadakan setiap tahun dan tahun ini diadakan di Poland. Dan buat pertama kali dalam sejarah perpustakaan di Malaysia, sebuah perpustakaan Malaysia mendapat tempat pertama ketika persidangan ini. Dan kita, ini adalah *presentation* tentang kemudahan yang disediakan di PPAS ya. Jadi ini menunjukkan kualiti yang ada di sana. Dan PPAS juga adakan kerjasama, maknanya kita tahu peruntukan yang diberikan oleh kerajaan adalah pada tahap yang tertentu tetapi ia juga bekerjasama ada dengan PBT seperti mana yang dilaksanakan di Kampung Lindungan sedang dilaksanakan pada hari ini. Ada beberapa juga di kawasan sekitar Bukit Gasing dan Taman Medan ya, yang melibatkan pihak swasta di mana PPAS akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk mengadakan *Smart Partnership* bagi membina perpustakaan di kawasan-kawasan tersebut. Dan tentang perpustakaan desa yang ditanya secara spesifik. Ada pada tahun 2017 ya, kita ada naik taraf sebanyak 4 buah perpustakaan desa dan kita membina 1 perpustakaan desa yang baru. Dan pada 2018 untuk tahun depan, kita merancang untuk menaik taraf 2 perpustakaan desa dan membina 1 perpustakaan desa yang baru di Taman Seri Medan ya, bukan Taman Medan, Taman Seri Medan, Sijangkang, DUN Sijangkang. Dan tentang Selat Klang ada membangkitkan juga tentang perpustakaan. Bagaimana kita boleh gunakan 100 lebih. Kita ada perpustakaan pusat, kita ada perpustakaan daerah, perpustakaan desa dan sebagainya untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Dan saya ambil *point* itu dan saya yakin perpustakaan dapat bertindak di atas cadangan ini kerana selama ini di dalam Pesta Buku Antarabangsa yang dilaksanakan oleh pihak perpustakaan, mereka ada 1 penerangan yang cukup jelas tentang apa yang dilaksanakan di Negeri Selangor bermula daripada bayi baru lahir sehingga orang itu meninggal dunia. Dan mungkin kita dapat gunakan konsep yang sama di kemudahan-kemudahan perpustakaan di seluruh Negeri. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Sementa.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih pada Taman Medan dan juga Kuala Kubu Baharu yang mengetengahkan tentang perkara ataupun isu tentang YAWAS. Penggabungan RMSB dan YAWAS telah mula pada 16.10.2016 di mana semua kakitangan RMSB berpindah ke pejabat YAWAS. Penggabungan tidak terus selesai kerana ada 2 peringkat iaitu penyerapan kakitangan RMSB ke dalam YAWAS yang selesai pada 1.5.2017. Dan 1 peringkat lagi adalah pemindahan program RMSB ke dalam YAWAS. Berikutnya masalah ketiadaan Pengurus Besar YAWAS, maka proses belum dapat disempurnakan. Namun RMSB masih lagi menjalankan aktiviti seperti biasa di mana pembayaran program-program seperti SIKEMBAR dan TUNAS masih melalui RMSB. Maka vot masih lagi kekal sehingga penggabungan selesai sepenuhnya. Berkennaan dengan peruntukan RM800 ribu untuk RMSB ia adalah untuk membayar gaji, tuntutan perjalanan, promosi program dan juga IT serta server. Sementara Taman Medan pula memohon untuk menyelaraskan penyelarasian dilakukan kepada akaun SMUE di peringkat Pusat Khidmat Masyarakat, PKM yang mana berlaku lebih dari sebabkan pendahuluan yang didahulukan oleh Yang Berhormat Taman Medan. Pelarasan akaun SMUE PKM pada masa ini diuruskan oleh YAWAS di mana lawatan dan pelarasan akaun telah dibuat kepada semua PKM. Lebih berjumlah RM12,500.00 yang dibangkitkan adalah berkaitan akaun SMUE penggal pertama. Bayaran balik akan dibuat sebaik sahaja dokumen lengkap dikemukakan bagi mengesahkan jumlah berkenaan sebelum pemulangan semula dibuat. Ini disebabkan tuntutan dan dokumen yang dikemukakan tidak lengkap dan memberi masa kepada pihak Audit dalam mengesahkan tuntutan berkenaan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya rasa saya kena betulkan maklumat tersebut. Dokumen memang sudah ada. Penyata bank dan juga bayaran kepada penerima-penerima SMUE tersebut semua dah ada.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Taman Medan. InsyaAllah pihak RMSB akan menyemak dan kita minta mereka untuk datang dan berbincang dengan pihak Taman Medan. Berkennaan dengan Pengurus Besar YAWAS yang masih belum dilantik, pihak MBI masih dalam pencarian dan pemilihan yang mana ianya perlu di dilantik sebelum berakhirnya makna Kerajaan Negeri memberikan tempoh kepada pihak MBI untuk melantik sehingga berakhir Januari 2018. Berkennaan dengan Kuala Kubu Baharu yang bertanyakan tentang barisan pengurusan IWB. Barisan pentadbiran IWB ya, yang mana penasihat IWB adalah Yang Berhormat Puan Zuraidah Kamarudin dan beliau juga memangku Ketua Pegawai Eksekutif. Seterusnya Ketua Pegawai Operasi adalah Cik Karen Lai, Pegawai Eksekutif Dasar dan Program adalah Puan Rosni Tajari, Puan Atirah Hanim Razali dan Cik Farah Afzam Faridi. Sementara Ahli Lembaga Pengarah adalah saya sendiri dan juga pihak Taman Medan. Pegawai

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Kewangan Pentadbiran dan Sumber Manusia adalah Puan Zuraidah Zaimon. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Chempaka

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya mengucapkan terima kasih kepada Bukit Gasing yang telah membangkitkan 5 perkara. Yang pertama adalah tentang sama ada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor akan mengambil alih ataupun mengambil alih kesemua PPR ataupun PPR yang ada. Buat masa ini 4 PPR adalah di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Cuma 1 sahaja sekarang ini di bawah Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Perkara ini perlu diputuskan oleh Kerajaan Negerilah. Kita akan tengok sebab sekarang ini masalahnya adalah berlaku tarik tali dengan KPKT dalam PPR isu Lembah Subang. Walau bagaimanapun kita melihat bahawa PPR yang diuruskan oleh LPHS telah dapat diuruskan dengan baik. Mungkin oleh kerana pengalaman LPHS kita Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan sama ada untuk memberikan PPR Lembah Subang jika terus bersama kita untuk diuruskan oleh LPHS.

Perkara kedua, sama ada semua PPR telah penuh. Semua PPR tidak penuh, masih lagi terdapat kekosongan iaitu di PPR HICOM daripada 980 unit, 38 unit kosong. Di Kota Damansara daripada 1152 unit, 3 unit kosong. Di PPR Lembah Subang daripada 3004, 307 kosong. Dan di PPR Taman Tasik Teratai di Serendah ada 170 yang kosong, dan hanya 130 yang diduduki. Kenapa ianya kosong? Keseluruhannya adalah oleh kerana ianya dalam proses pembaikan. Jadi bermakna bahawa kalau selesai proses pembaikan, maka ianya boleh diisi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Apakah KPI untuk proses pembaikan ini? Berapa minggu yang kita bagi?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya akan bagi kemudianlah sebab yang ini sebelum ni kita ada 1 KPI yang kita tetapkan. Tapi kadangkala ianya berterusan dirosakkan apa ni, unit-unit tersebut. Tapi InsyaAllah saya akan bagi KPI ini selepas ini. Yang seterusnya adalah tentang *subletting*. *Subletting* ini kita tegas, kita tegas di mana kita *terminate* dan kita mengarahkan keluar siapa sahaja yang, yang menyewa, yang menyewa, yang menyewa di atas sewa. Sebelum ini ada 1 keputusan di mana mereka yang *sublet* ini, ok maknanya *tenant* yang asal tu dia *sublet* kepada orang lain. Dan kita, keputusan dahulu kita biarkan mereka yang, yang menyewa itu untuk duduk terus. Tetapi kita lihat bahawa ini tidak adil kepada mereka yang menunggu untuk memasuki PPR. Jadi bermakna kedua-duanya kita mengarahkan keluar. Walaupun ia nampak kejam atau zalim tetapi kita terpaksa melakukannya

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

sebab tidak adil bagi mereka yang menunggu lama untuk masuk tapi tak dapat masuk oleh kerana rumah tu disewakan kepada orang lain. Silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Jadi apa status? Ada tak kita masih ada yang *sublet* ni yang masih

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bila kita ada

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Belum *terminate*

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bila kita ada laporan memang kita keluarkan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: So, dah bersih semua yang kita ketahuilah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kena satu demi satulah sebab ini banyak. Dalam kes, dalam kes

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Lebih kurang berapa? Lebih kurang.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya tidak ada *figure* tapi banyaklah, banyak. Yang di Kota Damansara yang *directly* di bawah Lembaga Perumahan Hartanah Selangor memang kita keluarkan. Saya rasa ada kompelin ataupun aduan daripada Yang Berhormat Kota Damansara. Apabila kita keluarkan mereka sebab berlaku *subletting*.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mohon mencelah. Adakah tindakan mendenda pihak yang apa tu, menyewakan kepada orang lain? Sebab saya dapati ramai juga sebenarnya mengaut keuntungan daripada penyewaan tersebut. Sebab mereka mengenakan sewa yang lebih tinggi daripada yang disewakan oleh pihak PBT.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Denda mungkin dari segi, dari segi denda tu kita belum lagi ataupun pihak kerajaan belum lagi mengambil tindakan untuk mendenda tetapi untuk *terminate* mereka itu adalah 1 hukuman yang beratlah. Bermakna buat masa ini kita belum lagi ada 1 prosedur untuk kita denda mereka tapi kita *terminate* mereka.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Bukan terhadap orang terhadap orang menyewa tersebut. Orang yang *sublet* tersebut. Maknanya, penyewa asal sebab dia sebenarnya mengenakan sewa yang lebih mahal kepada orang yang selepas dia tu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Yang itu kita kena kajilah dari segi undang-undang. Apa yang perlu kita lakukan tetapi yang, yang saya melihat bahawa kita perlu *terminate* kan kedua-duanya sekali. Itu yang penting sekali.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Denda tu 1 hal. tapi untuk *terminate* mereka yang *sublet* tu saya harap dia boleh dipercepatkan *terminate* sahaja semua yang *sublet* sebab *queue* yang menunggu untuk masuk kepada PPR Lembah Subang dan Kota Damansara ni cukup panjang. Dan kami di Petaling Jaya ni tak tahu macam mana nak jawab.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Dia dengar nama dia ni, dia terus masuk.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Nak minta sedikit penjelasan daripada YB EXCO boleh?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Boleh.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Maghrib

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok. Dia akan masih lagi berlaku. Saya tak tahu macam mana Kerajaan Negeri nak buat pemantauan melalui PHSB ni. Sebab apa yang saya dapat maklumat bahawa memanglah peraturan telah dibuat yang *sublet* ni, yang *sublet* tu di *terminate* dan yang menyewa ni sepatutnya diberi rumah itu untuk diteruskan sewanya. Tetapi apa yang berlaku di bawah sana tak macam tu. Yang penyewa ni, yang penyewa ni di, diberi notis untuk keluar. Jadi saya nak minta kalau boleh pihak kerajaan terutamanya EXCO yang bertanggungjawab kena memantau lah perkara ni. Turunlah, jumpalah, pergilah pejabat. Tengok pengurusan pejabat tu saya nampak ada sedikit *hanky-panky* berlaku. Ha, itu ajalah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya dah turun. Tapi bila saya turun Yang Berhormat tak ada. (Ketawa).

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tak pernah maklum bila turun kawasan saya. Tak pernah maklum dengan saya, jumpa Razlan sahaja. Kesayangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tak apalah bermakna bahawa kalau nak selesaikan, kalau ada maklumat berilah. Jangan bersekongkol dengan depa. Ok. Kenapa kita *terminate* mereka yang, yang menyewa atas sewa? Saya merasakan bahawa tidak adil. Mereka ni potong *queue*. Ramai orang tunggu di belakang. Jadi mereka *just* boleh masuk sahaja begitu sahaja tanpa perlu *queue*. Jadi itu sebab Kerajaan Negeri bertegas. Mereka yang sewa di atas sewa ini perlu kita *terminate* ataupun perlu kita keluarkan sebab ramai yang tunggu. Tidak adil bagi mereka yang tunggu. Betul?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Ok.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tak boleh Yang Berhormat EXCO. *You, you* kena faham, maaf ya? kena faham bahawa yang *sublet* ni ialah kena sepatutnya kena dikenakan denda kepada insan yang mendapatkan keuntungan atas angin ni, betul tapi yang menyewa ni, dia dah menyewa lama tapi kenapa yang menyewa lama yang menyewa pada yang A ni diberi notis untuk keluar *just because you* nak bagi orang lain sedangkan dia dah menyewa tempat tu lama.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sebab orang yang tunggu tu yang *waiting list* tu pun dah tunggu lama. Tak adil untuk kita, orang yang potong *queue*. Masuk terus yang menunggu lama tu kita kena fikir juga. Setiap satu yang masuk mungkin ada lima puluh atau berpuluhan-puluhan lagi yang tunggu di luar. Bermakna-mana yang kita, ikut peraturan kita kena adil kepada mereka yang tunggu. Boleh ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat, mungkin mereka yang menyewa *third parties* ni lah yang betul-betul susah mungkin tak payah halau tapi yang mereka yang cukup ok, cuka selesa yang ada kereta dua tiga biji semua tu *then* boleh halau *no problem* tapi mungkin yang betul-betul susah tu tak perlu halau sebagai Kerajaan yang baik tetapi masalahnya di *subletting agreement must be terminated*. Kalau kita nak bagi mereka yang betul-betul susah atau tidak *something for LPH to consider*, dan jika betul-betul memang permintaan terlalu banyak saya harap Kerajaan Negeri sekarang mempertimbangkan macam mana kita nak tambah bilangan PPR di Petaling Jaya untuk menampung keluarga yang cukup miskin yang cukup memerlukan sewaan PPR yang mereka mampu bayar sebab nak sewa *low cost flat* ini sangat mahal di Petaling Jaya. RM600.00, RM700.00, RM800.00 sebulan. Banyak keluarga tak mampu nak bayar sewa tersebut.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Itu, itu, boleh dipertimbangkan lah tapi saya lebih bersimpati kepada mereka yang menunggu lama, tapi bermakna kalau mungkin kalau ada kes seperti mana mereka yang miskin ataupun yang dalam keadaan yang daif, yang terpaksa masuk atau ditipu mungkin itu kita boleh pertimbangkan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ok Yang Berhormat.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ada lagi ke.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sekali lagi saya merayu kalau boleh Yang Berhormat turunlah tengok.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Saya dah turun. YB yang tak de.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Datang lagi sekali, mungkin you overlook benda yang *on surface* tetapi datang malam-malam tengok (ketawa) belum habis ayat. Belum habis ayat sebab kalau pergi siang tu you tak nampak keadaan sebenar bila you pergi malam, you apa yang saya nak you lihat bahawa kereta-kereta yang di *parking* di sekeliling empat blok itu, kereta besar-besar. So saya kata, mungkin ada *hanky pinkie* berlaku di sana. Bermaksud sebagaimana yang Bukit Gasing kata tadi kena buat pemantauan. Kalau mereka ini mampu menyewa di luar buatlah sesuatu. Ini yang susah, sangat susah tak dapat tetapi oii Menteri Besar tengok saya macam (ketawa) semalam kata saya kan. Hah ni, tu orang kata, dia pulang balik. So, jadi (ketawa) buatlah pemantauan (ketawa) seadilnya dan Kerajaan Negeri kata Kerajaan Negeri yang prihatin tetapi prihatinlah kepada rakyat yang betul-betul susah yang memerlukan bantuan bukan kepada rakyat yang mampu tetapi dapat tinggal di rumah tersebut.

Y.B. DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Yang Berhormat, saya nak beritahu kepada Kota Damansara dalam istilah English *hanky pinkie* ini ada perkataan lain tau. Apa erti *hanky pinkie* ini yang saya nak tahu ini. *Hanky Panky apa tu hanky Panky?*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ok tak pe-tak pe, ok kita balik kepada isu Yang Berhormat kita balik kepada isu pokok.

TUAN PENGERUSI : Chempaka, saya minta jawab dan habiskan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Cuma yang tadi lah bermakna Bukit Gasing, Bukit Gasing membangkitkan bahawa PPR tidak cukup. Kita kerap mendengar, saya terpaksalah sebut nama Menteri KPKT sekali lagi, menyatakan bahawa dia tak boleh nak bina, tak boleh nak bina PPR di Selangor. Kita tak ada masalah nak bina tapi tidak pernah ada permohonan untuk bina di Selangor tetapi

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

mereka kata menyalahkan kita, kita tak sediakan tanah. Hah, itu yang selalu diceritakan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih. Boleh tak Yang Berhormat, maklumkan kat saya tanah mana tapi saya tak nak pergi hulu-hulu tu saya tak nak di kawasan yang ada (ketawa) kehendak dan keperluan. Maknanya di bandar lah. So, jadi saya akan bawa perkara ini kepada Yang Berhormat Tan Sri Noh ya, betul YB. Menteri Besar?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Mohon, mohon. Tulis surat. Tulis surat kepada Kerajaan Negeri mohon tanah untuk buat PPR. Kita akan pertimbang. Ini tak mohon tapi tuduh kita tak bagi. Ok.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tapi tanpa bayar premium lah. Tak boleh lah bayar premium yang tinggi pulak. Kalau bayar premium yang tinggi maknanya *will go back to the square one* lah dengan izin betul tak Yang Amat Berhormat Menteri Besar?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Mohon dulu, mohon dulu. Seterusnya...Ada lagi.

Y.B. DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sabar-sabar sikit, tolong beritahu kepada Kota Damansara tu bahawa ada banyak tanah-tanah yang di pegang oleh Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan-kawasan terutama dia sebab Indah Water sudah keluar, tiga ekar, empat ekar, suruh dia serahkan tanah itu kepada kita untuk binakan rumah-rumah Selangorku lagi. (tepuk meja).

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ok. Seterusnya adalah pendakwaan di bawah Akta 663 yang dulu *the only* ataupun cara untuk kita mendakwa ataupun untuk mendapatkan semula kewangan itu adalah dengan membawa ke Mahkamah tetapi sekarang jadi apa yang berlaku dulu adalah bahawa Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor membantu JMB untuk membawa mereka yang ingkar membayar ke Mahkamah. Kalau tidak silap saya ada tujuh ratus kes yang telah diberikan notis. Tetapi sekarang di bawah Akta yang baru iaitu Akta 757 ada *option* di bawah Seksyen 34(2) iaitu sama ada nak bawa kepada Mahkamah ataupun nak bawa kepada Tribunal. Jadi nampaknya sekarang ini kebanyakan JMB lebih senang sebab tak pakai duit lah bawa kepada Tribunal. Itu sebab kurang kes di mana pihak Lembaga Perumahan membantu penduduk atau JMB membawa ke Mahkamah sebab JMB ada *choice* atau pilihan Mahkamah atau Tribunal di bawah 34(2). Lepas tu ada lagi satu lagi iaitu bawah Seksyen 35(1) dan Seksyen 35(3) di mana mereka JMB boleh merampas harta alih. Ini berlaku di MPKj di mana harta alih telah dirampas dan dilelong supaya JMB boleh mendapatkan semula akan hutang-hutang tersebut. Ialah saya nak dalam kesempatan ini saya nak ucap tahniah kepada MPKj lah yang telah melakukan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

rampasan ini dan mereka telah dipanggil ke *Convention JMB National* dijadikan sebagai contoh di mana kepakaran Negeri Selangor ini digunakan untuk seluruh negara. (tepuk meja). Tahniah kepada COB MPKj.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat duduk dulu, Yang Berhormat Chempaka minta duduk dulu, Dewan bersidang semula. Yang Berhormat sekalian oleh kerana kita punya urusan masih panjang dan Yang Berhormat masih mahu berbahas lagi, berbincang lagi Dewan perlu disambung. Saya mohon Yang Amat Berhormat membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTEI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Bahwasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER : Usul telah pun disokong. Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa semula.

TUAN PENGERUSI : Silakan Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat, saya sedar sekarang ada dua *option*, Tribunal pun boleh nak *charge* Mahkamah pun boleh dan untuk kondominium, pangsaipuri mahal tu mereka boleh selesaikan sendiri di Tribunal tapi masalah yang saya hadapi di DUN Bukit Gasing ialah flat kos rendah yang *monthly maintenance fee* dia RM30.00. Dah kumpul satu tahun, dia tak bayar kalau bawa Tribunal membebankan JMB tetapi bila sampai ke sana pemilik tu boleh bayar cuma dia ingkar lah, dia terpaksa bayar baru dia bayar. Kalau kita *charge* dia di Mahkamah, denda sehingga RM5,000.00. Itu denda atas *maintenance fee* so ada penalti. Sekarang bila bawa Tribunal, tak ada penalti. Dia *just* tunggulah bila dapat notis pergi Tribunal, I pergi bayar kalau selagi tidak terima notis pergi Tribunal, tak pe lah, lepak lah dulu, tak payah pergi bayar. Jadi bila kita *charge* di Mahkamah that's a *penalty* sehingga RM5,000.00. That penalty is the deterrent factor, kita perlu bantu JMB-JMB ini dengan deterrent factor.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sebenarnya *choice* atau pilihan itu adalah pilihan JMB. Bermakna Lembaga kita

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Lembaga masih boleh mendakwa?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tak. Lembaga boleh mendakwa tapi dengan bantuan daripada JMB. JMB kena setuju lah tapi kalau JMB tak mahu, JMB nak pergi pada Tribunal dia mungkin ada, dalam-dalam kes sebelum ini kebanyakannya notis aje dah cukup. Hantar notis daripada peguam dan ramai yang bayar tak masuk banyak kes tidak masuk ke Mahkamah. Jadi ialah benda ni bermakna bahawa cara yang terbaik adalah bagi kita untuk menasihatkan JMB. Saya lebih bersetuju kepada Mahkamah sebab Tribunal ni memakan masa yang panjang dan kadangkala nak *convience* pun susah. Jadi bermakna ialah saya ambil maklum dan ini kita akan sampaikan kepada JMB-JMB yang terlibat. Seterusnya adalah persoalan sama ada rumah sewa yang di bawah Smart Sewa itu sama ada di beli dengan pinjaman ataupun dengan duit ataupun dengan dana Kerajaan Negeri ianya menggunakan dana 100 juta daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu banyak denda-denda seperti tidak membayar rumah, tidak membina rumah kos rendah dan sebagainya, kita gunakan dana daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Kita buat masa ini, kita tidak membuat pinjaman lah dan sekarang ini kita dalam perancangan sama ada yang telah beli, yang telah diduduki keseluruhan lebih kurang 861 unit rumah lah dan tempatnya bukan dua tiga tempat tetapi seperti mana yang saya jawab tadi ada beberapa tempat di Alam Impian, di Shah Alam, di Puchong, di Kajang, di Klang, di Subang dan di Bandar Seri Bayu tapi kita sebab sekarang ni kita punya *supply* rumah ni tak secepat apa yang kita mahu sebab ada yang kita dapat, kalau tidak silap saya 300 lebih tadi yang saya umumkan yang kita boleh duduki dalam masa 200 lebih dan 100 lebih tetapi ada 500 lagi yang belum siap lagi. Jadi, walaupun kita keluarkan duit yang banyak tetapi mungkin kita tidak dapat rumah tu segera.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat, itu sebab ini saya membawa cadangan kalau kita menggunakan pinjaman bank *maybe 70%* bank loan, 30% dana kita. RM100 juta itu boleh beli tiga kali lebih

TUAN PENGERUSI : Yang Berhormat, kita masih tajuk bukan tajuk pembangunan lagi Yang Berhormat. Kita boleh bincang tajuk itu dalam pembangunan nanti.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ok, itu sahaja Tuan Pengurus.

TUAN PENGERUSI : Terima kasih. Yang Akhir, Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTEI BESAR : Terima kasih Tuan Pengurus, saya ingin memberikan maklum balas kepada beberapa perkara yang dibangkitkan khususnya

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Meru dan Yang Berhormat Tanjung Sepat yang telah menyentuh soal CCSB. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, CCSB ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan menjadi satu agensi Negeri yang ditugaskan untuk memberikan maklumat dan informasi Kerajaan Negeri. CCSB diuruskan dengan Grant yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan tujuan utama pentadbiran CCSB adalah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap Grant Kerajaan Negeri dengan mengemukakan informasi yang telus dan menarik melalui semua platform yang sedia ada untuk menggalakkan pengiklanan dan juga *sponsorship*. Bagi tahun 2017 memang benar peruntukan yang disediakan bagi CCSB mencatat 11 juta ringgit bagi merangkumi dan membiayai aktiviti-aktiviti CCSB seperti gaji, percetakan dan pengedaran Selangor Kini. Walau bagaimanapun mulai tahun 2018, Kerajaan Negeri ingin mencadangkan operasi CCSB dibuat penyelarasan supaya objektif Kerajaan Negeri untuk menyuburkan masyarakat yang bermaklumat dapat dicapai dengan lebih efektif dan berkesan bagi melawan fenomena yang saya telah nyatakan tadi *fake news gutter politics* yang semakin melampau pada hari ini. Maka mulai tahun 2018 untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, peruntukan mengurus bagi CCSB diperuntukkan sebanyak RM7.35 juta ringgit tetapi ini tidak bermakna pengurangan jika dibandingkan dengan 2017 kerana ada satu lagi peruntukan yang berjumlah RM12.3 juta ringgit khusus untuk program pembangunan minda rakyat dan ini dimasukkan dalam peruntukan pembangunan yang boleh Ahli-Ahli Yang Berhormat merujuk kepada muka surat 185 yang mungkin akan kita bahas kan dalam topik pembangunan kelak. Tujuan kita mengasingkan supaya wujud penyelarasan di antara Belanja Mengurus bagi CCSB yang berjumlah RM7.35 juta ringgit dan ada program pembangunan minda rakyat yang bertujuan untuk membentuk minda dan juga membentuk jati diri rakyat Selangor supaya mereka menjadi masyarakat yang bermaklumat melalui pembangunan ilmu yang kita rancangkan termasuk inisiatif baru seperti inisiatif baru seperti percetakan melalui penerbitan majalah, jurnal dan juga media digital. Maka bagi tahun 2018, sebenarnya peruntukan yang diberikan kepada CCSB meningkat dari RM11 Juta kepada RM19.65 Juta. Berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Permatang yang merayu-rayu agar berilah ruang di dalam Selangorkini kepada rakan-rakan beliau di sebelah sana. Sebenarnya kita memang berlaku adil sebagai contoh untuk edisi 1 hingga 7 November di muka tengah aktiviti Yang Berhormat Permatang sendiri yang sedang mengecat dan menyertai gotong-royong menceriakan persekitaran setempat bersama penduduk di kawasan beliau. Saya tidak dapat ruang ini dalam Utusan Malaysia atau pun dalam TV3, kala lagi dan kita akan cari gambar dia yang paling ceria, yang paling kacak untuk dilaporkan. Kemudian edisi 27 Oktober di muka tengah sekali lagi ADUN, Ahli Dewan Negeri dari Hulu Bernam walaupun macam tak nampak buat apa-apa tapi dia masuk disebut sini ADUN Hulu Bernam bergotong royong bersama penduduk di dalam program “*My beautiful Neighborhood*” masuk, siapa kata tak masuk, ada satu lagi Kota Damansara

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

saya akan masukan bila Yang Berhormat EXCO melawat Kota Damansara nanti. Saya akan masukkan muka depan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Yang Berhormat, minta YB EXCO itu turun kerap-kerap, tiap bulan kalau boleh supaya masuk dalam.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kemudian edisi 20 hingga 27 Oktober ADUN Sungai Panjang, masuk muka tengah, kala lagi jadi kita beri ruang Cuma saya ingat,saya setuju kalau boleh berilah sedikit laporan atau "news". Jadi saya dah bincang dengan CCSB tadi saya keluar sekejap dia kata masalah bila wartawan menghubungi Ahli-ahli Dewan Negeri di sebelah sana, dia tidak jawab panggilan telefon. Jadi kalau Yang Berhormat Kota Damansara ingin dapat muka depan bolehlah dapat kita bincang CCSB supaya berikan ruang isu-isu rakyat. Janganlah isu wanita UMNO tidak bolehlah, itu kita akan mempertimbangkan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Isu rakyat bermula bulan hadapan sampai pilihan raya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kami sudah bermula lama dah, isu rakyat. Baik yang kedua ialah tentang Batang Kali, saya tidak pasti mengapa dia bangkitkan isu tunggakan bil TNB. Sebenarnya Yang Berhormat Batang Kali telah bangkitkan dalam perbahasan belanjawan Cuma dia gunakan istilah dari tadi dia bangkitkan kita membentangkan belanjawan, yang bentang saya, Yang Berhormat Batang Kali hanya berbahas. Jadi bila Yang Berhormat Batang Kali berbahas tentang dakwaan ada tunggakan bil TNB saya difahamkan semalam ketika Yang Berhormat EXCO Taman Templer hendak menggulung beliau telah bersedia untuk menjawab perbahasan itu tapi Yang Berhormat Batang Kali tidak ada berada di dalam dewan. Jadi tidak dijawablah, jadi Yang Berhormat Batang Kali bangkitkan sekali lagi saya hanya nak respons sedikit sahaja sebenarnya perkara yang dibangkitkan tentang tunggakan itu hanya RM36 Juta bukan bilion. RM36 Juta bil TNB untuk perkhidmatan bekalan air tetapi mengikut rekod pengurusan air Selangor tidak ada sebarang tunggakan bil TNB di bawah operasi dan urusan air Selangor tidak ada. Yang ada ialah Kerajaan Negeri maklumkan tunggakan bil tersebut adalah melibatkan Operator Perkhidmatan Air Sungai Harmoni Sdn. Bhd. Dan Logi Rawatan Air SSP1 dan Gamuda Water Sdn. Bhd bagi Logi Rawatan SSP3. Kedua-dua operator ini adalah di bawah pengendalian SPLASH. Tunggakan bil TNB adalah berpunca dari proses penstrukturran semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor yang masih belum dimuktamadkan. Maka dalam usaha untuk mengatasi perkara ini beberapa siri perbincangan telah pun diadakan melibatkan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air, Kerajaan Negeri, TNB, Air Selangor dan SPLASH untuk membenarkan SPLASH menangguhkan pembayaran tunggakan sehingga proses penstrukturran semula dimuktamadkan pada 4 Julai 2018. Dan saya difahamkan pihak TNB telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

tunggakan ini sehingga proses penstrukturkan industri air tamat pada tahun hadapan Insya-Allah. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk memberikan respons kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.2 – iaitu wang sejumlah **RM81,078,409 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Satu Juta Tujuh Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Sembilan)** untuk kepala B. 2 Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.3 – Dewan Negeri Selangor, **RM30,548,636.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Juta Lima Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Enam)**.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Peraturan Tetap, Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 35(3) seseorang Ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam sesuatu masalah kecuali B bagi menerangkan sesuatu hal seperti yang ditetapkan dalam perenggan 4. Perenggan 4 menyatakan seseorang ahli yang telah bercakap dalam satu-satu masalah itu boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran faham tetapi tidak boleh dikeluarkannya perkara baru. Dan dibaca bersama Peraturan Tetap 37 b iaitu seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali b jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu mahu beralih dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil Pengerusi. Jadi saya membangkitkan ini adalah untuk mengingatkan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini pun ADUN tidak boleh memberikan cadangan baharu apabila selepas mendengar penjelasan atau penggulungan daripada EXCO kalau tidak dia akan berpanjangan dan apabila diterangkan sesuatu maka dibuat cadangan, diminta, merayu dan sebagainya. Saya rasa kita harus mematuhi peraturan ini kalau tidak sampai minggu depan pun tidak boleh habis Jawatankuasa ini. Ya kita mesti patuh kepada peraturan tetap ini.

TUAN PENGERUSI : Terima kasih Yang Berhormat, Jadual B.3 – iaitu wang sejumlah **RM30,548,636.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Juta Lima Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Enam)** untuk Kepala B. 3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan **TIDAK**.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.4 – Perbendaharaan Negeri, **RM120,648,738.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Dua Puluh Juta Enam Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Tiga Puluh Lapan).**

TUAN PENGURUSI : Jadual B.4 – iaitu wang sejumlah **RM120,648,738.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Juta Enam Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Tiga Puluh Lapan)**. Untuk Kepala B. 4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, **RM1,660,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Enam Ratus Enam Puluh Juta)**.

TUAN PENGURUSI: Jadual B.6 – iaitu wang sejumlah **RM1,660,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Enam Ratus Enam Puluh Juta)** untuk Kepala B. 6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, **RM1,622,717.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Enam Ratus Dua Puluh Dua Ribu Tujuh Ratus Tujuh Belas)**.

TUAN PENGURUSI : Jadual B. 7 – iaitu wang sejumlah **RM1,622,717.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Enam Ratus Dua Puluh Dua Ribu Tujuh Ratus Tujuh Belas)**. Untuk Kepala B. 7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.8 – Jabatan Pertanian, **RM23,239,618.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Juta Dua Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Enam Ratus Lapan Belas)**.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Jadual B.8 – iaitu wang sejumlah **RM23,239,618.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Juta Dua Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Enam Ratus Lapan Belas)** untuk Kepala B.8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 9 – Pejabat Tanah dan Galian, **RM27,218,010.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tujuh Juta Dua Ratus Lapan Belas Ribu Sepuluh).**

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Speaker, Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Saya akan memberi ruang selama 5 minit sahaja, saya beri laluan pada Sekinchan dahulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 72 Kod 505000, 100 gaji dan upahan mengenai dengan Pejabat Tanah dan Galian. Apa yang saya ingin tegaskan dalam Dewan Yang Mulia ini ada beberapa perkara, 2 perkara yang penting ini yang saya nyatakan Selangor semakin pesat memaju dan tanah-tanah di Selangor semakin mahal dan Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dan telah menyelesaikan banyak masalah-masalah tanah, masalah-masalah pemberian pemberimilikan kepada kampung-kampung baru dan juga secara berkelompok dan juga gerai-gerai dan sambungan lanjutan pajakan berbagai-bagi telah dibuat tetapi ada beberapa perkara yang saya nampak. Kita perlu Kerajaan Negeri perhatian dan juga menyelesaikan iaitu mengenai premium tanah yang dinilai telah terlalu tinggi. Saban hari dia tukar setiap tiga bulan atau enam bulan ini berlaku di Kampung Baru, berlaku di kawasan-kawasan tertentu di mana nilaiannya kalau kali ini. Contoh RM100,000.00 nilainya premium lanjutan kemudian selepas setengah tahun nilainya yang sama di kedai yang sebelah atau tanah yang sebelah nilainya mungkin sampai RM150,000.00 atau RM130,000.00. Jadi ini telah menyebabkan rakyat agak tertekan dengan nilai tinggi seperti ini dan apabila dikaji rujuk kepada Pejabat Tanah kita terpaksa mengikut daripada Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta. Ini yang berlaku jadi saya minta Kerajaan Negeri dapat pastikan walaupun banyak insentif baru-baru ini kerajaan telah memberi insentif 30% untuk gerai lama dan juga bayaran minimum RM10,000.00 dan sebagainya. Ini satu yang tidak pernah dibuat oleh lain-lain tempat tetapi Negeri Selangor masih ada masalah. Kita bagi diskaun 30% tapi kalau tiga bulan, enam bulan dia naik lagi dia punya nilainya akan jadi masalah. Jadi saya minta cara JPPH itu membuat nilai itu sepatutnya, dia kena ambil lima kes, sepuluh kes, bukan sentiasa ambil tertinggi dalam tempoh satu tahun atau dua tahun. Lima kes,

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

enam kes penjualan secara pukal dan dibahagikan macam itu boleh mengekalkan memastikan nilai itu tidak sentiasa naik begitu tinggi. Ini perkara yang ingin saya sampaikan kepada kerajaan minta perkara ini dikaji supaya dapat membantu rakyat dan kemudiannya banyak masalah-masalah warta oleh JUPEM dan sebagainya telah kita luluskan macam tokong dan sebagainya rumah-rumah ibadah tetapi tunggu pelan akui PA, PU, warta 6 bulan, 8 bulan, SOPnya bagaimana, sepatutnya piagam 2 bulan, 3 bulan kita terimalah boleh terima Tuan Pengerusi. Tetapi setengah tahun, 1 tahun, 2 tahun pihak JUPEM macam mana wartanya. Saya tak faham tak boleh nak jawab kepada rakyat, dah lulus kerajaan dah lulus dah semua dah, pelan akui itu tak boleh keluar. Termasuk warta untuk apa untuk jeti ikan pun begitu jugalah dalam konteks ini. Jadi saya harap perkara ini dapat perbaiki tentang JUPEM. Kalau kakitangan tak cukup bagaimana hendak tambah kakitangan, kalau tidak atau pun sengaja melengahkan. Ini antara yang saya hendak minta kerajaan perjelaskan ya soal JUPEM dan JPPS, terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 73 kod 29000 One Off itu. Ok, saya ingin tahu jumlah RM2,259 juta itu adalah untuk diperuntukkan untuk perkhidmatan yang macam mana. Saya bertanya demikian adalah kerana kita sering menghadapi apa yang tadi dijelaskan oleh Sekinchan ialah masalah dengan JUPEM. Di mana JUPEM itu dia turun sangat lambat untuk membuat ukuran dan menyebabkan banyak tempat geran sementara sudah dikeluarkan tapi tak ada PU. Saya ambil sebagai contoh di Kampung Kandayan di Rasah di kawasan saya yang mana Pejabat Daerah telah hantar Hulu Selangor, Hulu Selangor telah hantar kepada JUPEM pada tahun 2018. Tapi sampai hari ini belum ada lagi tindakan yang diambil oleh JUPEM untuk turun mengambil tindakan yang selanjutnya menyebabkan banyak masalah berlaku. Jadi saya harap adakah peruntukan itu, Kerajaan Negeri boleh membantu kerja-kerja ukur bukan saja di kawasan saya tapi di seluruh Selangor terutamanya di kampung-kampung untuk menyelesaikan masalah ini.

TUAN PENGERUSI: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Pengerusi. Saya rujuk kepada kod 505000 yang mana saya ingin ketengahkan berkenaan dengan masalah yang e-tanah yang telah di sedang dilaksanakan oleh pihak Pejabat Tanah.

TUAN PENGERUSI: Muka surat berapa Yang Berhormat?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Muka surat 72 kod 505000 yang mana saya ingin ketengahkan masalah yang mana apabila e-tanah yang cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor, ada kalanya kita terima aduan daripada firma guaman di mana pejabat Tanah minta supaya firma guaman untuk hantar juga *presentation* yang dengan secara *hard copy*. Walaupun sekarang kerajaan sedang melaksanakan e-tanah. Masalah masih timbul lagi apabila *photostat ic* yang telah dikemukakan itu ditendang balik hanya atas alasan gambar atas mykad itu tidak jelas. Kita perlu ingatkan bahawa ada kalanya memang dalam mykad daripada pemohon-pemohon memang gambar itu tidak jelas. Dan bukan masalah daripada firma guaman atau pun pemohon. Jadi apabila usaha baik Kerajaan Selangor untuk melaksanakan e-tanah ini, tetapi atas kita kata kekangan atau pun tingkah laku daripada mungkin sebahagian yang menyukarkan firma guaman, ini kita telah mendapatkan rungutan daripada firma guaman yang mana mereka harus berulang alik ke Pejabat Tanah. Jadi saya berharap bahawa Kerajaan Selangor ambil maklum atas perkara ini dan cuba baiki masalah ini yang sering kali saya dengar, terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Saya hendak persilakan pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengurus saya ingin memberikan sedikit maklum balas awal tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu dan Yang Berhormat Teratai. Berhubung penilaian yang terlalu tinggi oleh JPPH, sukacita saya memaklumkan bahawa JPPH ini merupakan agensi di bawah Kementerian Kewangan yang bertindak secara profesional dalam memberikan penilaian dan membuat penilaian bagi tanah-tanah di dalam negara termasuk di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, PTG bersedia untuk menyemak semula dan mengkaji atas rayuan yang kita terima berhubung penilaian yang tinggi dan perlu dinilai semula oleh JPPH. Yang keduanya isu kelewatan pelan akui oleh JUPEM. Ini juga kita mengambil maklum banyak aduan yang kita terima kerana kelewatan mengeluarkan pelan akui dan PTGS telah pun memberikan pilihan kepada pemohon-pemohon ini untuk mengemukakan pelan ukur daripada Juruukur berlesen bagi mempercepatkan proses pewartaan. Jadi ini telah pun kita lakukan di beberapa kawasan yang memerlukan tindakan yang segera daripada Kerajaan Negeri. Berkennaan e-tanah sistem ini masih belum dilaksanakan di Negeri Selangor kerana kita merasakan sistem e-tanah yang dicadangkan itu mempunyai ruang untuk ditambah baik dan kita merasakan apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri merupakan perkara yang baik dan boleh kita teruskan sistem yang ada sekarang, terima kasih Tuan Pengurus.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN PENGERSI: Jadual B.9 iaitu wang sejumlah **RM27,218,010.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tujuh Juta Dua Ratus Lapan Belas Ribu Sepuluh)** untuk Kepala B.9 Pejabat Tanah Dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.10 Jabatan Perhutanan, **RM25,384,772.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Empat Tujuh Ratus Tujuh Puluh Dua).**

TUAN PENGERSI: Jadual B.10 iaitu wang sejumlah **RM25,384,772.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Empat Tujuh Ratus Tujuh Puluh Dua)** untuk Kepala B.10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.11 Pejabat Mufti, **RM3,863,544.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lapan Ratus Enam Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Empat Puluh Empat).**

TUAN PENGERSI: Jadual B.11 iaitu wang sejumlah **RM3,863,544.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lapan Ratus Enam Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Empat Puluh Empat)** untuk Kepala B.11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.12 Jabatan Kerja Raya, **RM127,765,310.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Tujuh Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Sepuluh).**

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Pengersi.

TUAN PENGERSI: Kuala Kubu Baharu, sila.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Pengersi. Saya merujuk kepada muka surat 92 kod 28000 Penyelenggaraan dan pemberian kerja yang diberikan. Tuan Pengersi kita ada banyak jalan ...

TUAN PENGERSI: Muka surat berapa Yang Berhormat, muka surat berapa?

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: 92.

TUAN PENGERUSI: 92.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Pengerusi kita ada banyak jalan bukan jalan Negeri tapi adalah jalan persekutuan tapi di kawasan DUN kita. Dan penduduk itu dia tak, dia tak peduli sama ada ini jalan Negeri atau pun jalan persekutuan. Kalau ada masalah dia memang bangkit untuk kita selesaikan. Dan kita menghadapi ialah jalan persekutuan itu selalunya ada yang untuk projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan tetapi tidak mempunyai wang daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi saya di sini memohon jasa baik daripada Kerajaan Negeri supaya peruntukan ini juga boleh digunakan di jalan persekutuan untuk membuat penyelenggaraan supaya dia lebih selamat digunakan oleh pengguna.

TUAN PENGERUSI: Terlalu umum dan dia bukan bersifat bangunan sebenarnya. Saya tidak benarkan.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.12 iaitu wang sejumlah **RM127,765,310.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Tujuh Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Sepuluh)** untuk Kepala B.12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran, **RM122,623,929.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Dua Juta Enam Ratus Dua Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Sembilan).**

TUAN PENGERUSI: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada JPS 505000 muka surat 96 kod 11000. Saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan beberapa masalah tentang Jabatan Pengairan dan Saliran khususnya di kawasan persisiran pantai di Negeri Selangor di kawasan Tanjung Karang dan juga di Sekinchan. Di mana semasa ketika hujung tahun atau pun air pasang besar dan surut, dia akan menyebabkan benteng-benteng dan ban-ban itu pecah. Oleh itu, saya minta pihak JPS perkara ini dapat dipantau dan kemudiannya soal ketua-ketua blok yang agak unik di kawasan jelapang padi ada ketua-ketua blok. Mungkin di kawasan lain tak ada tapi di kawasan jelapang padi dan sebagainya dia ada ketua-ketua blok yang menjaga setiap blok bendang-bendang di kawasan jelapang padi. Maka elau-elau yang mereka terima sejak sekian lama RM100 setiap bulan mereka menjalankan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

kerja memantau saliran dan sebagainya. Menyelesaikan masalah petani-petani di peringkat bawahan dan menjadi penghubung kepada kerajaan, JPS dan sebagainya untuk menyelesaikan segala permasalahan yang wujud. Maka dengan itu elau RM100.00 dengan kadar kos hidup sekarang ini memang agak kecil. Jadi saya pohon harap dapat dipertimbangkan naiklah sampai RM200.00 pada masa akan datang dan supaya mereka dapat membantu sikit kekangan mereka daripada segi kewangan. Dan seterusnya saya ingin merujuk kepada soal saliran-saliran, soal kunci air dan yang rosak yang terbengkalai di Sekinchan di Parit 5 itu sampai hari ini perkara yang baru belum lagi dibuat. Jadi saya minta perhatian pihak Kerajaan Negeri, sekian.

TUAN PENGURUSI: Ada respons dari kerajaan? Sila.

Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB: Tuan Pengurus terima kasih. Sekinchan, berkenan dengan keprihatinan elau yang diberikan kepada ketua-ketua blok. Satu cadangan yang boleh diperhalusi dan untuk pengetahuan Sekinchan bahawa elau ketua blok ini sebenarnya baru saja dinaikkan dalam ingatan saya dalam tempoh setahun dua ini dan jauh lebih banyak satu pentadbiran kerajaan sebelum kerajaan pada hari ini. Walau bagaimanapun, cadangan itu boleh diperhalusi atau pun boleh dilihat. Berkennaan dengan isu yang kedua itu saya kira bukan di bawah pengurusan, terima kasih.

TUAN PENGURUSI: Jadual B.13 iaitu wang sejumlah **RM122,623,929.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Dua Juta Enam Ratus Dua Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Sembilan)** untuk Kepala B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.14 Jabatan Agama Islam Selangor, **RM294,078,429.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sembilan Puluh Empat Juta Tujuh Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Dua Puluh Sembilan)** untuk Kepala B.14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

TUAN PENGURUSI: Jadual B.14 Jabatan Agama Islam Selangor, **RM294,078,429.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sembilan Puluh Empat Juta Tujuh Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Dua Puluh Sembilan)** untuk Kepala B.14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat, **RM22,681,163.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Enam Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Satu Ratus Enam Puluh Tiga).**

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Pengurus. Saya hanya ada satu perkara iaitu di muka surat 111 Butiran 512000 Gaji dan Upahan. Saya mendapati dari Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa mereka kurang kakitangan bagi satu contoh seluruh Petaling ada 88 orang di JKM. Tetapi jumlah kes yang mereka kena *handle* saya bagi satu, saya dapatkan satu saya akan bagi YB EXCO bahawa sebagai contoh ya untuk kanak-kanak ada 662 kes, 4 orang kena *handle* untuk taska. Kita ada beberapa ratus taska tetapi kita ada untuk kakitangan JKM yang *handle* taska adalah beberapa puluh sahaja. Lebih kurang daripada 20 kakitangan dan *imagine* kan berapa *inspection* mereka kena buat untuk menjaga taska dan ada banyak lagi, so saya minta kerajaan untuk tengok macam mana kita perlu menambahkan kakitangan untuk JKM. Saya juga dapatkan statistik federal staf ada 77 di Petaling tetapi untuk Kerajaan Negeri kita ada 11 sahaja. Saya mohon kerajaan supaya boleh tambah lagi kakitangan daripada Kerajaan Negeri supaya JKM boleh buat lebih lagi untuk masyarakat di Petaling dan di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Pihak Kerajaan. Sila.

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama. Saranan dan cadangan daripada pihak Damansara Utama kita akan mengambil maklum dan kita akan panjangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.15 iaitu wang sejumlah **RM22,681,163.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Enam Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Satu Ratus Enam Puluh Tiga)** untuk Kepala B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, **RM10,064,563.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Enam Puluh Ribu Lima Ratus Enam Puluh Tiga)**

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Pengurus, saya ingin ada sikit untuk saya nyatakan dalam mukasurat B16 mukasurat 114 550001100 berkaitan dengan JBPD ada perkara yang saya ingin nyatakan tentang zoning Rancangan Tempatan di mana di kawasan jelapang padi di Sekinchan ini oleh sebab dia merupakan kawasan Makanan Bekalan Keselamatan Negara (National Food Security) jadi itulah kawasan yang ada

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

kalau kita buka diterokai sewenang-wenang mungkin kelestarian untuk makanan keselamatan negara akan terjejas. Jadi perlu ada kawalan di mana Majlis Daerah Sabak Bernam satu ketika telah memindah seluas kawasan 84 ekar di Sekinchan daripada kawasan pertanian kepada perumahan. Jadi saya minta kerajaan kaji supaya perkara itu dapat dipindah balik dari RT dari zoning dari padi supaya tidak ada sapa-sapa fokus untuk bangunkan kawasan tersebut supaya kita dapat menjaga kelestarian bendang untuk tujuan pelancongan untuk tujuan generasi kita akan datang. Inilah antara cadangan saya. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Pihak Kerajaan.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengurus atas pertimbangan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sekinchan tadi untuk menjamin kelestarian bekalan makanan untuk menjamin food security dalam Negeri dan negara saya akan meminta Majlis Daerah Sabak Bernam untuk berbincang dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi melihat semula perkara ini dan keperluan untuk menjamin satu keluasan yang munasabah bagi mengekalkan aktiviti pertanian untuk menjamin food security Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.16 iaitu wang sejumlah **RM10,064,563.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Enam Puluh Empat Ribu Lima Ratus Enam Puluh Tiga)** untuk kepada B.16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.17 Jabatan Perkhidmatan Vaterinar **RM16,051,666.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Lima Puluh Satu Ribu Enam Ratus Enam Puluh Enam)**

TUAN PENGERUSI: Jadual B.17 iaitu wang sejumlah **RM16,051,666.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Lima Puluh Satu Ribu Enam Ratus Enam Puluh Enam)** untuk Kepala B.17 Jabatan Perkhidmatan Vaterinar menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
RM16,064,144.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Enam Puluh Empat Ribu Satu Ratus Empat Puluh Empat)

TUAN PENGERUSI: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah peruntukan anggaran perbelanjaan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling ini saya merujuk pada muka surat 124, 55000 khidmat pengurusan tidak ada perkara yang panjang lebar yang saya nak bahaskan Cuma saya nak rakamkan ucapan terima kasih kerana saya difahamkan Dato' Pegawai Daerah akan berpencen pada November ini. Mewakili rakyat keseluruhannya dalam walaupun dalam perbelanjaan ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih pada jentera dan saya mengharapkan perkara orang yang mengambil daripada beliau itu jangan lupa tentang permohonan-permohonan tanah yang ada dalam Pejabat Tanah dan Daerah. Cuma Yang Berhormat Dato' pengganti beliau itu, kes tanah yang begitu banyak di Paya Jaras jangan dilupakan. Itu sahaja.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.18 iaitu wang sejumlah **RM16,064,144.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Enam Puluh Empat Ribu Satu Ratus Empat Puluh Empat)** untuk Kepala B.18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
RM14,460,429.00 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Empat Ratus Enam Puluh Ribu Empat Ratus Dua Puluh Sembilan).

TUAN PENGERUSI: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Pengerusi. Muka surat 128 Butiran 505000 iaitu tentang emolumen. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih pada YAB Dato' Menteri Besar di atas inisiatifnya untuk mempercepatkan pemberian title strata bagi bangunan lama yang telah tidak diuruskan dengan betul dari segi menyusahkan rakyat untuk menjual dan menilai harta yang dapat dimanfaatkan ataupun naiknya harga asal hartanah mereka. Jadi saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih saya ke atas usaha yang dilakukan dan saya akan bekerjasama dengan mereka seboleh yang mungkin untuk mempercepatkan proses agar tanah-tanah yang tidak mendapat strata akan mendapat strata. Dan keduanya ingin saya tegaskan di sini di antara setahu saya saya telah melalui 3 atau 4

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

orang DO tapi dia ni DO yang paling kacak dan paling hebat sama dengan Menteri Besar dan apa yang saya nyatakan ialah beliau adalah seorang yang berjiwa rakyat turun ke padang selalu tapi pemalu. Dalam kes peniaga-peniaga Jalan Kebun Pasir itu nampaknya beliau dari jauh je tapi datang juga. Saya ingin mengucapkan terima kasih di mana beliau telah berjanji dengan Menteri Besar dan telah menegaskan beliau akan bekerja kuat untuk memastikan peniaga-peniaga yang baru dirobohkan kedainya akan mendapat kedai baru untuk mereka meneruskan. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Ada respon pihak kerajaan?.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambut baik hasrat Hulu Kelang. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Kita bukan sesi puji memuji ye. Jadual B.19 iaitu wang sejumlah **RM14,460,429.00 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Empat Ratus Enam Puluh Ribu Empat Ratus Dua Puluh Sembilan)** untuk Kepada B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang **RM15,692,808.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Enam Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Lapan)**.

TUAN PENGERUSI : Meru.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk pada B.20 muka surat 134. Dan butiran program 50500 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan. Seperti yang saya sebutkan itu tadi pun pernah saya sebut bahawa Klang memang banyak kes denggi dan juga saya nampak ialah tentang sampah sendiri. Sampah ini kalau boleh bila kita naik ke dalam Meeting JKT ini Pejabat Daerah selalu bagi tahu mereka under power. Contohnya mereka kerja office hour selepas office hour mereka buang sampah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Meru sebut di bawah Perkhidmatan dan Bekalan. Itu adalah untuk Kenderaan dan Jentera. Dan harta modal dan lain-lain. Lain subjek dah.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN : Ok, nak tanya fasal sampah ni. Lain-lain. Ok ok. Terima kasih. Sorry.

TUAN PENGERUSI: Selat Kelang.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Saya merujuk kepada B20 muka surat 134 Butiran 505000 Kod Projek 11000 Gaji dan Upahan. Seperti yang semua maklum, Daerah Klang ini daerah yang besar. Isunya banyak. Masalahnya banyak. Banjir pun dia juga. Saya nak mengingatkan Kerajaan Negeri sekiranya ada modal insan ataupun pegawai-pegawai yang penting dan utama dan mahu dipindahkan janganlah lama-lama biar tempat tu kosong. Tolonglah isikan cepat. Sebab dia mengganggu produktiviti dan juga hasil yang boleh dilakukan oleh Pejabat Daerah Klang dan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi tahniah juga kepada semua kakitangan Pejabat Tanah yang memberikan komitmen yang baik membantu Kerajaan Negeri.

TUAN PENGERUSI: Pihak Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengurus saya mengambil maklum tentang peringatan Yang Berhormat Selat Kelang namun saya ingin memberikan maklum balas awal dalam persoalan perjawatan ini ia juga memerlukan sokongan dan kelulusan daripada JPA dan sekarang ini bukan sahaja di Klang tetapi banyak perjawatan-perjawatan utama di dalam Negeri Selangor yang masih kekosongan kerana kita masih menunggu kelulusan daripada pihak JPA untuk mengisi jawatan-jawatan berkenaan dengan pegawai-pegawai yang bersesuaian dan perkara ini sedang diuruskan oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memastikan jawatan-jawatan berkenaan dapat diisi segera supaya pelaksanaan dasar dan program Kerajaan Negeri dapat berjalan dengan lancar. Terima kasih Tuan Pengurus.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Mungkin kawan kita sebelah sana boleh bantu kot.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.20 iaitu wang sejumlah **RM15,692,808.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Enam Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Lapan)** untuk Kepala B.20 Pejabat Tanah dan Daerah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat **RM12,352,192.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Tiga Ratus Lima Puluh Dua Ribu Seratus Sembilan Puluh Dua)**.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.21 iaitu wang sejumlah **RM12,352,192.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Tiga Ratus Lima Puluh Dua Ribu Seratus Sembilan Puluh Dua)** untuk Kepala B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAH DEWAN : Jadual B.22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, **RM14,850,348.00 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Lapan Ratus Lima Puluh Tiga Ratus Empat Puluh Lapan).**

TUAN PENGERUSI: Sila Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Saya merujuk kepada muka surat 146 Kod 50500 dan 11000 Gaji dan Upahan. Saya dengan ini saya ingin nak dapat penjelasan berkenaan dengan tanggungjawab Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan dengan isu menangani denggi yang mana saya difahamkan Pejabat Daerah, Dato' DO selalunya kena pengerusikan mesyuarat setiap minggu untuk menangani masalah denggi dan saya ingin nak tanya sama ada peruntukan yang telah diberikan itu ada termasuk dalam vot ini dan jikalau tidak bagaimana kita nak memastikan Pejabat Tanah dan Daerah yang sedia membantu ini dapat mempengerusikan mesyuarat untuk menangani masalah denggi ini dengan baiknya. Dan saya juga dengan ini merakamkan penghargaan saya kepada Dato' DO Pejabat Daerah Hulu Langat atas kebertanggungjawaban beliau. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Ya, Kerajaan. Pihak Kerajaan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Teratai. Untuk menangani masalah denggi yang mana di peringkat pejabat daerah, kita juga melaksanakan mesyuarat mingguan ya, di kawasan-kawasan yang mempunyai *hotspot* jadi Hulu Langat adalah antara daerah yang tinggi kes denggi dan pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan, kita telah pun menyalurkan bantuan kepada pejabat-pejabat daerah untuk mereka melaksanakan program-program pencegahan denggi. Untuk pejabat daerah, kita memberikan peruntukan sebanyak RM30,000.00 – RM50,000.00 kepada pejabat-pejabat daerah ini mengikut kesesuaian jadi saya akan *check* balik berapa peruntukan untuk pejabat daerah ini untuk digunakan oleh mereka. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.22 - iaitu wang sejumlah **RM14,850,348.00 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Lapan Ratus Lima Puluh Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Lapan)** untuk Kepala B.22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, RM11,762,600.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Dua Ribu Enam Ratus).

TUAN PENGERUSI : Sila Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih, saya bagi laluan kepada Sg. Pelek dulu lah, *ladies first*.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Sekejap. Saya dah minta Dengkil tadi,

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ha, Dengkil dulu, Dengkil dulu.

TUAN PENGERUSI : Dengkil tak nak, saya bagi Sg. Pelek.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Eh, jangan, jangan. Ini, *Seriously* (ketawa).

TUAN PENGERUSI : Sila Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kejap lagi Sg. Pelek ya, terima kasih. *Assalamualaikum W.B.T.* Terima kasih Tuan Pengurus memberikan sedikit waktu untuk saya membangkitkan isu-isu di kawasan untuk perhatian Kerajaan Negeri, khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Vot B.23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang Mukasurat 153, Pengurusan Tanah. 52500. Ada beberapa perkara yang nak saya bangkitkan dan juga untuk mendapatkan perkembangan terkini antaranya, perkara baru juga merupakan isu yang melibatkan pengambilan tanah di Kampung Dato' Abu Bakar Baginda. Isu jajaran HSR (*High Speed Rail*). Ini saya dapat rintihan, aduan daripada penduduk, semuanya di Kampung Dato' Abu Bakar Baginda yang sekarang ini saya difahamkan sedang dalam proses bantahan. Saya mohon Kerajaan Negeri walaupun projek ini merupakan projek Kerajaan Persekutuan, projek *catalyst* yang membawa limpahan ekonomi kepada penduduk setempat dan kawasan sekitar, tetapi ada bantahan penduduk di Kampung Dato' Abu Bakar Baginda dan juga

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

di kawasan Sepang kalau tak silap saya di Taman Sepang Permai yang terlibat dalam jajaran ini. Kalau boleh, hasrat penduduk ini supaya rundingan nanti dengan Kerajaan Persekutuan bila ada nanti rundingan Kerajaan Negeri Kerajaan Persekutuan, boleh juga nanti disampaikan hasrat penduduk ini supaya tanah mereka itu tidak diambil ataupun jajaran ini boleh disesuaikan dengan jajaran lain. Itu yang pertama. Yang kedua, masalah pelupusan sampah haram. Tadi, Meru cakap sampah, ini sampah haram yang berkaitan juga dengan tanah. Yang saya nak sebutkan di sini pelupusan sampah haram di Desa Sentosa dan juga di Taman Putra Perdana. Yang ini agak serius kerana ia telah berlarutan dalam tempoh masa yang agak panjang menyebabkan pencemaran, bau, juga masalah kesihatan, denggi juga dan lain-lain lagi masalah. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, supaya kita melakukan sesuatu di atas tumbuhnya bagaikan cendawan selepas hujan, sampah-sampah haram ni, tempat-tempat sampah haram ni. Kalau boleh diberikan satu *allocation*, peruntukan sama ada di pejabat tanah ataupun di PBT. Sama ada melupuskan sampah tersebut ataupun melantik kontraktor-kontraktor sampah PBT yang sedia ada supaya mereka boleh membersihkan kawasan tersebut sebab ia betul-betul menjadi masalah terutamanya di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi di Desa Sentosa dan juga di Taman Putra Perdana. Isu yang ketiga, juga mengenai tanah. Yang ini berkenaan pengambilan tanah untuk kawasan rayau asli, untuk tujuan pembangunan. Saya rasa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sudah dapat menyelesaikan bersama EXCO juga, masalah masjid Dengkil saya ucap terima kasih di atas keprihatinan dan tindakan daripada Kerajaan Negeri tetapi ada tiga (3) tempat yang juga melibatkan kawasan rayau asli projek *MEX II Highway*, yang melalui kawasan Dengkil. Ada sedikit masalah dengan orang asli Bangkung yang mana saya difahamkan *MEX II Highway* ini sebenarnya sudah menulis surat kepada saya dan boleh juga nanti saya tujukan kepada Menteri Besar yang mana mereka sebelum ini sudah pun memberi pampasan kepada tuan tanah asal melalui proses pengambilan tanah sebelum ini. Tetapi, mereka juga atas dasar budi bicara memperuntukkan sejumlah nilai untuk masyarakat asli di kawasan tersebut. Saya difahamkan sehingga mencecah RM913,000.00 tetapi perkara ini masih juga tidak boleh diselesaikan. Saya mohon, jasa baik Kerajaan Negeri supaya dapat menyelesaikan masalah ini supaya projek *MEX II Highway* ini untuk kesejahteraan rakyat dapat disegerakan ataupun dapat dibina dengan tanpa apa-apa permasalahan. Yang kedua juga berkenaan dengan pembesaran Kampung Jenderam yang mana Menteri Besar sendiri datang memberikan kunci untuk fasa 1 Projek Perumahan Pembesaran Kampung Jenderam ini tetapi fasa 2 masih lagi terdapat masalah dengan masyarakat asli yang perlukan penyelesaian segera supaya Projek Perumahan Rakyat ini boleh diteruskan untuk fasa seterusnya. Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang masalah *Memorandum Of Transfer (MOT)* untuk dua (2) kawasan iaitu kawasan Lestari Permai dan juga kawasan Putra Perdana. Jadi, saya ingin mendapat perkembangan terkini

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

bilakah kita boleh menyelesaikan masalah *title* ini sama ada daripada *master title*, kepada *individual title* ataupun kepada *strata title* dapat diselesaikan. Sebab ini, masalah yang dimulakan ataupun masalah ini terbit apabila syarikat Talam Corporation gulung tikar dan penduduk yang membeli kawasan tersebut tidak dibela dan akhirnya walaupun sekarang ini Kerajaan Negeri sudah pun mengambil semua aset Talam Group Corporation ini dan sudah pun mendapat perolehan jutaan ringgit juga sehingga dapat menyalurkan untuk projek Merakyatkan Ekonomi Selangor dan juga IPR (Inisiatif Peduli Rakyat). Dan saya mohon juga supaya masalah MOT di Lestari Permai dan juga di Putra Perdana ini dapat diselesaikan dengan segera. Kalau boleh, Menteri Besar sebelum pilihan raya ini lagi bagus. Kerajaan Negeri dapat kredit, saya tak ada masalah. Yang penting masalah rakyat dapat diselesaikan. Itu, tujuan kita ini supaya kita dapat membantu menyelesaikan masalah rakyat. Dan seterusnya juga, berkenaan dengan pembangunan. Masalah tapak, balai polis dan juga Sekolah Menengah Putra Perdana 2, yang ini juga disebabkan oleh *developer* Syarikat Talam Group yang tidak membayar premium, akhirnya balai polis dan Sekolah Menengah Putra Perdana 2 ini tidak dapat diserahkan kepada pejabat ataupun Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Yang ini juga saya minta disegerakan kalau boleh diselesaikan supaya saya boleh bawa perkara ini ke peringkat Kementerian ataupun di peringkat Kerajaan Persekutuan, balai polis boleh saya minta Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan untuk menyelesaikan masalah balai polis dan juga sekolah menengah di kawasan. Jadi, itulah serba sedikit yang saya nak bangkitkan berkenaan dengan pengurusan tanah dan juga masalah MOT di kawasan Dengkil di Sepang ini. Sekian terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Bukit Antarabangsa ada seorang lagi yang nak bahas. Sg. Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Tuan Pengurus, merujuk Mukasurat 152 Butiran 52500. Tuan Speaker, saya nak memohon peruntukan tambahan kepada pejabat daerah untuk bayaran bil elektrik yang tertunggak sejumlah RM106,000.00 untuk tiga (3) kampung iaitu Kampung Salak Tinggi, Kampung Ulu Chuchoh dan Kampung Hulu Teris. Sebab peruntukan sedia ada tak mencukupi. Yang kedua, saya nak minta satu bilik mesyuarat yang lebih besar saiz nya berbanding sekarang yang hanya dapat berkapasiti, menumpang 40 orang untuk mesyuarat sahaja bersesuaian dengan kepesatan pembangunan sangat maju ini yang berlaku di daerah Sepang, wajarnya Kerajaan Negeri meluluskan untuk permohonan membesarkan saiz dengan kemudahan yang lengkap di atas lokasi yang sesuai. Buat masa ini, permohonan yang diluluskan hanya untuk tujuan pengubahsuaian sahaja. Sudah sampai masanya Kerajaan Negeri meluluskan satu bangunan baru yang serba lengkap sesuai dengan kepesatan daerah Sepang. Sg. Pelek bercadang Kerajaan Negeri Selangor membuat kajian semula agar ia setanding dengan pejabat seperti Pejabat Daerah Petaling.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Sebab, daerah Sepang juga telah mendapat pengiktirafan sebagai PBT dengan terbinanya IPD Ke-2 iaitu IPD KLIA. Lagi satu permintaan, daerah Sepang telah pun mempunyai satu stadium mini yang terletak di Bandar Baru Salak Tinggi, namun kemudahan yang sedia ada sudah *outdated*. Saya ingin bercadang kepada Kerajaan Negeri agar menaiktaraf kemudahan di stadium tersebut dengan menambah beberapa kemudahan lain seperti gelanggang bola tampar dan gelanggang futsal juga kolam renang. Sekian, dimaklumkan terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Ada lagi yang nak bahas. Saya jemput pihak kerajaan untuk memberi penjelasan, jika ada.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan maklum balas awal kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil dan juga Yang Berhormat Tg. Sepat. Eh! Maaf. Yang Berhormat Sg. Pelek. Oleh sebab terlalu banyak soalan yang dibangkitkan oleh Dengkil, jadi saya minta izin untuk merujuk kepada maklum balas yang saya terima daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. Yang pertama, mengenai jajaran HSR yang dikatakan akan melalui Kampung Dato' Abu Bakar Baginda. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, pendirian Kerajaan Negeri amat jelas seperti yang saya nyatakan dalam penggulungan Perbahasan semalam, sebarang cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan mestilah mematuhi Peruntukan Seksyen 20 (A) di mana perlu ada rundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memperhalusi cadangan pembangunan yang berkenaan. Dalam konteks pembangunan HSR ini memang pada peringkat awal pernah dibawa dalam mesyuarat MTES namun Kerajaan Negeri pada ketika itu menolak cadangan awal kerana langsung tidak ada stesen yang dibina di dalam Negeri Selangor sedangkan di Johor pada ketika itu dibina dua stesen, di Melaka satu, di Negeri Sembilan satu dan terus ke Kuala Lumpur sedangkan jajaran asal yang dicadangkan itu hampir 40 kilometer melalui di dalam daerah-daerah di Selangor tanpa sebarang stesen. Sudah tentulah Kerajaan Negeri membantah kerana mengapa Melaka dan Negeri Sembilan, Negeri-Negeri yang kecil boleh mendapat stesen tetapi Negeri Selangor yang begitu besar tidak ada stesen. Kita meminta pihak yang bertanggungjawab khususnya SPAD yang menentukan jajaran yang hendak dikemukakan bagi persetujuan Kerajaan Negeri kembali semula kepada Kerajaan Negeri untuk membincangkan tentang jajaran baru dan pembinaan stesen. Namun sehingga hari ini perkara ini belum dibawa kepada pengetahuan Kerajaan Negeri hanya ada satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh HSR maka Kerajaan Negeri telah pun memaklumkan secara rasmi kepada pihak HSR tidak adil bagi mereka membuat pengumuman bahawa akan melalui Kg. Dato' Bakar Baginda tanpa pengetahuan Kerajaan Negeri kerana ini menimbulkan keresahan penduduk-penduduk kampung yang berkenaan. Sekiranya mereka mencadangkan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

jajaran ini melalui kampung yang berkenaan maka ianya perlulah dibincangkan dengan Kerajaan Negeri terlebih dahulu untuk diputuskan jajaran yang bersesuaian dengan bentuk pembangunan yang berkenaan. Jadi, ketika ini, maaf, di Johor cadangan asal adalah tiga stesen. Kemudian Negeri Sembilan satu, Melaka satu dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, saya difahamkan pihak SPAD dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju pada dasarnya untuk membina satu stesen dalam Negeri Selangor cuma lokasi itu perlu dibincangkan terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri. Saya juga ingin respons kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil tentang tapak pelupusan sampah haram. Yang pertama di Desa Sentosa dan yang kedua di Putra Perdana. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, pendirian Kerajaan Negeri amat tegas. Kita tidak akan kompromi dengan mana-mana pelaku yang membuang sampah secara haram di tapak-tapak sama ada tanah kerajaan ataupun tanah pemilik. Sekiranya ianya dibuang ataupun diusahakan di atas tanah pemilik, maka pemilik tanah berkenaan akan berdepan dengan tindakan keras iaitu perampasan tanah. Bagi tapak pelupusan sampah haram di Desa Sentosa untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, Notis 7A dan 7B telah pun dikeluarkan kepada pemilik tanah yang terlibat dan tindakan rampasan akan dilakukan sekiranya perlu tertakluk kepada peruntukan undang-undang. Dan bagi bahagian rizab JPS, JPS juga telah pun membuat halangan longkang supaya aktiviti pembuangan sampah haram ini tidak berterusan. Bagi tapak pelupusan sampah haram di Putra Perdana iaitu di Lot 45975, ianya adalah tanah milik JAIS dan saya diberikan makluman bahawa pihak JAIS telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya kerana tapak ini adalah untuk tujuan tapak perkuburan. Yang Berhormat Dengkil juga membangkitkan soal *highway* MEX yang pembayarannya belum dipersetujui, bagi pihak Pejabat Tanah dan Daerah Sepang kita menasihatkan supaya pihak MEX mendapatkan perintah mahkamah terlebih dahulu untuk mencari jalan penyelesaian dalam kes yang berkenaan. Bagi MOT Lestari Permai dan Putra Perdana, isu sebenarnya ialah pemaju tidak membayar premium dan kes ini boleh diselesaikan sekiranya pemaju yang terlibat bersetuju untuk menyelesaikan premium. Dan bagi Jenderam Murni, mesyuarat terakhir telah diadakan pada 30 Oktober 2017. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang akan memulakan perjumpaan dengan penduduk bersama Jakua selepas sesi DUN ini selesai dan saya percaya dengan sikap *engagement* dan konsultasi yang dijalankan oleh pihak EXCO, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang perkara ini boleh diselesaikan dengan cara yang baik. Merujuk kepada isu Lestari Permai tadi, oleh kerana pihak pemaju gagal membayar premium kini pihak likudator sedang dalam tindakan untuk menyelesaikan masalah ini dan ini sebenarnya berpunca daripada rakan-rakan Yang Berhormat sebelum ini di mana membenarkan pemaju untuk membuat pembangunan di atas tapak-tapak sebelum isu tanah ini diselesaikan. Dan saya telah jelaskan semalam dalam penggulungan banyak kes seperti ini di mana pemaju-pemaju dibenarkan untuk membuat pembangunan walaupun premium tanah belum dilunaskan, belum diselesaikan dan ini akan menimbulkan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

masalah kerana apabila pembangunan ini selesai dan pemaju tidak mengemukakan permohonan untuk mendapatkan hak milik strata dan ini akan merumitkan pemilik dan penghuni pangsapuri yang berkenaan. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Dengkil dapat memberikan nasihat yang baik kepada rakan-rakan Yang Berhormat supaya jangan buat perkara-perkara yang tidak sihat seperti ini. Kemudian Yang Berhormat Sungai Pelek ada membangkitkan tentang peruntukan tambahan. Yang Berhormat Sungai Pelek mungkin berbicara bagi pihak Pegawai Daerah untuk mendapatkan peruntukan tambahan. Sebenarnya permohonan peruntukan tambahan telah pun dikemukakan berjumlah RM106,744.00 telah diterima daripada Pejabat Daerah Tanah Sepang melalui surat bertarikh 5 Jun bagi tujuan pembayaran tunggakan bil elektrik lampu jalan kampung Daerah Sepang. Perbendaharaan Negeri telah pun mengemukakan maklum balas bertarikh 14 Jun 2017 memohon Pejabat Daerah dan Tanah Sepang untuk menggunakan peruntukan sedia ada jabatan terlebih dahulu bagi menyelesaikan tunggakan tersebut dan mengemukakan semula permohonan peruntukan tambahan pada suku tahun keempat 2017 untuk tujuan pertimbangan. Saya percaya apabila sampai suku tahun yang keempat bagi setiap tahun, Kerajaan Negeri *Insya Allah* ada lebihan peruntukan dan kita boleh menyalurkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Sepang untuk menampung kos yang telah dibiayai terlebih dahulu untuk menyelesaikan tunggakan yang dimaksudkan. Bagi permohonan untuk mengadakan bilik mesyuarat yang lebih selesa, perkara ini akan dipertimbangkan oleh Perbendaharaan untuk maksud yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Pelek. Jadi, itulah respons awal saya kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan saya berharap penjelasan ini dapat memberikan pencerahan kepada kita untuk bersama-sama berusaha membangunkan Daerah Sepang menjadi daerah yang maju, makmur di bawah Kerajaan Pakatan pada hari ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER : Jadual B.23 – iaitu wang sejumlah **RM11,762,600.00 (Ringgit Malaysia Sebelah Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Dua Ribu Enam Ratus)** untuk Kepala B.23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, **RM12,806,927.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Lapan Ratus Enam Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Tujuh).**

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI: Jadual B.24 – iaitu wang sejumlah **RM12,806,927.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Lapan Ratus Enam Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Tujuh)** untuk Kepala B.24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, **RM13,172,130.00 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu Satu Ratus Tiga Puluh).**

TUAN PENGERUSI: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya ada dua nak minta penjelasan. Yang pertama mengenai dengan tapak untuk memindahkan peniaga-peniaga di sepanjang jalan Taman Idaman hingga ke.....

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Vot? Kod?

TUAN PENGERUSI: Muka surat?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Muka surat 164, Vot B.25, Kod 50500. Jadi

TUAN PENGERUSI: Muka surat 154?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : 64

TUAN PENGERUSI: 100?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : 164. Hulu Selangor, kan? Betul?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Apa kod?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Vot B.25 lah. Kod 50500.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Itu aktiviti.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Khidmat Pengurusan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Itu aktiviti. Kod tak ada?

TUAN PENGERUSI: Kod? Kolumn kedua.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ooooo kod dia. Kolumn kedua dia. Mana tadi. Pengurusan Tanah. Pengurusan Tanah secara *general* ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Mana kodnya?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya dah hilang dah, tanda banyak ni. Tak apalah. Saya nak bangkitkan juga sikitlah. Ini hal masyarakat kat sana. Tapak pemindahan peniaga-peniaga di sepanjang Taman Idaman hingga ke Desa Anggerik. Di situ dulu ada banyak peniaga-peniaga kecil so satu perbincangan dengan....

TUAN PENGERUSI: Pengurusan Tanah muka surat 165 ya?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ya, ya.

TUAN PENGERUSI: Ok, teruskan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : 165, 2500 sorry sorry. 52500 – Pengurusan Tanah.

TUAN PENGERUSI: Teruskan, teruskan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : So, kita ada buat sedikit perbincangan dengan Pejabat Tanah tak lama dulu mengenai dengan arahan untuk merobohkan gerai-gerai peniaga di sepanjang Taman Idaman hingga ke Desa Anggerik. So, satu *understanding* lah di antara peniaga, saya dan juga Pejabat Tanah pada ketika itu untuk membolehkan mereka ni berpindah ke kawasan baru di hadapan Desa Anggerik itu sendiri di barisan kedai-kedai di depan Desa Anggerik tu ada satu tanah lapang. Jadi, saya nak tahu status dia setakat hari ini macam mana adakah diluluskan tapak itu untuk memindahkan mereka-mereka ini kerana kita masih lagi menunggu keputusan. Yang keduanya masih lagi dalam pengurusan tanah tapi saya tak berapa pasti sama ada dia spesifik pada JAIS, PBT ataupun Pejabat Tanah sendiri.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Ini mengenai dengan tapak pelupusan sampah di Prima Beruntung ataupun Bukit Beruntung yang bersempadan dengan perkuburan orang Islam Bukit Sentosa, Bukit Beruntung. Baru-baru ini saya dikejutkan apabila penduduk membawa saya ke perkuburan berkenaan. Saya difahamkan tapak itu nak ditutup tetapi yang saya nak bangkitkan di sini perkuburan orang Islam ni dia mencerun, ada satu cerun yang masuk ke tapak pelupusan berkenaan. Apa yang berlaku musim hujan ini banyak kubur dah mendap di situ. Saya bimbang tapak kubur itu sendiri juga merupakan bekas tapak pelupusan. Jadi, ada kemungkinan di bawah itu sampah-sarapnya sama ada mendap ataupun sebagainya menyebabkan kubur-kubur di atas itu pun mula mendap. Jadi, saya mintalah sama ada JAIS, PBT ataupun Pejabat Tanah sendiri melihat, mengurus kebimbangan masyarakat Islam di Bukit Sentosa ataupun Bukit Beruntung. Itulah sat-satunya kubur ataupun tapak perkuburan yang mereka ada di sana dan minta juga tengok kembali kalau betul nak ditutup tapak pelupusan itu adalah satu tindakan yang bagus kerana dia juga melibatkan bau di sekitar Prima Beruntung, Addendum dan juga kawasan yang berdekatan di dalam kawasan itu. Itulah dua perkara yang saya nak bawa untuk pengetahuan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagai maklumat awal kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Kali, saya akan memberikan perhatian secara serius di atas usaha untuk memindahkan peniaga-peniaga kecil ini ke suatu tapak yang lebih sesuai. Dan Yang Berhormat Batang Kali ada mencadangkan ada dikatakan ada tanah lapang di depan Desa Anggerik dan saya akan meminta Pegawai Daerah Hulu Selangor melihat status tanah itu terlebih dahulu sekiranya tapak itu bersesuaian bagi tujuan dan aktiviti perniagaan kecil dan perkara ini akan diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Begitu juga dengan tapak di Prima Beruntung yang dibangkitkan oleh Y.B. Batang Kali saya juga akan berbincang dengan Pegawai Daerah yang berkenaan untuk melihat apakah keperluan yang dimaksudkan dan sekiranya tapak pelupusan sampah itu tidak sesuai lagi oleh kerana berdekatan dengan taman perumahan maka sudah tentulah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melihat keperluan-keperluan asas yang lain seperti tapak perkuburan yang tidak dicemari dengan aktiviti yang lain selain dari apa yang telah ditetapkan. Dan maklumat ini akan saya berikan kepada Y.B. Batang Kali secara bertulis apabila saya mendapat perincian daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.25 iaitu **RM 13,172,130.00 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu Satu Ratus Tiga Puluh)**. Untuk Kepala B.25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, **RM 13,848,507.00 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Lapan Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Tujuh).**

TUAN PENGERUSI: Sekinchan muka surat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Muka surat 168. Kod 51100 Gaji dan upahan. Tuan Pengurus saya ingin merujuk kepada soal tanah masalah salah guna tanah di kawasan jelapang padi di mana saya minta pemantauan satu kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri kerana sekarang ada satu *trend* di mana oleh kerana harga padi merudum sekarang bencana dan sebagainya, mereka petani-petani tidak mendapat keuntungan dan sebagainya banyak terdapat setengah mereka telah ubah kegunaan tanah tersebut tanam limau, kasturi dan sebagainya. Perkara ini telah menjadi satu fenomena di situ dan agar sukar untuk kita menegur dan sebagainya. Jadi saya minta pihak kerajaan dan pentadbir tanah cari satu kajian bagaimana atau Jabatan Pertanian untuk menghalang dan mencegah perkara sedemikian. Ini mesti ada satu garisan panduanlah supaya perkara ini dapat diambil maklum agar tidak menjadi satu perkara yang serius pada masa akan datang. Maka dengan itu tanah-tanah akan berkurangan ini yang saya perhatikan. Yang kedua berkenaan dengan isu permohonan tanah secara pemilikan Lorong 6 hingga 12 di bahagian Bagan Sekinchan di mana seluas 77 hektar telah diluluskan oleh kerajaan untuk secara tukar tanah di mana warta telah dibatalkan dan warta di tempat lain itu satu kejayaan besar saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri telah membantu nelayan-nelayan di situ. Sekarang permohonan telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah 250 permohonan saya mohon perkara ini dapat disegerakan untuk kelulusan secara pembelian. Saya mengucapkan terima kasih kerana perkara ini dapat dipantau. Dan kemudian ada satu lagi isu tanah di bahagian Bagan Nakhoda Omar di mana nelayan-nelayan di situ duduk disitu sudah lama dia seperti Bagan Sekinchan juga. Bagan Nakhoda Omar bukan macam Noh Omar Nakhoda Omar ya Nakhoda Omar bukan Nakhoda udang ya, KPKT ini sebab bukan bukan ok. Jadi isu ini lama bertahun-tahun dan isu nya kita hendak minta satu kaedah SOP tanah dilakukan. Dan kerajaan telah berusaha banyak kali tapi status perkembangan terkini saya tidak tahu. Saya meminta kerajaan kena serius supaya perkara ini dapat diluluskan dengan secepat mungkin untuk membantu nelayan-nelayan di situ menyelesaikan dan menghilangkan rasa waswas mereka untuk menduduki tanah itu sejak berpuluh tahun ya. Saya meminta kerajaan mengambil tindakan segera. Sekian, terima kasih.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Pengerusi sebagai maklumat awal perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan saya percaya Pegawai Daerah Sabak Bernam akan mengemukakan kertas sebaik sahaja kita mendapat ulasan teknikal daripada Jabatan-jabatan teknikal dan ia akan diangkat PTG dan pihak PTGS akan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri. Namun semua permohonan ini perlu mendapat laporan dan maklum balas daripada jabatan teknikal kerana kita tidak mahu sebarang kelulusan yang diberikan itu tidak menetapi peruntukan undang-undang yang sedia ada. Walaubagaimana pun prinsip yang dipakai oleh Kerajaan Negeri hari ini adalah tanah milik rakyat dan kita akan memberikan ruang yang adil dan saksama kepada rakyat di Sabak Bernam untuk memiliki tanah-tanah yang telah diusahakan sekian lama dan tidak membebankan mereka dengan premium yang tinggi. Dan perkara ini kita akan teliti dalam pertimbangan MMKN di masa yang terdekat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.26 – iaitu wang sejumlah **RM 13,848,507.00 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Lapan Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Tujuh).** Untuk Kepala B.26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.27 – Jabatan Kehakiman Syariah, **RM36,236,978.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Enam Juta Dua Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Lapan).**

TUAN PENGERUSI: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Pengerusi, Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyentuh B.27 muka surat 174 Aktiviti 54100 Kod Objek 1000 Gaji dan Upahan. Saya lihat dari segi peningkatan yang berlaku dalam proses Kehakiman Syariah ini sangat baik dengan beberapa perubahan dari segi peningkatan, keterampilan dan keteguhan Ketua-ketua Hakim Syarie yang lepas. Dan ini menunjukkan keyakinan rakyat tentang tahap Profesionalisme dalam pendirian keadilan dalam hukum syarie. Yang saya tegaskan di sini dari segi bagaimanakah kita dapat terjemahkan dan konsep yang telah dikemukakan di bawah oleh Dato' Menteri Besar dalam bajetnya iaitu pasal (Bahasa Arab) dan penekanan saya terhadap tentang

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

(Bahasa Arab) dapat dicernakan dan dilaksanakan di sini. Inilah peluang terbaik untuk kita tunjukkan kehebatan Al-quran yang telah dijanjikan oleh ALLAH swt dalam diri peribadi orang-orang yang mengendalikan sama ada dari segi ilmunya, kewibawaannya, salasilahnya, tingkah lakunya contoh teladan yang ditunjukkan, keceriaannya apabila berada bersama rakyat dan orang ramai. Dan ketegasannya apabila bercakap tentang keadilan. Dan yang lepas-lepas adalah masalah yang kita timbulkan gambaran yang diberikan tentang Mahkamah Syariah ini ke tidak keadilan yang dialami oleh wanita. Oleh itu saya mendapat banyak berubah cuma kita hendak bagaimana hendak menampakkan program ini satu pembelaan untuk semua. Pembelaan untuk wanita, bekas isteri pun tetapi juga untuk keadilan pembelaan keadilan bagi pihak suami iaitu lelaki. Jadi di sini saya mengharap pendekatan akan dilakukan dalam proses ketegasan hakim-hakim terhadap kecuaian dan pengabaian terhadap panggilan Mahkamah yang masih terdapat dilakukan oleh sebahagian bekas suami dan terdapat juga perasaan *give-up* (dengan izin) kekecewaan mereka tidak mahu pergi dan wanita bekas isteri. Jadi di sini kita perlu wujud satu *suppot* sistem yang saya yakini terdiri daripada kaunselor yang boleh diwujudkan sama ada oleh Jabatan Agama ataupun oleh Mahkamah Syariah itu sendiri. Jadi saya yang saya tegaskan di sini ialah bagaimanakah konsep (Bahasa Arab) dapat dicernakan dalam masyarakat dan (Bahasa Arab) dapat diwujudkan dengan baik. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Ada lagi hendak bahas. Sebelum saya meminta pihak kerajaan memberi penjelasan saya hendak letakkan ini dalam rekod Dewan *hansard* merujuk kepada laporan sidang media dibuat oleh Y.B. Permatang. Beliau membawa satu usul yang membawa memperkasakan Mahkamah Syariah dan hendak berbahas mengenai aspek infrastruktur dan tenaga manusia selaras dengan Peruntukan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor. Saya telah menolok usul tersebut bersama usul-usul yang lain 8 lagi usul. Kerana saya rasa tidak harus membawa usul khas apabila kita mempunyai ruang perbahasan yang secukupnya semasa Rang Undang-undang Perbekalan seperti sekarang Jabatan Kehakiman Syariah. Namun beliau tidak hadir, tidak berbahas dan kemudiannya keluar dan mengatakan Speaker pendirian parti DAP menolak sebarang perkasa Kehakiman Syariah ini tidak betul. Saya saya mahu *hansard* kita, kita ada rekod ini apabila tiba masanya untuk bahas Jabatan Kehakiman Syariah yang boleh digunakan untuk menambah baik tenaga kerja Instituti-instituti Kehakiman Syariah tidak hadir. Saya hendak dicatitkan dalam *hansard*. Baiklah kerajaan silakan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Pengurus. Terima kasih Hulu Kelang di atas pandangan dan juga cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk diperkasakan Sistem Kehakiman Mahkamah Syariah di Negeri Selangor. Untuk makluman bahawa usaha di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah di Negeri Selangor ini diteruskan dengan penambahbaikan beberapa kursus-kursus yang telah disusunkan oleh jabatan sendiri semata-mata untuk mempertingkatkan lagi sistem yang kita ada.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Dan juga keupayaan hakim-hakim di Selangor itu sendiri. Sejajar dengan tema (Bahasa Arab) sebagai yang disebut oleh Hulu Kelang tadi. Sama ada melalui keupayaan hakim-hakim kita dalam memberikan keputusan-keputusan keadilan berkaitan kes-kes Mahkamah yang saya kira pada ini memang nampak diperlihatkan agak ketengah. Dan melalui jenis-jenis yang ditulis saya kira ini memberikan ketetapan yang sangat baik kepada masyarakat dan rakyat terutamanya di Negeri Selangor. Selain daripada itu juga usaha di Hal Ehwal Islam itu sendiri yang mana kita mengharapkan Hakim-hakim ini juga secara tidak langsungnya akan terlibat di dalam program-program yang mendekati rakyat. Sebagai contoh Program 3K yang kita lakukan dibawah Stanco mereka terlibat di dalam memberikan maklumat-maklumat yang sebenarnya. Yang berlaku dalam sistem Kehakimah Mahkamah Syariah kita pada hari ini. Melalui masjid keterlibatan Peguam-peguam Syariah kita di dalam program-program. Saya kira ini secara tidak langsungnya akan memberikan pandangan yang lebih tepat rakyat kepada sistem yang kita ada. Kadang-kadang berlaku apabila penceramah-penceramah agama kita memberikan tafsiran yang mungkin dia tidak selaras dengan sistem yang kita adakan di negara kita ataupun yang diamalkan di peringkat Negeri-Negeri memberikan anggapan yang berbeza yang akhirnya memberikan pandangan yang tidak baik kepada sistem yang kita ikuti sama ada di negara kita atau di Negeri Selangor. Saya kira usaha-usaha ini akan tetap diteruskan dengan kita menggalakkan Hakim-hakim atau Peguam-peguam Syariah ini mendapatkan tauliah dan memberikan keupayaan ataupun kebenaran untuk memberikan ceramah-ceramah juga di institusi sama ada di Masjid dan surau-surau di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN PENGURUSI: Jadual B.27 – iaitu wang sejumlah **RM36,236,978.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Enam Juta Dua Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Lapan).** Untuk Kepala B.27 Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.29 – Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am), **RM187,460,955.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Enam Puluh Ribu Sembilan Ratus Lima Puluh Lima).**

TUAN PENGURUSI: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Sebab belanjanya besar RM187 juta. Jadi muka surat 178 dan 179 Kod B.29 yang berkaitan dengan kod objek 1100 dan hingga ke bawah. Jadi dua perkara yang hendak saya timbulkan. Pertama sejak mentadbir di Negeri Selangor kerajaan sejak 2008. Adakah disana berlaku ketirisan dalam Vot yang

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

berkaitan dengan Perbendaharaan ini yang pada masa-masa tahun-tahun yang lepas kita tidak memberi perhatian. Ada berlalu begitu sahaja meluluskan tanpa perbahasan. Jadi saya ingin menanyakan satu soalan yang paling tulus, adakah pernah berlaku oleh kerana penyelewengan ke pelanggaran disiplin dan sebagainya yang menyebabkan berlaku ketirisan kerugian wang walaupun sedikit. Yang keduanya adalah dari segi kalau saya silap tolol betulkan, adakah perbelanjaan makan minum dikabungkan disini Mengeri Besar boleh bantuan saya boleh yang berkaitan dengan hidang makan persidangan Dewan, mesyuarat? Ini yang berkaitan dengan Kerajaan sahaja. Isu yang ingin saya timbulkan ialah pembaziran. Adakah di sana dibuat kajian, penelitian berapa banyak pembaziran khususnya dari segi makanan di mana kalau kita lihat hari ini dunia barat berhati-hati memberi makan dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan atau pun Negara. Jadi ini satu perkara, kalau saya silap tak perlu jawab. Kalau ada relevannya, adakah di sana ada satu rekod. Mungkinkah dibuat satu rekod pada masa yang akan datang bermula tahun 2018 tentang kadar pembaziran makanan yang dibayar tetapi dibuang makanan itu. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Pihak Kerajaan.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin berdiri di sini bagi pihak Kerajaan Negeri dengan penuh rasa tawaduk dan tegas mengatakan, *Alhamdulillah*. Sehingga hari ini, kita telah berjaya menguruskan kewangan Negeri Selangor dengan penuh tanggungjawab, berintegriti. Tidak ada ketirisan, tidak ada penyelewengan dan tidak ada salah guna kuasa, *Insha Allah*. Saya berani menyatakan ini di dalam Dewan yang mulia ini kerana pendirian dan penegasan yang diambil oleh semua pimpinan termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri, anggota perkhidmatan awam daripada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang senantiasa memberikan nasihat kepada Kerajaan Negeri supaya semua proses-proses perolehan tender itu mesti dibuat secara terbuka, telus. Ini telah saya nyatakan dalam ucapan belanjawan. Hasil daripada pendirian yang tegas ini, kita telah melakukan penjimatan sebanyak lebih RM400 juta dalam persoalan perbelanjaan yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Kelang seperti makan minum. Saya sendiri telah memberikan satu pendekatan di mana mesyuarat-mesyuarat yang saya Pengerusikan tidak ada jamuan yang mewah dan membazir. Saya telah menetapkan hanya satu jenis kuih yang manis, satu jenis kuih yang pedas kerana ada orang suka manis, ada orang suka pedas. Tapi dua jenis dan tidak ada satu jamuan yang mewah kerana ini adalah wang rakyat yang tidak boleh kita bazirkan. Bagi pihak Perbendaharaan juga telah mengeluarkan satu Pekeliling kepada semua jabatan secara bertulis menasihatkan mereka melakukan penjimatan dalam urusan, operasi dan pengurusan di jabatan masing-masing dan kita memantau perkara ini di setiap jabatan. Malahan, baru-baru ini saya memberikan

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

pandangan kepada Kerajaan Negeri supaya mulai tahun depan, tidak perlulah kita membuat jamuan hari raya bagi setiap jabatan dan setiap unit kerana cukuplah satu jamuan hari raya untuk meraikan semua anggota perkhidmatan awam di dalam bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri. Jadi pandangan Hulu Kelang itu memang satu pandangan yang baik, peringatan yang baik kepada semua pimpinan kerana kita menggalas satu amanah yang cukup besar untuk memikul tanggungjawab ini dengan berintegriti dan bertanggungjawab. Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Kelang.

TUAN PENGURUSI: Bukit Antarabangsa lupa epal hijau untuk sarapan Dewan Negeri Selangor, bermesyuarat. Itu ada Pekeliling.

Baiklah, jumlah Perbekalan **RM3,052,825,920.00 (Ringgit Malaysia Tiga Billion, Lima Puluh Dua Juta, Lapan Ratus Dua Puluh Lima Ribu, Sembilan Ratus Dua Puluh)** menjadi..... saya pun keliru. Tunggu sekejap.

Jadual B.29 – iaitu wang sejumlah **RM187,460,955.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Tujuh Juta, Empat Ratus Enam Puluh Ribu, Sembilan Ratus Lima Puluh Lima)** untuk Kepala B.29 - Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jumlah Perbekalan, RM3,052,825,920.00 (Ringgit Malaysia Tiga Billion, Lima Puluh Dua Juta, Lapan Ratus Dua Puluh Lima Ribu, Sembilan Ratus Dua Puluh Ringgit).

TUAN PENGURUSI: Jumlah Perbekalan **RM3,052,825,920.00 (Ringgit Malaysia Tiga Billion, Lima Puluh Dua Juta, Lapan Ratus Dua Puluh Lima Ribu, Sembilan Ratus Dua Puluh Ringgit)** menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2.

TUAN PENGURUSI: Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual.

TUAN PENGURUSI: Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Pengurus, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengurus, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

(Bentara mengangkat semula Cokmar)

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2018.

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 telah diluluskan pada hari ini. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul bagi persetujuan Dewan.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Speaker, saya ingin membawakan satu Usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya, Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ditangguhkan sehingga hari esok memandangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 telah diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

TUAN SPEAKER : Baiklah, Dewan ini ditangguhkan sehingga esok, 10 November 2017, jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 petang)